

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 48

Khamis

13 November 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2015

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.22

(Halaman 23)

Maksud B.23

(Halaman 48)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2015

Jawatankuasa:-

Maksud P.22

(Halaman 23)

Maksud P.23

(Halaman 48)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 13 November 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit]** minta Menteri Kewangan menyatakan garis panduan yang digunakan atas lantikan Ketua Pegawai Eksekutif di setiap syarikat berkaitan kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Parit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan mengenai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di setiap syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di setiap syarikat milik kerajaan atau Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah berdasarkan beberapa kriteria yang dijadikan sebagai garis panduan, antaranya seperti berikut:

- (i) Memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda dalam bidang yang berkaitan;
- (ii) Menguasai kepakaran khusus atau kemahiran industri berkaitan operasi teras syarikat;
- (iii) Berpengalaman memegang jawatan tinggi atau penting dalam syarikat;
- (iv) Berkarisma dan menunjukkan daya kepimpinan serta sikap bertanggungjawab yang tinggi untuk menerajui syarikat;
- (v) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memastikan tahap integriti yang tinggi; dan
- (vi) Mempunyai personaliti tertentu yang menarik dengan latar belakang kerjaya yang bersih dan cemerlang.

Garis panduan berkaitan pelantikan pegawai kanan khususnya Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) pula termaktub di dalam Buku Hijau: Meningkatkan Keberkesanan Lembaga Pengarah yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC. Antara lainnya calon-calon bagi jawatan tersebut dipilih berdasarkan kepada pengalaman, kepakaran serta kemampuan individu tersebut untuk menerajui sesebuah GLC.

Di samping itu, setiap CEO GLC dikehendaki untuk memiliki integriti yang tinggi selain memahami pelbagai peranan kerajaan dalam pengurusan sosioekonomi sebagai pembangunan sosial, pembangunan ekonomi, pengawal selia dan pelabur serta menghayati tiga teras utama program transformasi GLC iaitu asas pembangunan negara, tumpuan kepada prestasi dan tadbir urus nilai pemegang saham serta pengurusan pemegang *stakeholders* yang berkepentingan.

Proses pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) pada kebiasaannya melalui proses pencalonan di Jawatankuasa Penamaan di peringkat lembaga pengarah. Seterusnya cadangan jawatankuasa berkenaan akan dimajukan ke lembaga pengarah untuk sokongan dan lantikan oleh Menteri Kewangan. Di peringkat Jawatankuasa Penamaan, jawatankuasa tersebut akan melakukan tapisan melalui pelbagai cara termasuk mendapatkan laporan menyeluruh tentang calon CEO dari segi kerjaya profesional, perwatakan dan rekod salah laku melalui pelbagai sumber yang sahih daripada industri dan agensi pencarian bakat.

Bagi sesetengah pelantikan CEO GLC, kelulusan tambahan daripada Kementerian Kewangan turut diperlukan bergantung kepada hak pemegang saham khas dan sekiranya ia termaktub dalam memorandum dan artikel persatuan. Antara contoh-contoh nama-nama CEO yang kita juga sudah kenali;

- CIMB Holdings Group Berhad - Tengku Datuk Zafrul Aziz bin Tengku Abdul Aziz, Malaysia Airlines,
- MAS - Encik Ahmad Jauhari Yahya,
- Telekom Malaysia Berhad - Tan Sri Zamzamzairani Mohd Isa,
- Tenaga Nasional Berhad (TNB) - Datuk Seri Ir Azman Mohd,
- Boustead Holding Berhad - Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin,
- Malayan Banking Berhad (Maybank) - Datuk Abdul Farid Alias,
- Sime Darby Berhad - Tan Sri Mohd Baki Salleh,
- Khazanah Nasional Holding - Tan Sri Azman Mokhtar,
- Petronas - Tan Sri Shamsul Azhar Abbas.

Itu sebagai contoh nama-nama CEO GLC dan MKD. Ada banyak lagi nama lain Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya beri contoh. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam memastikan matlamat agenda transformasi ekonomi bumiputera mencapai matlamatnya, saya ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah KPI yang telah ditetapkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat berkaitan kerajaan telah berjaya menggalakkan penyertaan bumiputera dalam syarikat-syarikat berkaitan kerajaan serta berapa ramaikah usahawan-usahawan bumiputera yang telah dilahirkan dan juga saya ingin tahu siapakah tokoh-tokoh ataupun pentadbir-pentadbir yang mentadbir 1MDB. Terima kasih.

■1010

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: GLC mempunyai laporan yang tertentu mengenai pencapaian usahawan bumiputera. Pada minggu lalu Kumpulan G20 iaitu GLC yang terutama, 20 kumpulan, 20 syarikat besar ini telah menyediakan satu laporan lengkap 32 muka surat dan laporan itu telah dikeluarkan dalam akhbar utama *Berita Harian* dan juga *Utusan Malaysia* yang kita boleh baca laporan 32 muka surat itu mengenai kejayaan GLC membangunkan usahawan bumiputera. GLC juga mengeluarkan laporan-laporan tertentu seperti yang ada di tangan saya ini, GLC Transformation Programme Progress Review 2014 dengan izin dan mereka juga mengeluarkan *report card* dengan izin, GLC Transformation Programme Report Card June 2014.

Di dalamnya sebagai contoh yang mengenai agenda bumiputera ini, disebut Bumiputera Empowerment Agenda (BEA), dengan izin. Antara perkara-perkara yang tercatat di bawahnya ialah telah mewujudkan 60,666 *suppliers* dengan nilai perniagaan RM75.1 bilion, membina 88 vendor dan 380 syarikat teras yang majoritinya adalah bumiputera. Kalau ingin *detail* daripada itu, bolehlah kita membaca yang telah diumumkan ke khalayak rakyat, 32 muka surat kejayaan mereka mengusahakan agenda bumiputera dalam perniagaan yang semua orang boleh baca.

Soalan yang kedua, 1MDB. *Board of Directors*, Pengerusinya Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin, CEO Mohd Hazem Abd. Rahman, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, ini salah seorang *Board of Directors* yang sebelum adalah CEO. Kemudian seorang lagi *Board of Directors*, Tan Sri Dato' Paduka Ismee Ismail, seorang lagi Tan Sri Dato' Ong Gim Huat dan seorang lagi ialah Tuan Ashvin J.Valiram.

1MDB juga mempunyai Lembaga Penasihat. Antara Lembaga Penasihatnya, 9 orang. Saya bacakan nama satu persatu. Pengerusi, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Ahli-ahli ialah Tan Sri Dato' Nor Mohamed Yakob, Tan Sri Dr. Ali Hamsa (Ketua Setiausaha Negara), Tan Sri Dr. Mohd Irwan Siregar Abdullah (Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan), Tan Sri Mohd Sidek Hassan (Pengerusi Petronas) dan ada empat orang daripada luar negara iaitu His Excellency Sheikh Hamad bin Jassim bin Jaber Al-Thani (Bekas Perdana Menteri dan Menteri Luar Negara Qatar), Mr. Bernard Arnault (*Group Chairman* dan CEO Louis Vuitton), His Excellency Khaldoon Khalifa Al-Mubarak (Pengerusi Abu Dhabi, *Executive Affairs Authority, CEO and Managing Director* Mubadala Development Company) dan Mr. Chang Zhenming (*Chairman and President China International Trust and Investment Corporation City Group of China*) iaitu sebuah konglomerat yang paling besar sekali di negara China. Itu 1MDB Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berkaitan dengan GLC ini, apakah keperluan kepada GLC dan sejauh manakah dan selama manakah kerajaan memerlukan GLC? Tidak adakah mekanisme lain untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan itu? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Hubungan...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terdapat...

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan itu Yang Berhormat, hubungan perlu diputuskan, sakit.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terdapat 20 syarikat di bawah GLC, itu satu kumpulan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada satu lagi kumpulan ialah 44 syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Jadi satu kumpulan MKD, satu kumpulan GLC. Dua yang berbeza. GLC ini ada dipanggil G20 yang sekarang ini tinggal 17 kumpulan dan satu lagi yang saya sebut tadi ialah syarikat MKD. Apa yang menariknya, 1MDB tidak dimasukkan dalam GLC dan Petronas tidak dimasukkan dalam kumpulan G17 itu. Ini adalah atas - Walau bagaimanapun, semua 17 tambah 44 itu di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan.

Ia akan diteruskan kerana kerajaan dari semasa ke semasa membuat pelaburan-pelaburan yang banyak dan pelaburan-pelaburan itu ialah pelaburan-pelaburan untuk prasarana yang tidak sanggup diambil oleh mana-mana syarikat bukan kerajaan ataupun syarikat yang tiada kaitan dengan kerajaan kerana pelaburannya amat tinggi. Sebagai contoh untuk melaksanakan MRT, dia memerlukan puluhan bilion ringgit dan untuk mendapat pulangan balik kepada MRT itu mengambil masa puluhan tahun. Kepada syarikat-syarikat biasa, ia tidak mungkin mempunyai kemampuan. Kita kluatir apabila tidak mampu, akhirnya kerajaan kena *bailout* syarikat-syarikat yang berkaitan.

Satu perkara yang saya ingin kongsi di sini bahawa CEO ini siapa yang memantau, ini tambahanlah. Pertama kita ada wakil MOF dalam *Board of Directors*. Kedua kita ada Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (*Government Investment Companies*) di dalam Kementerian Kewangan. Satu bahagian mempunyai ramai pegawai yang memantau. Kemudian, mereka kena bagi laporan setiap suku tahun kepada kerajaan dan laporan tahunan kepada kerajaan. Selain daripada itu, mereka juga ada KPI yang tertentu. KPI ini ada dua, satu KPI untuk CEO itu sendiri, satu lagi ialah untuk syarikat-syarikat yang mereka terajui. Seterusnya dari semasa ke semasa, Menteri Kewangan boleh memanggil mereka dan bertanya perkembangan-perkembangan.

Dari segi kebertanggungjawaban, saya ingin berkongsi di sini sebagai contoh CEO MRT meletakkan jawatan, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid. Dia meletakkan jawatan kerana mengambil tanggungjawab isu keselamatan yang menyebabkan kalau tidak silap tiga kematian dalam proses pembinaan MRT itu. Walaupun *Board of Directors* menolak, tetapi beliau mempunyai kebertanggungjawaban yang tinggi dan pada 31 Disember ini beliau akan secara rasmi meletakkan jawatan. Terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Minta soalan tambahan sebab topik ini, 1MDB adalah sangat kontroversi. Boleh saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Belum cukup lagi yang telah dibangkitkan sehari dua ini dengan hal itu dan ada usul juga yang dibawa oleh seorang wakil rakyat yang sedang saya mempertimbangkan sekarang sama ada dibahas atau tidak? Kalau belum cukup lagi itu, saya benarkan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Okey, baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Belum Yang Berhormat jawab saya, cukup itu atau tidak?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Belum cukup sebab...

Tuan Yang di-Pertua: Belum cukup. Sila, saya mahu dengar hujah Yang Berhormat sama ada itu sebagai tambahan ataupun juga menghabiskan masa. Sila.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Niat saya baik sebab ini tentang kewangan negara. Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tentang 1MDB ini. Baru-baru ini kawan saya yang berpengalaman World Bank, Washington DC. Dia punya komen ialah- *He said, "Brother, sovereign fund, no other sovereign fund in the world borrows money to invest at such a high interest rate."* Dia punya komen, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan. Terima kasih.

■1020

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Dia nampak tidak adalah kaitan yang terus tentang perkara ini. Kita telah jawab mengenai *sovereign fund* ini, Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju boleh membuka sebentar lagi laman web 1MDB dan membaca dalam laman web itu, jawapan tentang *sovereign fund*, kenapa *interestnya* tinggi dan sebagainya. Ia tidak boleh disamakan dengan satu lagi bon Petronas misalnya yang mempunyai *interest* yang rendah. Yang ini agak tinggi kerana tempoh masa matangnya mengambil masa yang lama jika dibandingkan dengan tempoh masa matang kepada hutang yang lain. Itu di antara perkara yang diambil perhatian ketika menentukan tempoh atau pun *interest* yang dikenakan dalam satu-satu bon itu.

Ahli Yang Berhormat boleh membaca dengan *detail* penjelasan. Saya juga telah meminta 1MDB untuk menjawab secara terbuka segala tuduhan dan tohmahan-tohmahan yang dilemparkan oleh pelbagai pihak, khasnya pembangkang kepada mereka. Kita juga bercadang untuk membawa dua Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat Permatang Pauh ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana telah mengelirukan Dewan dalam fakta-fakta yang mereka sebut tentang 1MDB. Bukan sahaja Yang Berhormat Pandan akan membawa saya ke jawatankuasa itu, tapi kami juga akan membawa Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ke jawatankuasa yang berkenaan. Baru betul kaedah berlawan.

2. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bilangan wanita di semua sektor utama dan matlamatnya. Apakah kemudahan yang diadakan untuk para pekerja wanita yang mempunyai anak.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azidah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong dan Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh di antara 2011 hingga 2015, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh kepada 55% pada tahun 2015. Pelbagai usaha kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan

telah pun membuahkan hasil apabila bilangan wanita dalam tenaga buruh telah meningkat daripada 4.17 juta pada tahun 2010, kepada 5.15 juta pada tahun 2013. Bilangan wanita yang bekerja bagi tempoh yang sama turut meningkat daripada 4.02 juta orang pada tahun 2010 kepada 4.97 juta orang pada tahun 2013.

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2013, peratus pekerja wanita daripada keseluruhan pekerja bagi setiap kategori di bawah piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2008, adalah seperti berikut:

Kategori Pekerjaan	Peratusan (%)
Pengurus	22
Profesional	55.4
Juruteknik dan profesional bersekutu	32.7
Pekerja sokongan dan perkeranian	72.9
Pekerja perkhidmatan dan jualan	48.4
Pekerja mahir/pertanian/perhutanan/perikanan	25.3
Pekerja kemahiran pertukangan dan pekerja pertukangan yang berkaitan	16.9
Operator loji dan mesin serta pemasang	20.9
Pekerjaan asas	33.5

Mengikut laporan tersebut juga seramai 2.92 juta orang wanita bekerja dalam sektor swasta pada tahun 2013 berbanding seramai 2.80 juta orang wanita yang bekerja dalam sektor swasta pada tahun 2012. Ini menunjukkan terdapatnya peningkatan bilangan pekerja wanita dalam sektor swasta sebanyak 4.4%.

Tuan Yang di-Pertua, khusus bagi sektor awam, data Jabatan Perkhidmatan Awam menunjukkan hingga Julai 2014, jumlah penjawat awam wanita dalam perkhidmatan awam adalah 644,859 orang iaitu 55.4% daripada keseluruhan penjawat awam, berbanding tahun 2010 ketika penjawat awam wanita adalah seramai 554,986 orang atau 53.4% daripada keseluruhan penjawat awam.

Di peringkat pengurusan dan profesional pula, hingga Julai 2014, penjawat awam wanita adalah seramai 221,592 orang iaitu 63.1% daripada keseluruhan penjawat awam di peringkat pengurusan dan profesional berbanding 166,931 orang ataupun 60.9% daripada keseluruhan penjawat awam di peringkat pengurusan dan profesional pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan bagi pekerja wanita yang mempunyai anak. Pusat jagaan dan taman asuhan kanak-kanak merupakan satu sistem sokongan penting yang membantu wanita-wanita yang mempunyai anak, kekal dalam pasaran pekerjaan. Sehingga bulan Ogos 2014, sebanyak 3,414 buah taska yang dibuka telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan dan Masyarakat (JKM). Manakala 565 buah pusat jagaan harian kanak-kanak dan 231 buah pusat jagaan kanak-kanak berkediaman juga telah berdaftar dengan JKJ. Di samping itu enam buah taska OKU yang diuruskan oleh pihak NGO telah ditubuhkan.

Bagi mempertingkatkan sistem sokongan ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pihak majikan serta pengusaha taska untuk menyediakan perkhidmatan ini. Antara inisiatif tersebut adalah:

- (i) peruntukan geran pelancaran sebanyak RM200,000 kepada kementerian atau jabatan untuk menubuhkan taska di tempat kerja sektor awam;
- (ii) pengecualian cukai 10% setahun bagi majikan di sektor swasta ke atas kos keseluruhan pembinaan atau pembelian bangunan untuk menubuhkan taska di tempat kerja bagi tempoh 10 tahun;
- (iii) pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak swasta;
- (iv) insentif kepada majikan dalam sektor swasta melalui pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan taska dan pusat jagaan kanak-kanak; dan
- (v) subsidi khusus pengasuhan PERMATA sebanyak RM500 bagi seorang pengasuh.

Tuan Yang di-Pertua, *flexible work arrangement (FWA)* atau pengaturan kerja fleksibel merupakan kemudahan yang dapat membantu pekerja wanita yang mempunyai anak. Di bawah Bajet 2014, majikan dicadangkan melaksanakan pengaturan kerja fleksibel yang memberikan kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat kerja. Skim ini boleh dilaksanakan dalam bentuk seperti *compress work with, flexi hours* dan *weekend work*. Bagi menarik lebih banyak syarikat Malaysia melaksanakan pengaturan kerja fleksibel, perbelanjaan latihan dan fi konsultasi yang ditanggung oleh majikan dalam melaksanakan skim ini diberikan potongan cukai tambahan di bawah Bajet 2014.

Selain itu, portal *flexworklife.my* yang dilancarkan pada 8 Julai 2013, dengan kolaborasi antara Jabatan Pembangunan Wanita, TalentCorp Malaysia dan MyStarJob berperanan memaparkan pekerjaan yang berdasarkan *flexi jobs*, menyediakan *repository* amalan terbaik FWA dan kemudahan yang mesra keluarga bagi rujukan dan kegunaan syarikat dan menyediakan platform permohonan insentif cukai bagi majikan menyokong pelaksanaan FWA. Pada 30 Oktober 2014, sejumlah 374 *flexi jobs* telah diiklankan oleh lebih 80 majikan. Sementara bilangan pemohon pekerjaan ialah 4,415. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian sanggup menginfakkan atau membelanjakan lebih wang untuk mewujudkan suasana dan syarat yang lebih baik bagi kaum wanita, terutamanya di peringkat pengurusan. Apakah itu usaha yang berlebihan dalam rancangan Malaysia yang akan datang?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Kepong yang begitu amat prihatin sekali dengan nasib dan membela kaum wanita. Kita pun kerajaan memang amat-amat prihatin akan pembangunan wanita di dalam negara kita Malaysia ini dan oleh kerana itulah seperti mana telah saya sebut tadi, kita mahu mencapai 55%

tahun hadapan wanita dalam tenaga buruh. Untuk itu kita menyediakan dasar untuk menubuhkan taska di tempat kerja.

■1030

Itu adalah satu kemudahan untuk membolehkan wanita terus bekerja sebab kalau tidak ada tempat untuk menghantar anaknya, tentulah wanita yang bekerja ini akan terpaksa keluar daripada alam pekerjaan, berhenti kerana mahu menjaga anak-anak dan keluarganya.

Oleh sebab itu juga pada tahun hadapan, bajet kita ada kita peruntukkan lagi RM10 juta untuk taska di bawah NKRA. Ini ialah satu tindakan kerajaan untuk pastikan banyak taska lagi dapat ditubuhkan maka lebih ramai wanita lagi boleh bekerja. Bukan sahaja boleh bekerja tetapi terus berada di alam pekerjaan. *Flexi work* pun itu adalah satu usaha kerajaan juga yang telah diperkenalkan pada tahun lalu bersama-sama dengan TalentCorp untuk memastikan wanita yang bekerja dapat terus bekerja. Wanita yang pernah bekerja mereka mempunyai ilmu, pengetahuan dan pengalaman yang tinggi, berhenti sementara boleh balik bekerja melalui program *flexi work* ini. Ini ialah usaha kerajaan yang akan diteruskan juga di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas akan datang. *Insyaa-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Suara wanita, Yang Berhormat Pasir Gudang.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, berikutan kurangnya sambutan daripada syarikat swasta terutamanya untuk membina nurseri di tempat kerja, adakah kementerian bersedia untuk membangunkan satu pusat asuhan di dalam kawasan ataupun berdekatan kawasan industri dan komersial untuk menyelesaikan masalah kembalinya wanita ke tempat kerja? Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa memang sudah ada pihak swasta yang bekerjasama dalam usaha kerajaan untuk memastikan wanita yang bekerja di swasta juga mendapat pembelaan khususnya anak-anak mereka ada tempat untuk mereka hantar. Setakat ini mengikut data kita, kita sudah mempunyai 26 taska tempat kerja di sektor swasta.

Kita ingin mengucapkan terima kasihlah kepada mereka ini, badan-badan swasta yang telah pun menubuhkan taska di tempat kerja mereka. Kita meminta mengambil kesempatan ini menyeru kepada jabatan-jabatan ataupun badan-badan swasta yang lain lagi yang ada di dalam negara kita ini supaya dapat menubuhkan taska di tempat kerja.

Saya ingin bagi tahu, setakat ini kereta Proton sudah ada, kakitangan UniKL sudah ada, Tenaga Nasional Berhad sudah ada, Kolej Mara, Kajang Specialist Hospital, PLUS Malaysia Berhad, SIRIM, Citibank ini telah pun menubuhkan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Sime Darby, TNB, Malayan Banking, Perbadanan Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Felda Holdings, Koperasi Kolej Profesional Mara, Koperasi USM, Petronas, Tenaga Nasional, semua ini telah pun ada mewujudkan taska di tempat kerja.

Akan tetapi kita mahu lebih banyak lagi dan kita berharap juga kepada mereka yang ada di luar sana ini, ada yang mengatakan bahawa seperti di industri, mereka mengatakan tempat itu adalah tidak sesuai untuk mewujudkan taska di tempat kerja disebabkan mungkin berbahaya kepada anak-anak dan sebagainya. Akan tetapi kita boleh bekerjasama dengan mereka untuk mewujudkan di luar kawasan yang dianggap berbahaya ini supaya wanita yang bekerja di industri pun dapat...

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya... Saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Biar dahulu Yang Berhormat, Menteri habis jawab. *[Ketawa]* Soalan yang pertama pun belum lagi habis dijawab, sudah ada satu jawapan. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Supaya ibu-ibu ataupun wanita yang bekerja di industri juga boleh meletakkan anak mereka di tempat yang selamat, yang berdaftar dan mereka boleh bekerja dengan keadaan yang baik, yang selesa dan tidak merasa susah hati. Kementerian kita, tugas kita ialah untuk mendaftarkan dan juga membantu untuk melatih para pengasuh yang ada di taska-taska ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Satu lagi tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, suara wanita sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingat kita belum orang kata ekzos dengan izin *option-option* yang kita ada untuk membantu wanita yang bekerja. Sudahkah kementerian melihat bahawa bukan setakat taska sahaja yang kita perlukan untuk meletakkan anak. Wanita tidak dapat lari daripada tanggungjawab lain seperti masak dan lain-lain pekerjaan di rumah. Biasanya pada masa-masa yang lepas, kehadiran pembantu rumah itu amat membantu wanita. Jadi sekarang ini, saya hendak tanya sama ada Kementerian Pembangunan Wanita *explore* ataupun mencari jalan lain supaya wanita lebih mudah mengambil pembantu rumah. Sekarang ini pembantu rumah kalau hendak ambil dari luar negara, sekurang-kurangnya kena ada RM10,000.

Sedarkah kementerian bahawa ramai daripada orang-orang muda mengambil pembantu rumah yang kira dari Indonesia yang datang ke Malaysia, kemudian melepasi masa lawatan mereka dan mereka tinggal sebagai pendatang asing tanpa izin. Untuk menukar status mereka ini kepada mendapat permit atau visa yang sah, tidak ada jalan dengan Jabatan Imigresen.

Jadi mungkin perkara ini saya cadangkan patut kita terokai dengan Kementerian Dalam Negeri untuk memberi satu kelonggaran kepada wanita-wanita yang ingin mengambil pembantu rumah dan tidak perlu melalui agensi-agensinya. *[Dewan riuh]* Ya, saya hendak bertanya, adakah kita *explore* perkara-perkara lain selain daripada taska? Saya minta itu kerana kita tidak akan berkesudahan dengan masalah ini. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hal wanita, pembantu rumah. Kalau tiada pembantu rumah, kaum lelaki juga nanti merungut. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih sahabat dari Kota Raja. Memang kita sebagai wanita, semua perkara kita *explore* bagaimana kita hendak capai terutamanya 55% tahun hadapan wanita dalam tenaga kerja ini.

Kita kena *explore everything*. Jadi, *Alhamdulillah*, kementerian kita memang mengadakan banyak perbincangan, perundingan dengan pelbagai kementerian yang lain yang ada kaitan khususnya berkaitan dengan pembantu rumah ini kementerian kita juga, Yang Berhormat Menteri mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Menteri Sumber, misalnya untuk mencari jalan bagaimana kita dapat memberikan kemudahan kepada wanita kita yang bekerja seperti mana yang telah Yang Berhormat cakapkan tadi, yang katakan tadi bahawa memang masalah kita sekarang untuk mendapatkan pembantu rumah ini. Ini memang sedang di dalam perancangan kita, di dalam perundingan kita. *Alhamdulillah*, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, lagi satu soalan Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mahu saya langgar peraturan mesyuarat? Sudah tiga Ahli Yang Berhormat yang berdiri.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Okey, okey, okey.

3. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta Perdana Menteri menyatakan usaha untuk menaik taraf sistem peperiksaan online yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi mengatasi masalah teknikal yang membabitkan server kepada calon yang mengalami kesulitan untuk menjawab soalan peperiksaan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Lipis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan pada hari ini bersekali dengan pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Hulu Rejang pada 17 November 2014 kerana menyentuh isu yang sama iaitu berkenaan dengan sistem peperiksaan secara *online* perkhidmatan awam. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah memperkenalkan sistem peperiksaan secara *online* mulai 30 April 2014.

Peperiksaan secara *online* ini bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada calon mengakses sistem peperiksaan di mana-mana sahaja tempat berhampiran yang mempunyai kemudahan capaian *internet* tanpa perlu ke pusat-pusat peperiksaan yang ditetapkan SPA yang biasanya hanya dibuka di ibu negeri-ibu negeri atau bandar-bandar besar sahaja.

■1040

SPA telah membuat persediaan yang rapi sebelum melaksanakan sistem peperiksaan *online*. Sebagai langkah persediaan, SPA telah menjalankan ujian *stress* ataupun *stress test* ke atas sistem aplikasi, server dan juga keseluruhan infrastruktur sistem tersebut sebelum pelaksanaannya. Ujian ini juga diadakan secara berterusan. Sehingga kini sebanyak enam ujian

stres ke atas sistem aplikasi dan infrastruktur telah dilaksanakan bagi menilai tahap kematangan kepada sistem aplikasi dan capaian. Seterusnya memastikan sistem aplikasi dan capaian tersebut berada di tahap yang paling baik sebelum peperiksaan dijalankan.

Penambahbaikan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan hasil ujian stres tersebut. SPA juga melaksanakan penambahbaikan ke atas server dan *firewall* bagi memastikan calon-calon yang menduduki peperiksaan dapat mengakses tanpa sebarang masalah. Jumlah *virtual server* telah ditingkatkan kepada 70 *virtual server* yang mampu menampung sehingga 120,000 calon.

Penambahbaikan infrastruktur sistem peperiksaan *online* juga telah dilakukan di mana kesemua server dipecahkan kepada enam *cluster*, atau kumpulan bagi memastikan prestasi *server* dan aplikasi yang optimum. Setiap *cluster* dipasang dengan satu *virtual firewall* bagi memastikan keselamatan dan melancarkan akses calon ke sistem peperiksaan. Konfigurasi aplikasi dan juga *server* telah ditambah baik untuk membolehkan sistem menampung jumlah calon yang ramai. Di samping itu, sistem ini juga menyediakan *redundancy* untuk setiap *virtual firewall* bagi membolehkan *high availability*, dengan izin dalam mengendalikan pencapaian yang tinggi secara serentak daripada calon.

Dalam masa yang sama, SPA telah menubuhkan pasukan khas teknikal ICT di pusat operasi setiap kali urusan peperiksaan dijalankan bagi memastikan urusan peperiksaan berjalan lancar. SPA juga menubuhkan pasukan media dan komunikasi semasa urusan peperiksaan sedang berlangsung bagi menjawab panggilan telefon dan pertanyaan di media sosial bagi membantu calon-calon yang membuat pertanyaan berkaitan urusan peperiksaan tersebut.

SPA turut menganjurkan sesi-sesi taklimat khas peperiksaan *online* di seluruh negara kepada calon-calon yang akan menduduki peperiksaan. Taklimat ini memberikan panduan berkaitan tatacara dan penggunaan aplikasi sistem peperiksaan *online* serta maklumat berkaitan kemudahan komputer dan capaian internet yang sesuai yang perlu disediakan oleh calon bagi menduduki peperiksaan *online* ini dengan lancar. SPA tidak menafikan beberapa masalah yang timbul semasa awal pelaksanaan peperiksaan *online* ini dilaksanakan.

Namun, hasil daripada penambahbaikan yang berterusan, peperiksaan *online* SPA, semakin bertambah baik. Terkini, tiga peperiksaan *online* yang dilaksanakan iaitu peperiksaan bagi Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27, Juru Fotografi Gred B17, dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 telah berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Seramai 46,516 calon telah berjaya menduduki peperiksaan bagi skim PTD yang diadakan baru-baru ini pada 1 November yang lepas. Keputusan peperiksaan juga telah diumumkan pada 3 November melalui portal SPA. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri walaupun pihak Menteri telah menjawab dengan baik sekali. Akan tetapi beberapa persoalan yang hendak saya timbulkan. Saya sangat menyambut baik transformasi dan perubahan SPA ini selaras dengan keinginan yang kita ada pada hari ini dan cuma beberapa perkara yang harus SPA mengambil

kira, pihak Menteri mengambil kira kerana sistem ini dapat menjimatkan banyak sebenarnya, lebih kurang RM2.5 juta setahun kalau ikut maklumat.

Cuma yang perlu kita atasi dalam persoalan ini adalah, apakah masalah yang boleh diatasi berkenaan dengan penduduk-penduduk di pedalaman yang biasanya mereka ini tidak mempunyai akses internet dan difahamkan menjawab soalan ini bermula pada 8 malam sehingga 11 malam. Sudah pasti kalau di bandar-bandar kecil umpama di Parlimen Lipis sendiri Tuan Yang di-Pertua, pusat *cyber* ini kebanyakannya tutup jam 8, 9 dah tutup. Ini masalah yang timbul bagi penduduk pedalaman.

Jadi adakah pihak Menteri bercadang untuk dibuat waktu siang walaupun kita tahu pada dasarnya kerajaan hendak menjimatkan masa, hendak menjimatkan cuti kalau yang perlukan cuti. Akan tetapi dalam soal penduduk-penduduk luar bandar ini juga perlu diambil kira. Saya ingat Yang Berhormat Hulu Rajang pun mempersoalkan, mesti soalan yang seperti ini yang sama juga. Saya juga dimaklumkan daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk. Sering kali saya ingatkan soalan tambahan adalah singkat, bukan berhujah. Yang campur hal sana tu yang ikut sebab apa? Sila Yang Berhormat, singkatakan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Cuma saya hendak tanya kebanyakan *server* ini ada sedikit masalah dan calon tidak dapat hendak menjawab soalan 'B', baru-baru ini. Apakah kerajaan hendak mengatasi masalah yang timbul ini? Itu soalnya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Alangkah baiknya kalau itu adalah soalnya dari mula. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lipis kerana pertama, menyokong usaha SPA untuk membuat transformasi. Daripada catatan saya di sini lebih kurang tiga soalan yang dikemukakan. Pertama, tentang *server* tadi. Masalah itu sudah tidak ada lagi kerana kita sudah menambahbaikkan ataupun membuat beberapa tambahan dan juga perubahan kepada sistem *server*.

Satu daripada perubahan yang kita buat ialah kita menggunakan sistem *redundancy* ataupun *photology*. Saya bukan orang teknikal, di mana mana-mana *server* yang tidak mampu menerima jumlah calon yang begitu ramai kepada sesuatu *server* itu, *server* yang lain akan membantu. Atau kalau satu *server* itu rosak, *server* yang lain akan membantu, yang berjalan dengan baik. Jadi sekarang isu ini tidak timbul lagi.

Kedua, calon luar bandar. Saya rasa ini lebih persepsi dan bukan kebenaran kerana ada tiga bukti. Dua bukti *empirical* yang pada pandangan saya yang membuktikan peperiksaan secara *online* ini adalah untuk kebaikan semua orang, sama ada calon dari bandar ataupun dari luar bandar. Misalnya kalau mengikut data dan data ini saya peroleh sebelum isu aduan dari orang ramai timbul. Sebab saya minta SPA memberi taklimat kepada saya dan beberapa hari kemudian secara kebetulan ramai orang membuat aduan bahawa luar bandar ini tidak dapat menduduki peperiksaan tersebut.

■1050

Bukti empirikal yang saya maksudkan, pertama, kalau mengikut sistem konvensional iaitu pegawai kita pergi ke pusat-pusat yang tertentu bawa kertas peperiksaan dan menjadi pemantau peperiksaan di sana. Di semenanjung dahulu, daripada jumlah orang yang dipanggil untuk menduduki peperiksaan ini, hanya 50% sahaja yang akan hadir pada hari yang tersebut. Di Sabah, 54%, di Sarawak 56%.

Selepas sistem peperiksaan *online* ini diwujudkan, dilaksanakan, di Semenanjung daripada 50% meningkat kepada 62%. Di Sabah meningkat daripada 54% kepada 68%, di Sarawak daripada 56% kepada 65%. Semua meningkat. Kenapa peningkatan ini boleh dianggarkan, adalah disebabkan calon-calon daripada luar bandar yang lebih ramai hadir kerana pada pendapat saya, senario ataupun capaian ataupun *accessibility* untuk orang di bandar sama ada mengikut sistem konvensional ataupun sistem *online* memang adalah satu *constant*, lebih kurang sama.

Akan tetapi, untuk orang luar bandar mengikut sistem konvensional, saya ambil contoh di Sarawak tak kira daripada mana calon itu datang, dia mesti pergi ke satu daripada tiga tempat yang ditetapkan sama ada dia pergi ke Miri atau Sibu atau Kuching mengikut mana yang terdekat untuk seseorang tersebut. Akan tetapi, untuk sistem peperiksaan *online* ini, orang di Limbang, orang di Lawas tidak perlu pergi ke Miri. Saya tak tahu di Bekenu, di Sibuti, ada tak Yang Berhormat Sibuti di sini? Ada tak sistem capaian internet?

Kalau ada, maknanya orang itu tak perlu pergi ke Bintulu. Orang Kapit ataupun hulu dari Kapit, dia tak perlu pergi ke Sibu kalau ada capaian internet di Kapit. Akan tetapi kalau mengikut sistem konvensional, cuma dapat pergi ke Sibu, Kuching dan Miri. Itulah saya rasa sebabnya peningkatan ini wujud sekarang apabila kita laksanakan sistem peperiksaan *online*.

Yang kedua, kalau mengikut butiran terperinci untuk Sabah dan Sarawak, ini lebih lagi menyokong apa yang telah saya terangkan tadi. Sarawak dulu, ingat di Sarawak, sistem konvensional cuma 56% dahulu. Sekarang dilaksanakan sistem peperiksaan *online*, Kuching menaik kepada 75.5%. Bau- luar bandar (67.9%). Lundu (63.6%), Kota Samarahan (76.6%), Serian (83.1%), Sri Aman (89.6%), Sibu (75.1%), Mukah (82.5%), Sarikei (79.1%), Kapit (82.5%), Bintulu (72.1%), Miri (74.1%), Marudi (50%), Limbang (81.2%), Lawas (78.3%), Betong (75.8%).

Yang penting di sini ialah tidak ada pun mengikut rekod yang kita dapat dan kita kesan dari bilik operasi, bilik gerakan SPA ini semasa peperiksaan, tidak ada yang rendah daripada 56% yang di luar bandar ini. Ini bermakna jelas sekali pelaksanaan sistem *online* ini begitu berkesan membantu orang di luar bandar tetapi kemungkinan memang ada yang di luar bandar itu ada yang tak ada internet dan kemungkinan dia tak pergi ke tempat yang ada capaian internet. Akan tetapi, pada keseluruhannya, *effect* ataupun impak begitu positiflah pelaksanaan sistem peperiksaan *online* ini.

Oleh kerana sekarang Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang telah wujud pada bulan Julai kalau tak silap saya, bulan Julai, bulan September, tiga kali ada masalah itu. Kita telah buat penambahbaikan dan sekarang tidak ada wujud lagi masalah dalam sistem

peperiksaan *online*. Jadi Yang Berhormat, saya rasa tak perlu saya jawab satu persatu soalan yang lain tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya panggil Yang Berhormat Kota Bharu untuk buat soalan tambahan, saya ingin buat komen secara serius. Saya mahu Ahli-ahli Yang Berhormat tunjukkan kerjasama. Sekarang menghampiri sejam, soalan yang telah kita jawab cuma dua setengah. Sering kali saya ingatkan jangan apabila bertanya soalan tambahan, berlingkar-lingkar kerana Peraturan Mesyuarat 24 tidak membenarkan. Kalau Menteri menjawab, jawab sahaja kepada soalan yang dikemukakan. Jangan libatkan dasar-dasar kerana soalan keempat ada juga mustahak, soalan kelima mustahak, soalan keenam mustahak. Yang kementerian lain sudah juga sediakan soalan.

Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak juga faham ini, tidak apa. Menurut Peraturan Mesyuarat 24(3), saya cuma boleh kasi tiga itu pun budi bicara saya, kalau saya rasa perkara itu mustahak. Akan tetapi, ada juga Ahli Yang Berhormat yang berdiri lagi mahu minta lagi. Saya tidak boleh kawal Yang Berhormat kalau semua tidak kerjasama. Tolong ingat termasuk Menteri-menteri. Kalau menjawab, *specific to the question*, jangan bawa dasar. [Tepuk] Jangan tepuk sahaja lepas itu selepas ini Yang Berhormat juga terlibat. *I'm very serious on this*. Sila Yang Berhormat Kota Bharu. Padat, cepat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas nasihat. Soalan saya ringkas dan tepat. Yang Berhormat Menteri telah beri jawapan yang agak baik tetapi ternyata sistem peperiksaan *online* masih lagi belum memuaskan hati banyak pihak. Saya nak tanya terus kepada soalan, di negara-negara lain yang mengamalkan sistem *online exam* ini, dia wujudkan *online exam centre*, pusat peperiksaan *online*. Adakah kerajaan kita bercadang untuk mewujudkan pusat-pusat ini. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Tuan Yang di-Pertua, sistem berpusat ini dapat diwujudkan. Pertama kalau macam di Singapura senang, kecil tempatnya. Yang kedua, kalau capaian internet itu agak berkurangan. Di Sarawak misalnya di Malaysia ini terutama sekali di Sarawak, penduduk kita memang di merata tempat dan tak bolehlah. Kalau ditempatkan satu tempat, lebih baik kita pergi balik kepada sistem konvensional, kita pusatkan di tiga tempat. Di Sarawak misalnya di Kuching, Sibul dan Miri. Jadi setakat ini kita belum ada dasar nak buat sedemikian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya Menteri yang jawab itu, saya kata oleh kerana soalan itu *required answer yes or no, I will just say no. Simple. So*, ambil ingatan kepada Menteri-menteri ya, *I'm serious*. Kepada pegawai-pegawai juga yang menyediakan jawapan itu. Ini bukan pasal soal dasar.

4. **Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah untuk memperkembangkan lagi program-program seperti Digital Campus 2014 (DC 2014) yang dilihat berupaya meningkatkan minat belia untuk bersaing dalam industri teknologi.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan ini, ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa program Digital Campus 2014 ataupun DC 2014 adalah program yang telah dianjurkan oleh syarikat swasta dan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan hanya merasmikan program ini dan ini bukanlah program Kementerian Belia dan Sukan.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa menyokong program pembangunan teknologi terutamanya yang melibatkan golongan belia. Program Digital Campus 2014 (DC 2014) merupakan program anjuran badan bukan berasaskan keuntungan, *non profit organization*, dengan izin, iaitu Youth on Unity (Y.O.U) dengan sokongan KBS dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Program yang diadakan pada 3 hingga 5 Oktober 2014 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid merupakan platform di mana inovasi, kreatif, hiburan digital dan pendidikan disatukan di bawah satu bumbung.

Program ini dapat mendedahkan belia dengan industri kreatif dan inovatif melalui aktiviti pendidikan yang interaktif dan menyeronokkan. Selain itu, kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) khususnya, telah melaksanakan pelbagai program berkaitan industri kreatif bagi menarik minat untuk belia melibatkan dalam bidang teknologi. Sekian, terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuba ringkaskan. Pertama, saya cukup menyokong program ini walaupun program ini adalah program pihak swasta dan pihak kerajaan telah menyokong program ini. Ia menjadi satu jambatan yang begitu baik untuk menghubungkan belia negara kita dengan pemain besar industri global dalam teknologi digital dan robotik ini. Isu kita ialah negara kita telah lama terdedah dengan industri ini, tetapi belia negara kita masih tidak dapat memahami ataupun mengarahkan minat mereka dalam bidang ini.

Jadi soalan saya secara ringkas, saya bimbang jadi panjang pula. Apakah pihak kementerian, pihak kerajaan mempunyai satu rancangan yang lebih bersepadu, berjangka panjang di antara tiga kementerian, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Belia dan Sukan agar bidang industri digital dan robotik ini benar-benar menarik dan mendedahkan kepada belia negara kita agar menceburi bidang ini sebagai sumber baru ekonomi negara. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan berkaitan dengan tiga kementerian dan melibatkan dasar, maka kementerian akan mengkaji secara mendalam dan memberi jawapan secara bertulis. Walau bagaimanapun, dari segi tindakan Kementerian Belia dan Sukan melalui Pusat Latihan IKBN Sepang, memang Kementerian Belia dan Sukan memberi pendidikan awal dalam program robotik untuk memastikan generasi muda selari dengan pembangunan digital program secara keseluruhan. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimanakah pihak kementerian membantu NGO-NGO dan

syarikat swasta yang berminat menganjurkan program-program yang memang mendapat tempat di hati orang muda seperti Program Selawat Perdana, IT Fair, Kursus Perkahwinan Perdana, My Kampung My Future dan sebagainya ini dan memasukkan program-program sebegini ke dalam festival belia yang kita anjurkan setiap tahun. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan memang sentiasa memberi sokongan dan dorongan terhadap program-program yang akan mendorong belia. Program-program yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat memang dirangkumi dalam program Festival Karnival Belia yang kita anjurkan setiap tahun di Putrajaya. Terima kasih.

5. **Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan:

- (a) apakah ada usaha terkini pihak kementerian dalam menyelesaikan masalah bekalan elektrik yang masih terus membelenggu rakyat Sabah khususnya di Tawau; dan
- (b) apakah ada "*time frame*" yang sudah ditetapkan untuk menyelesaikan masalah ini.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Kalabakan ulang balik itu, percaya akan minum teh tarik nanti di luar.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya mahu kira, kira jawab tetapi Tuan Yang di-Pertua sudah katakan, pendekkan jadi tiada masa untuk berbalas pantun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dewan yang mulia serta Yang Berhormat Tawau, beberapa tindakan telah dilaksanakan dan dirangka bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani masalah gangguan bekalan elektrik di Sabah termasuk di Tawau. Di antara langkah-langkah mitigasi jangka pendek termasuk pemindahan set-set jana kuasa dari Teluk Ewa ke Sabah bagi pembinaan Stesen Janakuasa Kubota di Tawau yang telah bermula beroperasi pada bulan Julai 2013. Ini diikuti dengan pemulihan set jana kuasa Batu Sapi di Sandakan bagi tambahan 20 megawatt dan pemindahan set jana kuasa mudah alih 8 megawatt dari Tanjung Aru ke Labok, Sandakan. Langkah-langkah ini telah memperlihatkan hasil yang baik dan dibuktikan melalui pengurangan catatan System Average Interruption Duration Index (SAIDI) di Tawau iaitu daripada 482.62 minit pengguna setahun pada tahun 2011 kepada 422.36 minit, setiap pelanggan setiap tahun pada tahun 2014.

Untuk makluman Yang Berhormat, Stesen Janakuasa Kimanis berkapasiti 285 megawatt juga telah memulakan operasi di mana tiga unit jana kuasa telah dimulakan tugas secara berperingkat. Satu, pada 16 Mei tahun ini dengan 95 megawatt, yang kedua 22 Julai dengan 95 megawatt dan baru-baru ini 7 November dengan 95 megawatt. Sistem gred SESB diperkukuhkan

lagi dengan set jana kuasa milik SPR sebanyak 100 megawatt yang telah dimulakan tugas pada 13 Ogos 2014. Selain itu, Stesen Janakuasa Cash Horse 10 megawatt berasaskan biomass pula telah dimulakan tugas pada 5 November yang lalu seperti mana saya telah rasmiakan pada minggu yang lalu.

Penambahan kapasiti penjanaan ini bukan sahaja dapat mengurangkan gangguan bekalan elektrik yang disebabkan oleh kekurangan kapasiti, tetapi juga dapat mengurangkan gangguan yang disebabkan oleh henti tugas tidak berjadual oleh stesen-stesen jana kuasa kerana margin operasi pada saat ini seperti mana saya sentuh tadi ialah yang boleh dikatakan sederhana tinggi iaitu antara 200 hingga 300 megawatt. Walaupun pihak SESB mengatakan ini hanya cukup untuk dua tahun setengah sebelum margin itu akan berkurangan lagi.

Projek-projek penjanaan lain yang dalam perancangan pos pasca 2014 ialah Stesen Janakuasa Tawau Green Energy (30 megawatt) berasaskan sumber *geothermal* di Apas Kiri Tawau yang akan bermula operasinya pada tahun 2017, Sistem Hidroelektrik Upper Padas (180 megawatt) pada tahun 2023 dan sebuah stesen jana kuasa utama berasaskan gas dengan kapasiti 390 megawatt di Pantai Timur Sabah yang akan memulakan tugas secara berperingkat pada tahun 2019 dan 2020. Selain itu, sistem penjanaan elektrik ke Pantai Timur Sabah akan terus diperkukuhkan dengan melaksanakan projek-projek penjanaan lain. Di kawasan Sandakan 90 megawatt, Tawau 85 megawatt dan Lahad Datu 30 megawatt pada tahun 2016 hingga tahun 2018.

Untuk pelan jangka pendek untuk mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik termasuk di Tawau, pihak SESB telah diminta untuk meneruskan dan mengoptimumkan pengurangan gangguan bekalan elektrik melalui Program Penyelenggaraan Pencegahan dan Program penyelenggaraan Berjadual. Melalui program ini, pihak SESB dikehendaki memeriksa, menyelenggara, menguji peralatan elektrik dan juga peranti-peranti yang digunakan. Di samping itu, penyelenggaraan pencegahan lain seperti pembersihan tali, penghantaran dan pengagihan hendaklah dipergiatkan kerana gangguan yang disebabkan oleh pokok dan binatang sangkut dapat dikurangkan. SESB juga telah diminta menggantikan peralatan-peralatan elektrik yang telah lanjut usia, manakala pemasangan alat-alat penangkap kilat hendaklah diutamakan agar gangguan yang disebabkan oleh fenomena semula jadi seperti panahan kilat dapat dielakkan.

■1110

Terakhir, dalam melaksanakan usaha menambahbaikkan sistem bekalan elektrik negeri Sabah. Kerajaan Pusat juga telah meluluskan peruntukan geran sebanyak RM2.3 bilion dari tahun depan 2015 hingga ke tahun 2020 bagi melaksanakan projek bekalan elektrik yang telah dikenal pasti di Sabah dan Labuan yang merangkumi dari segi penjanaan sampai kepada *transmission* dan akhirnya pengagihan. Pihak Kabinet juga telah meluluskan supaya satu pasukan projek khas untuk melaksanakan projek-projek yang telah dikenal pasti dengan geran yang RM2.3 bilion itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kalabakan, soalan tambahan jangan dilambat-lambatkan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua saya puas hati dengan jawapan Menteri. Jadi saya berharap janji-janji ditepati. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Barisan Nasional selalu berusaha sebaik-baik untuk memastikan janji-janji itu ditepati. Apa yang penting bagi Sabah ini dengan adanya geran berjumlah RM2.3 bilion pasukan petugas khas akan ditubuhkan. Pada masa yang sama satu Jawatankuasa Pemandu akan ditubuhkan juga, serta forum di mana Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Parlimen di Sabah juga bersama dengan satu jawatankuasa pemantau akan terus berjalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri apakah dengan peruntukan-peruntukan yang begitu banyak maka ianya akan dapat menyelesaikan masalah gangguan elektrik di Sabah khususnya termasuk di Sandakan, di Lahad Datu, di pedalaman. Ini sebab hari ini pun gangguan-gangguan elektrik ini memang amat menyedihkanlah. Apakah ini satu jaminan bahawa tidak akan ada lagi gangguan selepas peruntukan ini direalisasikan pada masa akan datang.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kita cukup yakin bahawa dengan adanya peruntukan geran yang diberikan oleh kerajaan serta juga telah mula tugas 285 megawatt serta 100 megawatt SPR itu *the margin is* dengan izin *will be comfortable for about* tiga tahun. Soalnya ialah bahagian penyampaian ataupun *transmission* dan lebih penting adalah di peringkat daerah keluasan iaitu di peringkat pengagihan. Jadi tumpuan kita bagi geran yang diberi itu adalah khusus lebih banyak untuk bahagian *transmission* dan juga bahagian pengagihan. Ini kerana peringkat di zon bahagian pengagihan 75% daripada kabel wayar kita ini di Sabah ini adalah *bay wire* yang tidak kena belit dengan *cover*. Maka itulah masalah besar dan antaranya tumpuan adalah mengganti itu dengan *aerial bundle cable (ABC)*.

Wayar-wayar kabel yang digunakan oleh KKLW dalam memanjangkan gred itu adalah sebenarnya wayar yang diperlukan. Akan tetapi dahulu dengan peruntukan kurang, dengan tarif yang tidak pernah *almost 17* tahun tidak disemak maka *second class wire* telah digunakan. Bukan juga *second class* tetapi itulah yang digunakan pada zaman itu. Walhal di Semenanjung 90% adalah *all ABC*. Jadi dengan itu kita harap boleh dikurangkan gangguan daripada dijangka 500 lebih pada tahun ini, saya cukup yakin bahawa *next three years we want to hit below 300 all around or 250*. Dengan sokongan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan dan Ahli-ahli Parlimen dari Sabah. *Thank you*.

[Soalan No. 6 – Y.B. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor) tidak hadir]

7. Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah GST dapat meningkatkan kualiti kehidupan keluarga berpendapatan rendah serta keberuntungan IKS dan apakah pengalaman yang berkaitan di negara-negara lain yang melaksanakan GST.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Salam bahagia selamat sejahtera. Terima kasih kepada soalan dari Yang Berhormat Bagan Serai. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat GST yang dibayar oleh pengguna akan dikutip dan merupakan hasil Kerajaan Persekutuan. Semua hasil yang dikutip termasuk GST akan digunakan untuk tujuan pembangunan negara dan melalui pelbagai program dan projek yang dijalankan oleh kerajaan, rakyat akan mendapat pelbagai faedah yang boleh meningkatkan kualiti kehidupan keluarga. GST merupakan cukai penggunaan maka ia juga mampu menjana hasil yang lebih stabil. Hal ini terbukti apabila lebih 160 buah negara telah pun melaksanakannya.

Sebenarnya melalui pelaksanaan GST untuk pengguna juga kerajaan juga telah menyediakan pakej bantuan tambahan *one-off* dengan izin, kepada penerima Skim Bantuan Rakyat 1Malaysia sebanyak RM300. Terdapat juga pengurangan kadar cukai pendapatan individu sebanyak satu hingga tiga mata peratusan. Terdapat juga penstrukturan semula cukai pendapatan individu di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000. Selain itu dengan penstrukturan cukai pendapatan sebanyak anggaran RM300,000 yang membayar cukai pendapatan individu akan keluar daripada keperluan untuk membayar cukai pendapatan.

GST yang dilaksanakan pada 1 April 2015 juga akan bertambah telus di mana orang ramai boleh berhubung dengan Jabatan Kastam di talian bebas tol iaitu 1-300-888-500 atau menyemak portal GST iaitu gst.custom.gov.my untuk mendapatkan pengesahan mengenai status sebuah perniagaan itu sama ada berdaftar dengan GST dan layak mengenakan GST atau tidak.

Dari segi peniaga khususnya industri IKS terutamanya mereka yang terlibat dalam perniagaan *standard rated* atau *zero rated* dengan izin. Sebenarnya GST bukan merupakan kos kepada perniagaan, ini disebabkan GST yang dilaksanakan peniaga berhak menuntut kembali cukai input daripada kerajaan. Selain itu kerajaan juga menyediakan pengutipan cukai dan pemulangan cukai berdasarkan konsep *self-policing* dan dibuat secara elektronik. Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai pakej bantuan kepada IKS termasuklah bantuan kewangan sebanyak RM150 juta bagi pembelian perisian perakaunan.

Kerajaan juga telah mengumumkan penurunan cukai yang dikurangkan sebanyak 1% dan untuk yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai yang diberi potongan cukai adalah pada had yang ditetapkan iaitu maksimum RM5,000 untuk yuran kesetiausahaan dan maksimum RM10,000 untuk pemfailan cukai.

Dari negara-negara yang telah melaksanakan GST kita telah menampakkan pengalaman yang kita dapati adalah:

- (i) menjadi formula yang terbaik dalam menambahkan hasil negara;
- (ii) menggalakkan sektor ekonomi khususnya dalam aktiviti eksport;
- (iii) pengguna dapat mengetahui sistem pembayaran cukai yang lebih telus;
dan
- (iv) ketirisan dalam kutipan hasil cukai negara dapat dikurangkan.

Ini adalah kerana dengan pelaksanaan GST ini kerajaan menjangkakan bahawa jurang cukai atau *tax gap* dengan izin akan dapat dikurangkan dalam jangka masa panjang dan seterusnya hasil kutipan akan juga dapat dipertingkatkan dan hasil ini boleh disalurkan untuk pembangunan negara. Sekian terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila GST diamalkan nanti, kita akui dan kita terima akan berlaku sedikit kejutan, sedikit perubahan dan peningkatan inflasi. Ini kerajaan sudah bagi tahu dan ini adalah *expected inflation* dengan izin dan ini adalah sementara. Macam setengah orang yang hendak *operate* doktor bagi tahu lepas *operation* dia kena duduk dalam wad satu bulan. Dua minggu dalam ICU untuk *sedation* dua minggu dalam *rehab*. Jadi bukan bermakna dia tidak boleh buat *operation*, jadi tidak payah panik apa yang kita katakan hari ini.

Jadi ini adalah *unexpected*, yang kita takut adalah *unexpected inflation*.

■1120

Tuan Yang di-Pertua: Yang berhormat soalan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, apakah kesan jangka panjang GST dalam konteks meningkatkan tahap pembangunan negara khususnya transformasi untuk menjadi negara maju dan apakah dalam jangka masa panjang GST mampu meningkatkan pendapatan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan yang dikemukakan. Nombor satu dari segi *expected inflation* dengan izin, memang dengan pelaksanaan GST memang terdapat peningkatan dari segi kadar inflasi, yang ini juga telah diumumkan dalam Bajet 2015 dalam ucapan. Di mana inflasi dijangka akan di antara 4% hingga 5%, tetapi apa yang penting adalah dalam pelaksanaan GST ini, saya ingin mengulangi bahawa dengan adanya pelaksanaan GST di kebanyakan negara yang telah melaksanakannya, ia dapat mengurangkan jurang cukai atau *tax gap*.

Di mana sehingga sekarang dengan adanya rejim-rejim yang ada seperti cukai jualan dan cukai perkhidmatan, banyak atau boleh dikatakan *businesses* atau syarikat-syarikat yang mana tidak mendaftar kerana sehingga sekarang kita hanya mempunyai anggaran tujuh hingga 80,000 yang terlibat dalam cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Maka dengan adanya penambahan hasil terutamanya dengan mengurangkan jurang cukai atau *tax gap*, maka kerajaan mempunyai pendapatan tambahan. Ini tentu akan disalurkan untuk projek-projek pembangunan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri menyebut tentang IKS tadi. Walaupun sebenarnya undang-undang meletakkan hanya IKS ataupun syarikat yang *revenue*nya dengan izin, RM500,000 ke atas yang perlu mengenakan GST, tetapi ada kempen-kempen di dalam media yang mengatakan bagi syarikat yang tidak mendaftar dengan GST dan tidak mengenakan GST, mereka ini akan didiskriminasikan oleh syarikat lain.

Jadi soalan saya kepada Timbalan Menteri, apakah tindakan yang kerajaan ambil untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat yang sebenarnya tidak tertakluk atau tidak wajib di sisi undang-undang mengenakan GST tidak ditekan, tidak dipaksa atau tidak didiskriminasi oleh jabatan kerajaan atau syarikat-syarikat lain supaya mengenakan GST. Kalau tidak, mereka tidak akan diberikan kontrak ataupun tidak ambil diberi ruang untuk mendapat *business* daripada syarikat dan juga jabatan kerajaan. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya nilai jualan yang ditetapkan sebanyak RM500,000 ini kalau dibandingkan dengan negara-negara lain seperti jiran di negara Thailand dan juga di Philippines nilai jualan kita adalah lebih tinggi. Nilai jualan RM500,000 ini dianggarkan akan menyebabkan anggaran 12% hingga 13% daripada jumlah peniaga yang perlu mendaftar. Memang dari segi peraturan atau dari segi nilai jualan yang ditetapkan RM500,000 ke atas, di mana syarikat adalah wajib dan RM500,000 ke bawah syarikat hanya secara sukarela untuk mendaftar.

Maka kita juga telah mengarahkan kepada pegawai-pegawai kastam agar peniaga-peniaga yang mempunyai nilai jualan RM500,000 ke bawah apabila mereka mendaftar kita juga harus memberitahu kepada mereka bahawa pendaftaran ini bukan diwajibkan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Pandan juga mempunyai maklumat di mana terdapat peniaga-peniaga yang dipaksa, kita juga harap bolehlah diajukan kepada pihak kastam kerana kita melihat ini sebagai suatu perbuatan yang serius, di mana ia adalah keputusan ahli peniaga tersebut untuk mendaftar atau tidak mendaftar jikalau nilai jualannya adalah RM500,000 ke bawah. Sekian, terima kasih.

8. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia dan Indonesia menerima kenyataan bahawa penurunan paras air bumi (*ground water level*) adalah antara sebab utama kebakaran hutan gambut di Sumatera dan Kalimantan. Apakah langkah-langkah konkrit yang sedang diambil oleh kedua-dua kerajaan untuk meningkatkan balik paras air bumi.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawot Mamit]: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sungai Siput, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak dapat memberikan sebarang pandangan terhadap situasi penurunan paras air bawah tanah di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia kerana ia adalah di luar kawalan kementerian ini. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa pada musim kemarau, paras air di tanah gambut menyusut yang menyebabkan mudah terbakar.

Kebakaran tanah gambut boleh terjadi sama ada melalui kegiatan manusia ataupun secara spontan *or spontaneous burning*. Kerajaan Indonesia melalui Pelan Tindakan Indonesia Menangani Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan ataupun *Indonesia Plan of Action (PoA) in Dealing with Transboundary Haze Pollution* telah pun melaksanakan program-program pemuliharaan tanah gambut yang sesuai bagi mengekalkan paras air di permukaan tanah gambut bagi mencegah kebakaran.

Di samping itu kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan beberapa program pemuliharaan tanah gambut di Wilayah Riau, Sumatera Indonesia melalui perjanjian persefahaman ataupun *Memorandum of Understanding* (MoU) yang telah ditandatangani dengan Kerajaan Indonesia pada tahun 2008. Tujuan pelaksanaan program tersebut adalah untuk mengawal penyusutan air di kawasan tanah gambut melalui pembinaan sekatan pada terusan-terusan gambut ataupun *check dam* yang sekali gus dapat mengelakkan kebakaran tanah gambut semasa musim panas dan kering. Sekian, terima kasih.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu, adakah Kerajaan Malaysia juga membantu dalam proses ini untuk membina empangan-empangan untuk meningkatkan balik paras *ground water* di kawasan yang terlibat. Ini kerana saya difahamkan kawasan yang terlibat di Kalimantan dan Sumatera adalah begitu luas dan jika jiran-jiran kepada Indonesia dari Malaysia dan negara lain boleh bantu dalam ini, mungkin masalah jerebu dapat di kontrol. So, saya mahu tahu adakah kita ambil bahagian? Berapa hektar kawasan kita yang terlibat, Malaysia terlibat dalam usaha ini.

Dato' Dr. James Dawot Mamit: Terima kasih atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dalam MoU yang ditandatangani pada tahun 2008 Kerajaan Malaysia ataupun Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telah pun bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia untuk membina '*check dam*' di Riau. *Check dam* di situ adalah untuk memastikan bahawa paras air di tanah gambut sentiasa dipelihara di atas tanah, bukannya di bawah. Ini musim kemarau. Oleh itu MoU ini walaupun ia telah pun tamat pada tahun ini, MoU baru akan dibuat dengan Kerajaan Indonesia dan saya sendiri juga ingin hendak pergi ke Sumatera untuk mengkaji kawasan tanah gambut di situ.

Oleh sebab daripada pengalaman penyelidikan dulu di Sarawak tiga tahun, di dalam tanah gambut saya yakin saya boleh beri banyak lagi saranan dan nasihat, sama ada kepada kerajaan kita ataupun di kementerian dan di Kerajaan Indonesia.

■1130

Daripada segi keluasan tanah di Indonesia yang kita sudah buat *check dam* ini kita tidak tengok keluasan tanah. Kita hanya membuat *check dam* dengan bilangan yang kita telah buat di Riau lebih 10 *check dam* yang telah kita bantu mereka buat di situ. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Hari ini tidak ada penyeksaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Yang Berhormat Kinabatangan kerana tidak ada usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". **[Hari Keempat]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa]

Maksud B.22 [Jadual] -

Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2014] -

Tuan Pengerusi: Sila Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sambung jawapan.

11.31 pg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Saya menyambung daripada di mana saya telah bermula dari semalam. Saya bangun untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 di peringkat jawatankuasa berkaitan dengan Kementerian Luar bandar dan Wilayah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan* Jawatankuasa]

Seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah diagihkan sebanyak RM10.5 bilion keseluruhannya. Untuk anggaran perbelanjaan mengurus adalah diagih sebanyak RM5.982 bilion. Manakala jumlah peruntukan untuk pembangunan adalah sebanyak RM4.525 bilion. Ringkasan kelulusan Projek Pembangunan *Rolling Plan* Keempat 2015, RMKe-10 Kementerian Luar Bandar dan Wilayah mengikut kelulusan EPU adalah sebanyak RM4.52 bilion telah diberi sebagai siling pembangunan pada tahun 2015 ini. Peruntukan sebanyak ini adalah bagi tujuan membiayai 477 projek iaitu 59 projek baru dan 418 projek sambungan.

Tuan Pengerusi, kementerian ini sedar dan amat mengambil perhatian agar setiap isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan ini berkaitan kawasan serta masyarakat yang diwakili oleh Ahli Yang Berhormat masing-masing.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri boleh?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Baru, boleh.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya melihat bahawa di Kementerian KKLW ini peruntukan dia mengecil, bukan menambah. Sedangkan kementerian ini perlukan peruntukan yang banyak untuk diagihkan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Lebih malang lagi apabila ada contohnya sebatang jalan raya yang dibuat. Selepas beberapa tahun jalan raya ini tidak ada peruntukan untuk penyelenggaraan. Tidak ada peruntukan untuk *maintenance*. Jadi akhirnya jalan ini menjadi jalan yang mati balik. Apabila menjadi jalan mati kena minta peruntukan baru. Seharusnya jalan yang sedia ada, ada lah peruntukan untuk *maintenance* macam JKR, macam jabatan-jabatan lain.

Jadi saya meminta kepada EPU, kepada Kementerian Kewangan bagilah peruntukan kepada KKLW ini untuk peruntukan *maintenance* jalan-jalan supaya jalan-jalan yang dibina di bawah KKLW ini rosak nanti boleh diperbaiki. Oleh sebab kalau tidak ada jalan ini akan menjadi jalan mati semula dan rugilah rakyat kita dan rugilah negara kita. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kementerian amat-amat mengalu-alukan cadangan ataupun saranan Yang Berhormat Kinabatangan kepada Kementerian Kewangan supaya agihan peruntukkan seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan diagihkan di masa depan kepada Kementerian Luar Bandar supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini dapat meneruskan penyelenggaraan dan menentukan kualiti jalan-jalan raya lebih-lebih lagi jalan-jalan luar bandar yang amat diperlukan masyarakat penduduk di luar bandar. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Saya teruskan sememangnya banyak lagi projek-projek pembangunan infrastruktur seperti bekalan elektrik luar bandar, bekalan air bersih dan air terawat di luar bandar, jalan luar bandar, jalan penghubung desa yang dirancang oleh kementerian. Kementerian juga mengambil berat berkaitan pembangunan modal insan, pembangunan keusahawanan penduduk di luar bandar, program keupayaan ekonomi luar bandar dan banyak lagi yang berkaitan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara amnya termasuk juga program pembangunan kemajuan masyarakat Orang Asli.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, supaya Yang Berhormat boleh urus masa, elok kalau ini dihabiskan sebelum jam 1 nanti Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih. Saya cubalah. Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menjawab bagi kementerian KKLW ini yang telah dibahaskan oleh 32 orang Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan. Berkaitan dengan isu pembangunan infrastruktur kawasan. Tuan Pengerusi, pihak kerajaan tidak pernah meminggirkan penduduk di kawasan luar bandar. Namun semua Ahli Yang Berhormat perlu sedar bahawa usaha untuk melengkapkan

kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar merupakan usaha berterusan kerajaan dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan juga tertakluk kepada peruntukan yang diberi.

Yang Berhormat Tebrau, memohon Kementerian Luar bandar dan Wilayah mengambil perhatian kepada projek-projek infrastruktur di Parlimen Tebrau. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengambil maklum isu dan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau. Oleh itu kementerian mohon supaya Yang Berhormat Tebrau dapat mengemukakan senarai projek-projek infrastruktur yang diperlukan untuk dipertimbangkan kepada kementerian.

Yang Berhormat Lumut ada bertanya berkenaan jumlah peruntukan bekalan air luar bandar dan jumlah peruntukan bagi bekalan elektrik luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tujuan infrastruktur asas luar bandar negeri Perak adalah diperuntukkan sebanyak RM11 juta untuk Program Bekalan Air Luar Bandar dan RM24.5 juta untuk Program Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Di jalan luar bandar, Yang Berhormat Tenom ada memohon bagi pelaksanaan jalan-jalan kampung di kawasan Tenom dapat dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kesebelas. Untuk makluman Yang Berhormat permohonan jalan-jalan kampung di kawasan Tenom akan diteruskan pelaksanaan pada tahun 2015 secara berperingkat berdasarkan keutamaan kepada kampung-kampung seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sehubungan itu kementerian mohon kerjasama Yang Berhormat untuk mengemukakan permohonan lengkap senarai kampung-kampung yang terlibat kepada kementerian untuk siasatan lanjut pihak kementerian.

Seterusnya Yang Berhormat Kuala Krai juga ada mohon jalan-jalan kampung di kawasan Kuala Krai.

■1140

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedaya upaya akan meneruskan pelaksanaan jalan-jalan kampung di kawasan Yang Berhormat. Seperti mana Yang Berhormat maklumkan akan mengemukakan senarai jalan-jalan kampung yang terlibat. Kementerian bersedia mempertimbangkan projek-projek ini pada tahun 2015 secara berperingkat.

Seterusnya Yang Berhormat Jerlun ada mohon supaya tindakan pelaksanaan projek diselaraskan bersama-sama pihak kerajaan negeri, ICU, JKR di kawasan Jerlun, MADA dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat Jerlun, dalam merancang pelaksanaan projek-projek jalan luar bandar dan jalan penghubung desa (JPD), pihak kementerian sentiasa melibatkan pihak kerajaan negeri, JKR, ICU dan sebagainya. Senarai-senarai projek yang dilaksanakan juga merupakan senarai projek mengikut keutamaan kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kementerian akan memastikan tiada pertindihan dalam pelaksanaan projek.

Seterusnya Yang Berhormat Sibu, memohon peruntukan supaya jalan di Kampung Chuhu dinaiktarafkan bagi mengelakkan masalah jalan ditenggelami air ketika banjir. Untuk makluman Yang Berhormat, menjadi keutamaan kementerian ini untuk meningkatkan taraf hidup

penduduk masyarakat luar bandar dan kementerian memandang berat masalah yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sibü.

Oleh yang demikian, kementerian akan mengarah Jabatan Cawangan Negeri Sarawak (PCN) dan JKR negeri Sarawak untuk melakukan siasatan serta mendapatkan kos yang terperinci bagi menaiktarafkan jalan tersebut. Kementerian akan menyenaraikan jalan tersebut sebagai salah satu projek dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Namun ia tertakluk kepada kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi.

Yang Berhormat Bintulu ada menyatakan bahawa jalan kampung di beberapa kawasan rumah panjang di Bintulu tidak berkualiti. Tidak sampai setahun jalan sudah rosak. Yang Berhormat juga memaklumkan bahawa apabila permohonan untuk penyelenggaraan semula tidak diluluskan dan terpaksa menunggu dalam jangka masa yang lama untuk diturap semula. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap permohonan akan melalui proses yang sama apabila diluluskan pihak kementerian.

Pemilihan kontraktor adalah melalui proses sebut harga dan kontraktor telah dimaklumkan akan spesifikasi jalan yang perlu dibuat itu. Faktor komposisi dan jenis tanah juga perlu diambil kira apabila berlaku kerosakan jalan dan mungkin kaedah baru seperti *stabilizer* boleh diaplikasikan bagi mengelakkan dan untuk mengurangkan kerosakan jalan pada masa depan. Jalan-jalan yang rosak boleh diselenggara di bawah bajet mengurus yang diterima setiap tahun.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat dipohon untuk mengemukakan senarai jalan-jalan kampung yang diperlukan dan yang rosak untuk diselenggara. Akan tetapi ini berkaitan dengan apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Kinabatangan sebentar tadi. Untuk tujuan ini peruntukan agak terhad. Oleh itu kita berharaplah Yang Berhormat Bintulu jangan Yang Berhormat Kinabatangan membantu supaya kementerian mendapat lebih peruntukan untuk tujuan ini iaitu penyelenggaraan jalan-jalan.

Seterusnya Yang Berhormat Lumut bertanya mengenai peruntukan yang diluluskan bagi Program Jalan Luar Bandar dan jalan di negeri Perak. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan telah diluluskan untuk Program Jalan Luar Bandar dan Jalan Penghubung Desa (JPD) di negeri Perak bagi tahun 2015 ialah sebanyak RM39.45 juta.

Seterusnya Yang Berhormat Limbang, memohon supaya Projek Jalan Maritam, Telahak, Bong Abai, Pengkalan Rejab fasa 4 diteruskan bagi tahun 2015. Untuk makluman Yang Berhormat Limbang, Projek Jalan Maritam, Telahak dan Bong Abai, Pengkalan Rejab fasa 4 tidak tersenarai dalam projek tahun 2015. Walau bagaimanapun, permohonan pelaksanaan projek ini akan dikemukakan kepada pihak EPU dan JPM untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan EPU dan JPM. Kedudukan juga mengikut kedudukan semasa kewangan.

Yang Berhormat Seputeh pula membangkitkan tentang jalan kampung di Pitas, Kudat. Jauh dari kawasan Seputeh ya. Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, siasatan berhubung aduan jalan kampung di Pitas, Kudat telah dijalankan. Laporan berhubung siasatan telah

diterima oleh pihak KKLW dan akan dimasukkan ke dalam senarai keutamaan pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, disebabkan kos yang terlalu tinggi untuk menyiapkan keseluruhan jalan iaitu terpaksa dijalankan secara berperingkat dan usaha ini bukanlah semata-mata usaha Yang Berhormat Seputeh yang telah membangkitkan perkara ini. Oleh kerana sememangnya Yang Berhormat setempat di kawasan tersebut iaitu Kudat telah selalu mengusahakan ini juga. Janganlah Yang Berhormat Seputeh semata-mata hendak mendapat kredibiliti untuk dia sendiri, ya.

Yang Berhormat Seputeh juga memohon penjelasan kementerian mengenai kemudahan jalan luar bandar yang menghubungkan enam buah kampung di Pitas ke pusat bandar dan kemudahan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian begitu komited untuk meningkatkan infrastruktur terutamanya jalan-jalan luar bandar di seluruh negeri Sabah di mana sebanyak RM122,226,250 telah diperuntukkan untuk Program Jalan Luar Bandar bagi tahun 2014. Sebanyak RM148,835,255 bagi tahun 2015.

Bagi soalan yang dibangkitkan, kementerian mohon agar Yang Berhormat dapat mengemukakan secara terperinci maklumat-maklumat bagi kampung-kampung yang terlibat bagi membolehkan siasatan dapat dilakukan sebelum projek-projek tersebut disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Putatan bangun, Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mendengar dengan teliti jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan peruntukan yang diagihkan kepada negeri Sabah dan Sarawak. Walaupun senarai dia begitu panjang sekali, seperti yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri, apakah sebab - kenapa semua senarai projek yang diajukan kepada EPU ini tidak diberi peruntukan? Apa masalah yang sebenar? Adakah ia tidak penting dilaksanakan? Ini kerana peruntukan walaupun peruntukan begitu besar tetapi kepada negeri Sabah dan Sarawak kenapa kecil? Yang Berhormat Menteri, cuba kau beri penjelasan kepada kami ini, rakyat mahu dengar. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kenapa macam itu? Yang Berhormat tidak perlulah, "*Cuba kau bagi jawapan*", tidak perlu sebut macam itu Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, peringkat saya tidak ada jawapan untuk itu sebab soalan itu elok tuju kepada yang memberi peruntukan, pihak itu. Jadi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sentiasa mohon dari pihak Kementerian Kewangan untuk diluluskan semua projek yang tersenarai itu dari Unit Perancang Ekonomi, begitulah ia. Jadi terima kasih Yang Berhormat Putatan kerana membangkitkan isu ini supaya pihak yang berkenaan itu ambil juga perhatian akan keperluan rakyat di negeri Sabah.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tenom.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom bangun, Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tenom?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Belakang.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang mengharapka supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini diberi tumpuan peruntukan yang lebih. Ini kerana kita lihat keperluan untuk di negeri Sabah dan Sarawak untuk menaik taraf infrastruktur ini amat penting.

■1150

Berkenaan dengan isu yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dengan penyelenggaraan jalan raya, pembinaan jalan raya di luar bandar, saya ingin memberi pandangan kepada pihak kementerian bahawa pihak kementerian perlu lihat kepada kaedah-kaedah bagaimana untuk melaksanakan projek penyelenggaraan dan juga pembinaan-pembinaan jalan raya supaya jalan raya-jalan raya ini nanti dapat digunakan dalam keadaan jangka masa yang panjang.

Saya bagi contoh Tuan Pengerusi, pelaksanaan projek naik taraf penyelenggaraan jalan raya Kampung Bakuku yang mana kaedah yang digunakan oleh pihak kementerian ialah *soil stabilizer* yang saya lihat pada asalnya saya lihat, pada awalnya saya lihat kaedah ini tidak begitu baik apabila dilaksanakan di kawasan luar-luar bandar, kaedah ini, jalan raya tersebut tidak sampai pun setahun telah pun rosak. Pada awalnya memang kita lihat boleh tahanlah tetapi oleh akibat tidak tahan kepada keadaan cuaca, hujan, keadaan jalan raya semakin teruk.

Jadi saya Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan kepada pihak kementerian supaya melihat kembali kaedah-kaedah bagaimana boleh menjadikan pelaksanaan pembinaan jalan raya, penyelenggaraan jalan raya ini akan lebih boleh dalam keadaan tahan lama. Kalau boleh kaedah-kaedah *soil stabilizer* ini untuk mana-mana jalan-jalan di kampung tidak perlu lah dilaksanakan. Cuba cari jalan yang terbaik seperti mana yang saya lihat, kita sudah sedia ada Kementerian Kerja Raya. Kita turap, kementerian cuma tinggal untuk menyatakan sama ada lebar ataupun panjang. Ini kerana ia melibatkan kos yang tinggi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih kerana memberi pandangan dan berkongsi maklumat dengan kementerian. Kementerian sebenarnya sentiasa mencari kaedah untuk kita menambahbaikkan. Bagaimana kita bukan hanya melaksanakan pembinaan projek jalan luar bandar dan juga bagaimana melihat agar jalan itu kekal lama, kualitinya dapat digunakan oleh masyarakat. Kalau lah kita sekarang mengetahui penggunaan *soil stabilizer* itu mungkin tidak sesuai kerana tidak tahan lama. Kita haruslah mencari produk yang lebih baik dan juga kaedah yang lebih baik supaya pembinaan jalan luar bandar ini kita dapat kualiti yang lebih tinggi.

Jadi saya teruskan. Seterusnya Yang Berhormat Sepang ada membangkitkan bahawa jalan juga, jalan di kampung Orang Asli yang rosak menyebabkan penduduk kampung

mengalami kesukaran untuk bergerak. Cerita yang sama di kawasan-kawasan di luar bandar di seluruh negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap tahun pihak KKLW memperuntukkan juga jumlah dana dan penyelenggaraan jalan yang mengalami kerosakan di bawah belanja mengurus. Sekiranya Yang Berhormat dapat mengemukakan permohonan kepada pihak kementerian supaya dapat disenaraikan juga untuk keutamaan pada tahun 2015.

Yang Berhormat Paya Besar pula ada memohon supaya jalan-jalan kampung sedia ada dinaiktarafkan. Untuk makluman Yang Berhormat di bawah pelaksanaan projek jalan kampung atau jalan penghubung desa, skop pelaksanaan projek adalah daripada lapan kaki sehingga 14 kaki lebar. Sekiranya Yang Berhormat berhasrat untuk melebarkan jalan sedia ada melebihi skop yang telah ditetapkan, Yang Berhormat bolehlah memohon di bawah program Jalan Luar Bandar. Sehubungan itu dipohon Yang Berhormat mengemukakan permohonan lengkap jalan-jalan tersebut untuk dipertimbangkan dan diangkat untuk kelulusan daripada EPU dan JPM.

Seterusnya Yang Berhormat Kota Samarahan memohon kementerian meneruskan pelaksanaan projek-projek infrastruktur khasnya ataupun khususnya bagi pembinaan naik taraf jalan-jalan luar bandar di kawasan Kota Samarahan. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Samarahan, kementerian komited menguruskan pelaksanaan projek-projek infrastruktur khususnya bagi pembinaan menaik taraf jalan di kawasan luar bandar.

Bagi permohonan Yang Berhormat di kampung-kampung di Kota Samarahan, kementerian akan terus melaksanakan projek-projek tersebut berdasarkan kepada senarai permohonan yang diterima khusus bagi kawasan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan yang diluluskan bagi negeri Sarawak bagi tahun 2015 untuk pembinaan dan naik taraf jalan adalah berjumlah RM277 juta.

Jadi Yang Berhormat Langkawi pula memohon peruntukan bagi tahun 2015 untuk projek jalan luar bandar dan JPD juga. Yang Berhormat Langkawi, kementerian mengambil kira dan mengambil maklum permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sehubungan itu, dipohon Yang Berhormat mengemukakan juga senarai lengkap jalan-jalan yang ingin dinaiktarafkan untuk dipertimbangkan oleh kementerian.

Yang Berhormat Parit memohon supaya jalan-jalan ke kawasan rumah di Parlimen Parit dapat diberi pertimbangan. Kementerian ini mengambil maklum berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit. Justeru, kementerian mohon supaya Yang Berhormat dapat mengemukakan senarai bagi jalan-jalan tersebut supaya pihak kementerian dapat menjalankan siasatan tapak terlebih dahulu. Sekiranya didapati memenuhi skop, pihak kementerian akan mempertimbangkan permohonan tersebut untuk dilaksanakan tertakluk juga kepada kemampuan kewangan kita.

Terakhir berkaitan jalan luar bandar ialah permohonan daripada Yang Berhormat Sibuti. *[Disampuk]* Bukan Yang Berhormat Seputeh, sudah lepas, iaitu memohon supaya kementerian meneruskan pelaksanaan projek menaik taraf jalan-jalan kampung di kawasan Parlimen Sibuti. Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan kementerian menerusi program Jalan Penghubung Desa

akan meneruskan cadangan bagi menaik taraf jalan-jalan kampung di kawasan Yang Berhormat berdasarkan kepada agihan peruntukan yang telah diluluskan.

Sekarang kita masuk kepada tajuk Bekalan Air Luar Bandar. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat ada menyentuh berkenaan program bekalan air. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2010 hingga kini, sejumlah RM5.39 bilion telah diperuntukkan bagi program bekalan air luar bandar dan sebanyak RM333,000 buah rumah telah mendapat bekalan air bersih dan terawat. Kementerian akan meneruskan pelaksanaan program bekalan air luar bandar di seluruh negara bagi memastikan penduduk di kawasan luar bandar dapat menikmati bekalan air yang sempurna.

Bagi program bekalan air luar bandar, dimulakan dengan Yang Berhormat dari Sik. Beliau memohon kementerian memberi perhatian berhubung pelan penstrukturan bekalan air yang disediakan oleh Syarikat Air Darul Aman bagi mengatasi masalah bekalan air di kawasan seperti Padang Terap, Sik, Nami, Gulau termasuk perkebunan KEDA di Belatik yang menghadapi masalah tekanan air rendah. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian mengambil maklum akan masalah bekalan air dihadapi di kawasan-kawasan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Sik. Permohonan ini akan diteliti oleh kementerian dan akan dipertimbangkan tertakluk kepada skop program bekalan air luar bandar yang dilaksanakan oleh kementerian dan tertakluk juga kepada peruntukan yang diluluskan.

Yang Berhormat Stampin turut menyatakan bahawa beberapa buah kampung atau rumah panjang di Serian yang tidak menyokong Barisan Nasional tidak dibekalkan dengan tangki air dan pada masa yang sama, Kampung Padawan di Batu 7 yang terletak berdekatan dengan bandar tetapi masih belum mendapat bekalan air. Untuk makluman Yang Berhormat Stampin, senarai penerima Tangki Air 1Malaysia yang dibekalkan oleh kementerian ini adalah berdasarkan senarai yang telah dibekalkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak ICU JPM juga turut terlibat dalam perbekalan Tangki Air 1Malaysia di Sarawak. Walau bagaimanapun kementerian ini akan memaklumkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk diambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat Stampin juga, pihak JKR Sarawak memaklumkan bahawa kawasan Batu 7 kini menghadapi masalah tekanan air rendah dan sekali gus menyebabkan sesetengah kawasan tinggi tidak dapat dibekalkan dengan bekalan air.

■1200

Sehubungan itu, kementerian ini akan menyiasat perkara ini dan akan mempertimbangkannya untuk dilaksanakannya pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah bergantung kepada senarai keutamaan pihak berkuasa air negeri dan peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan. Ya, Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kampung Padawan, Batu 17 tidak ada paip yang disambung dengan *main* paip dekat *main road*. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, kita mengambil maklum. Terima kasih. Seterusnya, Yang Berhormat Sibu memaklumkan berkaitan ketiadaan air di Kampung Rasan, Kampung Bunga Besar, Kampung Bunga Kecil, Kampung Sungai Pinang di kawasan pedalaman Sibu. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM5 juta bagi pelaksanaan bekalan air luar bandar di kawasan ini pada tahun ini. Walau bagaimanapun, sehingga kini projek tersebut masih belum dapat dilaksanakan kerana terdapat halangan daripada penduduk setempat. Ini Yang Berhormat Sibu kena bantulah.

Sebanyak dua sesi dialog telah diadakan dengan penduduk kampung, tetapi masih belum dapat mencapai sebarang keputusan atau persetujuan daripada sebahagian penduduk dan tuan tanah untuk membolehkan paip air disambungkan dan ditanam mengikut jajaran yang telah dikenal pasti. Sehubungan itu, kementerian ini akan cuba mendapatkan persetujuan daripada penduduk dan tuan tanah di kawasan ini bagi membolehkan projek ini dilaksanakan dengan segera dan penduduk kawasan ini dapat menikmati bekalan air bersih dan terawat. Bantulah Yang Berhormat Sibu, okey.

Yang Berhormat Jerlun turut memohon supaya kementerian melihat semula keperluan meningkatkan sistem bekalan air di kawasan luar bandar khususnya keperluan ataupun senarai yang telah dikemukakan oleh Syarikat Air Darul Aman (SADA) bagi mengatasi masalah seperti tekanan air rendah, penggantian paip lama dan penggantian paip kecil. Untuk makluman Yang Berhormat Jerlun, secara asasnya program bekalan air luar bandar yang dilaksanakan oleh kementerian adalah untuk menyediakan kemudahan akses bekalan air bersih dan terawat ke rumah-rumah yang masih belum mendapat kemudahan tersebut melalui penyambungan paip retikulasi.

Bagi tujuan mempertingkatkan sistem bekalan air di sesebuah kawasan kerana masalah seperti tekanan air rendah atau penggantian paip, kementerian berpandangan ia adalah tanggungjawab pihak berkuasa air negeri. Kita sentiasa boleh bekerjasama dengan pihak berkuasa air negeri. Walau bagaimanapun, kementerian mengambil maklum akan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerlun dan akan meneliti kaedah yang ada untuk mengatasi masalah bekalan air di kawasan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerlun.

Seterusnya, Yang Berhormat Limbang menyarankan agar penyambungan bekalan air bandar dan air luar bandar di Simpang Ukong ke Pekan Mendamit dapat dilaksanakan pada tahun 2015 kerana sering berlaku kekurangan bekalan air sewaktu musim kemarau. Untuk makluman Yang Berhormat Limbang, kementerian mengambil maklum tentang perkara ini dan akan mempertimbangkannya untuk pelaksanaan dalam projek BALB yang akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah bergantung kepada senarai keutamaan pihak berkuasa air negeri dan peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan. Selain itu, pelaksanaannya juga adalah bergantung kepada kecukupan sumber air terawat sedia ada di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Langkawi juga ada memohon supaya kementerian dapat mempertimbangkan semula projek bekalan air yang melibatkan sebuah kampung di kawasan Pekan Kuah kerana penduduk kampung masih menggunakan air sungai. Yang Berhormat

Langkawi, kementerian mengambil maklum akan keperluan bekalan air bersih dan terawat di kampung yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu. Kementerian akan mempertimbangkannya berdasarkan kepada senarai keutamaan pihak berkuasa air negeri dan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan. Kita mengesyorkan Yang Berhormat Langkawi untuk berhubung dengan pihak berkuasa air negeri dalam hal ini.

Seterusnya Yang Berhormat Sibuti juga memohon agar dilaksanakan bekalan air terawat di Kampung Batu 8 Lambir, Kampung Opak Bekenu dan Kampung Muhibbah Ladang 3. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum tentang ketiadaan bekalan air di ketiga-tiga buah kampung berkenaan dan akan mempertimbangkannya untuk dilaksanakan pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya juga adalah bergantung kepada senarai keutamaan pihak berkuasa air negeri dan peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Jadi, perkara yang Sabah juga, kita menasihati Yang Berhormat Sibuti untuk berhubung dengan pihak berkuasa air negeri supaya memastikannya tersenarai dalam negeri. Sila.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah akan datang. Akan datang itu tidak pasti peruntukan untuk tahun 2015. Kalau boleh Tuan Pengerusi, saya menyarankan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh tidak saya menghantar senarai ini melalui kerajaan negeri dan dipertimbangkan untuk tahun 2015? Ini kerana kawasan ini sudah dikategorikan dalam kawasan bandar juga. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Jawapannya boleh, silakan. Jadi sebelum saya berpindah kepada tajuk yang lain, Yang Berhormat Bintulu telah menyentuh hal masalah bekalan air di luar bandar di kawasan Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Jadi... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jawapannya sama Yang Berhormat. Saya catatkan jawapannya, semua sama.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana boleh sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tertakluk kepada peruntukan, kemukakan senarai, berpandukan senarai keutamaan negeri...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini Tuan Pengerusi...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hebat betul Tuan Pengerusi, macam sudah boleh ramal jawapan. *Very good.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana boleh kalau jawapannya pun sama, ini memang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu jawapan daripada kementerian Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini tidak boleh. Ini kita...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Soalan bocor.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini Bintulu punya lain. Paip di Bintulu ada, air tidak ada. Ini soal isu *workmanship* ataupun *technical issue*, kita minta kementerian menyelesaikannya. Kalau tidak selesai, nanti kita sebagai orang politik kena selesaikan. Nanti macam Yang Berhormat Kapit juga. Kawasan kita pun ada paip, tetapi air tidak ada. Inilah isu yang kita mahu selesaikan. Ini tidak bergantung kepada berapakah peruntukan, tetapi ini ialah pelaksanaannya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Implementation.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada paip, ada harapan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang ada harapan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau tidak ada paip, tidak ada harapan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bintulu bahas mesti ada harapan punya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Jadi oleh sebab Kapit telah disebut, saya rasa terpenggil sebagai Ahli Parlimen Kapit. Kita tidak ada masalah bekalan air di Pekan Kapit sekarang kerana dalam bulan Mac tahun 2013 yang lalu, telah siap sebuah loji air baru yang kosnya bernilai RM3 juta, begitu juga RM5 juta kos penyambungan paip telah dilaksanakan. Jadi sekarang masalah itu telah berkurangan.

Akan tetapi, kita mengambil maklum apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu berkenaan dengan masalah tidak ada air walaupun sudah ada paip di kawasan Bintulu dan juga projek ini belum siap sepenuhnya. Ini untuk makluman Yang Berhormat Bintulu, pegawai-pegawai dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan saya sendiri akan turun ke Bintulu pada hari Isnin, 17 hari bulan untuk melawat kawasan Bintulu dan terus juga ke kawasan Kampung Asap di kawasan Hulu Rajang.

■1210

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ini untuk makluman Yang Berhormat Bintulu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: *[Ketawa]* Lagi?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kementerian ambil tindakan, memang rakyat dengar, saya punya kawasan punya Bintulu ini rakyat dengar, banyak cakap terima kasih. Akan tetapi mesti mahu ada hasil, jangan pergi pusing satu kali balik, pun sama juga. Ini kita juga pening.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau macam itu Yang Berhormat, saya pun hendak jemput Menteri pergi ke kawasan sayalah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, tetapi Tuan Pengerusi punya boleh kemudianlah tidak apa.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Bintulu, percayalah kita akan bersungguh dalam perkara ini untuk kita mengatasi masalah yang ada di kawasan Bintulu. Jadi, terima kasihlah Yang Berhormat Bintulu kerana membantu.

Seterusnya, *[Disampuk]* jalan sudah. Sudah jalan dah. Bekalan elektrik luar bandar Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada membangkitkan isu berkenaan bekalan elektrik luar bandar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan liputan bekalan elektrik di seluruh kawasan pedalaman.

Yang Berhormat Sibul telah memohon supaya penyambungan bekalan elektrik dibuat ke kampung Bunga Besar, Sibul. Untuk makluman Yang Berhormat, penyambungan bekalan elektrik telah diluluskan pada tahun 2012. Projek bernilai RM24.8 juta dan memberikan manfaat kepada 268 buah rumah akan dapat disiapkan pada 15 Disember ini. Okey Yang Berhormat Sibul?

Yang Berhormat Tebrau pula memohon supaya kementerian menyediakan kemudahan bekalan elektrik ke kampung Orang Asli, Pasir Salam. Yang Berhormat Tebrau, kementerian mengambil maklum dan akan membawa permohonan Yang Berhormat dan akan meminta Tenaga Nasional Berhad untuk menjalankan siasatan tapak supaya kerja-kerja penyambungan talian elektrik ke Kampung Pasir Salam dapat dilaksanakan pada tahun 2015.

Selain itu, kementerian juga mengambil maklum saranan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai keperluan pemasangan lampu jalan di kampung-kampung. Yang Berhormat Jerlun mencadangkan supaya pemasangan lampu jalan kampung (LJK) diberi tumpuan kepada kampung-kampung yang masih belum mendapat kemudahan LJK ini. Untuk makluman Yang Berhormat Jerlun, skop pemasangan LJK melibatkan pemasangan lampu jalan di atas tiang sedia ada dengan kuantiti tidak melebihi 30 unit sebuah kampung.

Fokus pemasangan LJK pada tahun 2015, akan ditumpukan kepada kampung-kampung yang belum dipasang dengan LJK ini. Khusus untuk tahun 2015, negeri Kedah telah diperuntukkan kuota 4,500 unit LJK untuk dipasang. Senarai kampung yang akan dipasang dengan LJK akan dimuktamadkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Kedah mengikut keutamaan kerajaan negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Sibul dan Yang Berhormat Bintulu telah memohon supaya pemasangan lampu jalan kampung dipasang segera di kawasan pedalaman Sarawak supaya penduduk kampung mendapat manfaat sepenuhnya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian sedar bahawa lampu jalan kampung merupakan keperluan utama kepada masyarakat luar bandar untuk menjalankan aktiviti pada waktu malam. Sehubungan itu, pemasangan LJK pada tahun 2015 di negeri Sarawak akan diteruskan.

Pada tahun 2015, kementerian merancang untuk memasang 6,300 unit LJK di seluruh negeri Sarawak dengan anggaran bernilai RM5 juta. Kerja-kerja pemasangan ini akan dilaksanakan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB) yang dijadualkan bermula pada bulan Februari tahun 2015 dan akan dijangka siap pada bulan Disember tahun 2015.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kementerian sudah diperuntukkan untuk memasang lampu di kampung ataupun rumah panjang. Saya di sini mahu bertanya soalan ini, adakah kerajaan mengkaji balik semula ia punya lampu ia punya *bulb* itu, bolehkah beri terang sedikit atau tidak? Kerana sekarang ada tempat yang sudah pasang, kita kalau kasut hilang pun susah mahu dapat nampak. Itu mesti dikaji balik semula pasal dia punya itu *the brightness*, dengan izin, boleh atau tidak? Boleh atau tidak kita kaji balik semula?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan izin. Ada cadangan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Stampinkah?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ya. Cadangan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya ini Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Cadangan dengan lampu.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, sedikit sahaja.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang lampu itu, saya hendak mencadangkan dengan Menteri, pakai yang jenis LED. Mungkin akan menjimatkan kos dan lebih terang seperti yang mereka minta.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, kita lihatlah dengan kita syorkan mana yang terbaik kita akan gunakan. Jadi, ini tertakluk kepada kita harus buat kajianlah tetapi betullah. Saya bersetuju. Tidak ada guna lampu kalau ia tidak terang.

Pengagihan kuantiti pemasangan LJK ini akan dimuktamadkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak iaitu berkenaan dengan Sarawak tadi mengikut senarai keutamaan negeri. Sekiranya Yang Berhormat Bintulu ingin beberapa unit di Bintulu, sila buatlah senarai, hantar kepada pihak kerajaan negeri juga supaya dimasukkan dalam senarai. Ini kalau saya pandang sedikit sudah macam dia terpanggil.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bukan, ini satu kata...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah sebut Bintulu lah

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak payah sebut Bintulu pun boleh bangun. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi jangan kita hantar senarai, nanti semua wakil rakyat biasa punya *backbencher* semua dia punya *queue* di belakang, bukan diutamakan *especially* selalu mereka bila pelaksanaan mereka pergi pasang semua Menteri punya kawasan dahulu. *[Disampuk]* Ini kita sudah kena banyak kali. Ini tanya ini kita Sarawak punya banyak juga bukan. Kita punya *backbencher* punya biasa memang *last priority*. Setujukah atau tidak Tuan Pengerusi?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Pembangkang begitulah.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Pembangkang...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey ini perkara yang serius dan kita akan pastikan senarai daripada Ahli-ahli Parlimen, wakil rakyat yang mendahulukan rakyat sepatutnya diberikan keutamaan. Terima kasihlah Yang Berhormat Bintulu kerana mengingatkan kementerian dalam perkara ini.

Seterusnya Yang Berhormat Lumut memohon supaya pemasangan LJK diteruskan di negeri Perak pada tahun 2015. Untuk makluman Yang Berhormat Lumut, pemasangan LJK akan diteruskan di seluruh negara pada tahun 2015 khususnya untuk negeri Perak, sejumlah 6,000 unit lampu jalan kampung akan dipasang bermula juga pada bulan Februari tahun 2015 dan kerja-kerja pemasangan LJK akan dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk Semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat Paya Besar juga memohon supaya pemasangan LJK mengambil kira keperluan sebenar lampu jalan di daerah-daerah dan di kampung-kampung. Untuk makluman Yang Berhormat Paya Besar, senarai pemasangan LJK di setiap negeri di Semenanjung Malaysia dimuktamadkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri ICU dan juga JPM selepas mengambil kira perancangan kerajaan negeri di peringkat daerah. Untuk negeri Sabah dan Sarawak pula, senarai pemasangan dimuktamadkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah dan juga KPLB di Sarawak. Sehubungan itu, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa sememangnya semua senarai LJK yang dipasang telah diteliti dan dipersetujui oleh kerajaan negeri. Ini pentinglah kerajaan negeri.

Yang Berhormat Gerik memohon supaya LJK dipasang dengan mengambil kira keperluan dan pandangan ketua kampung dan pejabat daerah dan kerja-kerja selenggara LJK diambil berat supaya semua LJK berfungsi dan memberi manfaat kepada penduduk kampung. Untuk Yang Berhormat Gerik, semua lokasi pemasangan LJK di kampung-kampung ditetapkan oleh ketua kampung atau pejabat daerah.

■1220

Pihak TNB sebelum memulakan pemasangan LJK akan merujuk kepada pimpinan peringkat kampung. Untuk makluman Yang Berhormat Grik juga, semua LJK yang dipasang akan menjadi aset TNB dan kos operasi serta penyelenggaraan LJK dibiayai oleh kerajaan secara berterusan. Sekiranya berlaku kerosakan LJK maka kementerian memohon supaya Ketua Kampung atau penduduk kampung menghubungi nombor 15454 untuk Semenanjung Malaysia, untuk tindakan pembaikan oleh TNB dalam masa tiga hari.

Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Pasir Gudang memohon supaya pemasangan LJK disegerakan dan lokasi pemasangan dirujuk terlebih dahulu dengan Pejabat Ahli Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat senarai pemasangan LJK diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri ICU, JPM seperti mana yang telah saya sebutkan terdahulu tadi yang mengambil kira senarai keutamaan kerajaan negeri dan pemimpin politik tempatan. Pandangan Ahli Parlimen dan ADUN akan diperoleh sebelum pemasangan LJK dibuat.

Yang Berhormat Sibuti memohon supaya pemasangan LJK di kampung-kampung dipergiat untuk memberi manfaat kepada semua penduduk kampung. Untuk makluman Yang

Berhormat Sibuti, kementerian mengambil maklum akan saranan Yang Berhormat Sibuti dan akan memastikan kampung-kampung yang layak mendapat kemudahan LJK pada tahun 2015. *Debate*, LJK.

Isu Desa Lestari. Yang Berhormat Lenggong memohon KKLW untuk memberi tumpuan kepada Kampung Desa Lestari. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan Desa Lestari pada tahun 2015 adalah berjumlah RM26 juta. Sebanyak 13 buah kampung Desa Lestari akan dibangunkan pada tahun 2015. Selain daripada projek pembangunan ekonomi, KKLW turut melaksanakan program sokongan seperti program latihan, kepimpinan, keusahawanan serta promosi produk luar bandar.

Jadi sebelum terlalu jauh saya menyimpang, saya ingin berbalik sedikit kepada cadangan Yang Berhormat Stampin. Jadi Yang Berhormat Stampin spesifikasi LJK adalah bertepatan dengan kehendaknya 70 watt yang ditetapkan oleh Sarawak Energy Berhad. Jadi oleh itu cadangan adalah untuk pemasangan yang lebih teranglah.

Jadi isu Perumahan Bantuan Rakyat (PBR). Yang Berhormat Jerantut memohon jumlah projek bina baru dan baik pulih di seluruh negara khususnya di Parlimen Jerantut. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh sehingga Oktober tahun 2014, sejumlah 52,228 unit rumah telah dibina atau dibaik pulih di seluruh negara. Daripada jumlah berkenaan sejumlah 2,490 unit telah dibina atau dibaik pulih di negeri Pahang. Manakala bagi kawasan Parlimen Jerantut sejumlah 225 unit rumah sudah dibina dan dibaik pulih dengan kos berjumlah RM3.3 juta.

Isu masyarakat Orang Asli. Tuan Pengerusi, isu seterusnya yang berbangkit adalah isu masyarakat Orang Asli. Yang Berhormat Gerik memohon penjelasan berkenaan langkah mengatasi keciciran pelajar di kalangan Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan pelbagai langkah untuk mengatasi masalah keciciran dengan mengadakan pelbagai program dan skim bantuan galakan pendidikan seperti berikut:

- (i) penyediaan kemudahan pengangkutan ke sekolah yang dibiayai oleh JAKOA;
- (ii) pemberian insentif wang saku kepada pelajar sekolah menengah kadar RM2 setiap pelajar sehari;
- (iii) pembayaran yuran sekolah;
- (iv) mengadakan kursus dan seminar perubahan minda kepada ibu bapa dan pelajar;
- (v) program Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi (KEDAP) kepada ibu bapa Orang Asli untuk tujuan memberi kesedaran tentang kepentingan pendidikan; dan
- (vi) membina asrama khas untuk pelajar sekolah menengah khususnya di daerah yang kekurangan asrama.

Untuk makluman Yang Berhormat, tanggungjawab jabatan hanya menyediakan perkara-perkara kebajikan pelajar. Perkara yang berkaitan tahap pencapaian akademik menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat Kapar menyentuh berkaitan perancangan peruntukan sebanyak RM46.43 juta pada tahun 2015. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan melaksanakan program-program yang menumpukan kepada peningkatan taraf hidup Orang Asli. Peruntukan sebanyak RM46.43 juta itu akan dibahagikan kepada program-program seperti berikut:

- (i) Program Kualiti Hidup sebanyak RM20 juta;
- (ii) Program Elaun Tok Batin, JKKK Orang Asli sebanyak RM5.76 juta;
- (iii) Program Kebajikan Pembiayaan Alat Bantuan Pesakit sebanyak RM4.76 juta; dan
- (iv) Program Peningkatan Modal Insan sebanyak RM15.9 juta.

Jadi Yang Berhormat Pasir Gudang juga menyentuh tentang Program Modal Insan Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA telah melaksanakan Program Modal Insan antaranya:

- (i) satu program KEDAP menyediakan Kelas Dewasa Asli Peribumi di kalangan ibu bapa Orang Asli dengan memberi kesedaran pendidikan di kalangan mereka;
- (ii) mengadakan pelbagai kursus dan seminar minda kepada pemimpin masyarakat, ibu bapa, belia, beliawanis dan pelajar sekolah;
- (iii) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) membolehkan belia dan beliawanis mengikuti kursus latihan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang termasuk sijil kemahiran SKM 1, SKM 2 agar mereka seiring di pasaran kerja;
- (iv) Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) melahirkan pelajar Orang Asli yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah; dan
- (v) Pusat Latihan JAKOA Paya Bukur melahirkan pelatih pembuat pakaian yang berkemahiran tinggi bagi tujuan mendapat pekerjaan dan membuka pasaran sendiri.

Yang Berhormat Gerik membangkitkan tentang keperluan jalan-jalan di perkampungan Orang Asli di Parlimen Gerik dan turut membangkitkan masalah bekalan air terawat. Untuk makluman Yang Berhormat Gerik, JAKOA telah giat melaksanakan projek kemudahan asas di perkampungan Orang Asli bermula tahun 2012 sehingga kini termasuk penyediaan kemudahan jalan kampung.

Pihak kementerian sasarkan masalah berkaitan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli dapat diselesaikan sehingga penghujung tahun 2017 nanti. Pemohonan Yang Berhormat tersebut akan diambil perhatian sewajarnya di dalam pelaksanaan projek tahun 2015 sebab ada permohonan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Berhubung masalah bekalan

air terawat yang telah dibangkitkan tersebut pihak JAKOA telah mengenal pasti masalah yang dihadapi dan usaha untuk menangani masalah tersebut sedang diatasi dan diselesaikan.

Yang Berhormat Parit memohon supaya pertimbangan pembinaan rumah PBR- Projek Bantuan Rumah di perkampungan Orang Asli di bawah Parlimen Parit. Untuk makluman Yang Berhormat Parit permohonan Yang Berhormat akan dipertimbangkan dalam pelaksanaan tahun 2015. Pihak JAKOA akan mengenal pasti pemohon-pemohon yang terbabit akan memberi keutamaan kepada golongan miskin, miskin tegar yang telah berkeluarga dan amat memerlukannya.

Yang Berhormat Batu Gajah bertanya tentang bilangan pegawai pengurusan dan profesional dan pelaksana di kalangan Orang Asli dalam perkhidmatan awam.

■1230

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data EIS pangkalan data HRMIS, sehingga 11 April 2014 yang disediakan oleh sektor pangkalan data dan pengurusan maklumat, Bahagian Pengurusan Maklumat Jabatan Perkhidmatan Awam, bilangan pegawai pengurusan dan profesional di kalangan Orang Asli dalam perkhidmatan awam adalah seramai 107 orang manakala kumpulan pelaksana adalah seramai 1,469 orang.

Yang Berhormat Batu Gajah juga bertanya tentang pemberian tanah kepada masyarakat Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA tidak mempunyai kuasa untuk memberikan pemilikan tanah kerana pentadbiran tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, hak Orang Asli terhadap tanah telah diperjelaskan melalui pewartaan Tanah Orang Asli di bawah seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli dan di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara melalui pemilikan tanah secara kolektif. Sehingga kini sejumlah 31,480.4 hektar tanah telah diwartakan untuk kegunaan masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Batu Gajah juga membangkitkan tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi Orang Asli dan memperluaskan prasarana di perkampungan Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA telah pun melaksanakan pembangunan secara bersepadu di perkampungan Orang Asli menerusi penempatan menerusi Rancangan Perkumpulan Semula (RPS) menggabungkan pembangunan prasarana asas berserta dengan projek pembangunan ekonomi yang berdaya maju. Program seperti ini telah diteruskan sehingga kini dan telah ditambah baik. Menjadi hasrat kementerian KKLW untuk memastikan program bersepadu ini dilaksanakan dengan jayanya dan memberi manfaat besar kepada masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Paya Besar bertanya tentang berapa jumlah graduan Orang Asli. Untuk maklumat Yang Berhormat, pengajian dalam negara tahun 2006 ke 2013 matriks/sijil seramai 270 pelajar, diploma seramai 730 pelajar dan sarjana muda seramai 507 pelajar. Manakala pengajian luar negara dalam rancangan ijazah sarjana muda seramai 11 orang, sarjana seramai sembilan orang dan Ph.D seramai dua orang. Sehingga tahun 2006 ke 2013, seramai 1,507 pelajar Orang Asli telah ditawarkan melanjutkan pengajian tinggi di dalam negara. Manakala seramai

22 orang pelajar Orang Asli telah melanjutkan pelajaran ke luar negara pada tahun 2011 ke 2013 dalam masa tiga tahun. Pelajar ini melanjutkan pengajian pelbagai peringkat iaitu sijil, diploma, sarjana, *master* dan Ph.D.

Yang Berhormat Paya Besar meminta kerajaan menyusun semula perkampungan Orang Asli di Parlimen Paya Besar sebagai perkampungan contoh. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA mengambil perhatian yang serius akan cadangan Yang Berhormat tentang penyusunan semula kampung Orang Asli di Parlimen Paya Besar. Namun begitu JAKOA harus melihat perkara ini dalam konteks yang lebih meluas. Keseluruhannya perkampungan Orang Asli harus dimajukan termasuk perkampungan Orang Asli di Parlimen Paya Besar. Jadi tidak ada yang tercicir.

Yang Berhormat Sepang menyatakan berlaku kematian di perkampungan Orang Asli tetapi kemudahan dari segi pengangkutan untuk masalah tersebut tidak begitu memuaskan. Ya, Yang Berhormat Sepang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Bangun*]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tunggu dahulu, tunggu. Saya belum. Untuk makluman Yang Berhormat Sepang, JAKOA sentiasa mengutamakan kebajikan Orang Asli. Ia menjadi salah satu fungsi jabatan ini melalui seksyen latihan dan kebajikan Orang Asli. JAKOA juga membantu Kementerian Kesihatan dalam memudah cara hal-hal kesihatan Orang Asli melalui bantuan logistik seperti pengangkutan dan rumah transit. JAKOA bertindak mengikut keperluan dan bila-bila masa akan sentiasa bersedia untuk memenuhi sebarang keperluan dan meningkatkan perkhidmatan dari semasa ke semasa. Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya lebih spesifik. Saya nyatakan kampung Orang Asli yang spesifik Kampung Banjar. Di kampung itu dia agak jauh untuk pergi klinik dan sebagainya. Jadi saya mencadangkan kalau belum ada, yang saya tahu mereka beritahu tidak ada lagi. Satu klinik bergerak yang berbentuk *regular*. Mungkin dua minggu sekali, seminggu sekali untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di situ.

Saya sebut nama kampung itu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin boleh hubungi pegawai supaya siasat perkara ini dan jalan hendak menuju ke kampung itu pun memang amat daif. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri ambil tindakan. Saya juga ada tanya fasal saya tidak boleh masuk ke kampung Orang Asli hendak bagi daging korban. Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab juga.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Pegawai ada di dalam Dewan dan mengambil maklum akan apa yang telah disebut Yang Berhormat Sepang tadi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jawapan bertulis pun tidak apalah. Jawapan bertulis pun tidak apa.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, okey. Kita akan sampaikan penjelasan secara bertulis. Yang Berhormat Sepang juga menyatakan bahawa Kampung Bukit Raja itu sangat daif dari segi taraf jalan. Untuk makluman Yang Berhormat, kampung Orang Asli Bukit Raja merupakan kampung yang terlibat dalam proses rundingan antara penduduk kampung dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor di mana kawasan perkampungan ini telah dicadangkan untuk dipindahkan ke kawasan yang bersesuaian dengan kehendak penduduk.

Yang Berhormat Sepang juga menyatakan bahawa pemimpin bahawa dihalang untuk membuat program perkampungan Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak JAKOA sentiasa menggalakkan setiap agensi kerajaan, ahli politik dan pihak swasta serta NGO mengadakan program...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu ahli politik BN, ahli politik Pakatan...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang boleh memberi manfaat kepada pembangunan Orang Asli. Walau bagaimanapun, kebenaran untuk melaksanakan program ini di penempatan Orang Asli perlu mendapat kebenaran daripada pihak JAKOA sebab JAKOA harus tahu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia tahu, dia tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia tahu. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, lembu sudah sampai pun. Lembu sudah ada dalam kampung itu. Bila kita hendak sembelih tidak boleh. Tidak dibenarkan. Jadi saya hendak katakan Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong siasat perkara ini dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri ada campur tanganlah supaya benda ini tidak berlaku sebab Orang Asli pun rakyat kita. Jadi kita harap benda politik, sekat-sekat ini politik kena buanglah. Ini zaman lama. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Kawasan Sepang ada Orang Asli kah?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Itulah kuncinya Yang Berhormat Sepang, politik itu kena buang. Kalau masuk kampung bantu Orang Asli, saya rasa JAKOA tidak ada masalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini bantulah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebab itu saya kata kita bawa lembu. Lembu ini kita hendak bantu bagi kepada Orang Asli.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Akan tetapi perkataan dari Yang Berhormat sendirilah politik itu kena buanglah. Masuk bantu Orang Asli JAKOA...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan politik kena buang. Politik sekat. Politik diskriminasi itu yang kena buang. Bukan politik. Kena faham Yang Berhormat Timbalan Menteri istilah itu.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, faham. Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Kita ambil perhatian.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Seputeh tidak ada Orang Asli.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong bagi jawapan atas siasatan itu. Yang siasat benda itu tolong bagi jawapan pada saya nanti.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Jawapannya ada dalam *Hansard*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan, maksud saya yang sekatan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tanya dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli kenapa berlaku, lepas itu bagi tahu kepada saya. Boleh? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Boleh. Terima kasih. Yang Berhormat Pasir Gudang memberitahu bahawa masalah tanah yang tidak selesai di perkampungan Orang Asli di Parlimen Pasir Gudang yang diambil pemaju. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA akan sentiasa bertindak selaku pemudah cara untuk menyelesaikan isu tanah Orang Asli melalui perundingan dengan pihak berkuasa negeri dan kuasa terhadap pentadbiran tanah ialah kuasa kerajaan negeri Yang Berhormat Pasir Gudang.

■1240

Yang Berhormat Seputeh menyatakan bahawa JAKOA memberi bantuan kepada Orang Asli yang beragama Islam sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, JAKOA memberikan bantuan kepada semua Orang Asli yang memerlukan mengikut keperluan dan peruntukan yang ada tanpa membezakan anutan agama kita. Jelas ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin celah.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh tolong siasat apa yang disiarkan dalam Al-Jazeera yang mana menunjukkan kalau Orang Asli tidak peluk agama Islam, jadi rumah mereka tidak sebaik berbanding dengan mereka yang sudah peluk agama Islam. Ini bukan apa yang saya kata. Ini berlaku di Pahang. Ini adalah apa yang saya terima daripada program Al-Jazeera.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, kita ambil maklumlah.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Jerantut. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya sebagai orang Pahang mewakili Pahang dan Parlimen Jerantut pun memang banyak penempatan Orang Asli. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seputeh itu, kalau ada Yang Berhormat Menteri, mungkin kes terpencil. Saya cabar Yang Berhormat Seputeh, sila datang ke Jerantut untuk melihat, memang tidak ada diskriminasi tentang agama, sama ada untuk Islam ataupun bukan Islam. Jangan main tuduh-tuduh sahaja. Itu saja Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya tidak tuduh mana-mana pihak tapi ini adalah apa yang disiarkan dalam *international* TV program. Jadi saya rasa ini adalah...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ini tidak patutlah Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Penting sangat bagi pihak kerajaan untuk jalankan siasatan. Nanti saya sampaikan program ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Jerantut bukan bertanya kepada Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya lah, jangan dia cabar saya. Saya tidak perlu cabar. Saya hanya tunjuk sahaja dan minta kerajaan siasat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, kita ambil maklum ya. Isu *Rural Transformation Centre* (RTC). Tuan Pengerusi, seterusnya dibangkitkan isu RTC di kawasan luar bandar. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor mengenai cadangan penubuhan RTC di Kuala Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah belum menerima sebarang cadangan lokasi RTC yang sesuai daripada kerajaan negeri dan Unit Perancangan Ekonomi untuk dilaksanakan RTC Selangor ya.

Kementerian peneraju RTC akan membuat penilaian dan lawatan ke atas cadangan lokasi-lokasi yang berpotensi dijadikan RTC sebelum keputusan dibuat. Oleh itu, kementerian akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat sekiranya lokasi pembangunan yang sesuai dapat dikenal pasti dan berada di kawasan yang strategik bagi memberi manfaat kepada penduduk luar bandar di negeri itu.

Yang Berhormat Jerantut juga mencadangkan mewujudkan RTC di Kuala Tahan, Jerantut, Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini dasar kementerian adalah satu RTC di setiap negeri di Semenanjung Malaysia dan dua RTC di Sarawak dan dua RTC di Sabah. Bagi negeri Pahang, RTC yang telah beroperasi adalah di Kuala Pahang, Pekan. RTC ini akan memanfaatkan penduduk dalam 100 kilometer radius dari pusat RTC.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sedang dalam proses untuk memperkasakan RTC ini bagi memberi manfaat kepada seluruh penduduk di negeri Pahang. Cadangan Yang Berhormat Jerantut adalah sangat baik dan akan dipertimbangkan dalam rancangan tahun 2016, Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan datang.

Yang Berhormat Lenggong menyatakan bahawa mini RTC merupakan satu program yang baik dan diharapkan agar sebuah mini RTC dapat dibina di kawasan Lenggong dengan cadangan tapak di bekas pusat pemprosesan ikan yang tidak lagi aktif di kawasan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, transformasi Medan Infodesa (MID) kepada mini RTC telah menambah fungsi dan peranan asalnya dari pusat internet desa yang bertujuan untuk merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar kepada program yang meningkatkan taraf hidup sosial ekonomi komuniti setempat.

Mini RTC kini berperanan sebagai pusat perhentian pelbagai perkhidmatan untuk kemudahan penduduk luar bandar melalui lapan inisiatif termasuk latihan ICT, latihan kemahiran desa, kolaborasi bersama jabatan kerajaan dan swasta, kiosk informasi 1Malaysia, ejen bank berdaftar, cafe siber, program kesukarelawan dan pusat pengumpulan penduduk IKS. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian tidak disediakan peruntukan bagi pembinaan mini RTC yang baru dan sebaliknya akan memberi tumpuan kepada inisiatif untuk memperkasakan

mini RTC sedia ada bagi meningkatkan sosioekonomi penduduk luar bandar dan sekali gus menjadikan luar bandar kawasan yang produktif, maju dan berdaya saing.

Yang Berhormat Kapar menyatakan mengenai perancangan mini RTC pada tahun 2015. Untuk makluman Yang Berhormat, mini RTC yang dahulunya dikenali sebagai Medan Infodesa tadi, merancang untuk melaksanakan pelbagai aktiviti selaras dengan hasrat penubuhannya.

Isu berkaitan KEMAS- Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Sepang membangkitkan mengenai imbuhan peningkatan kerjaya, status kakitangan kontrak KEMAS dan kekurangan kakitangan KEMAS. Untuk makluman Yang Berhormat Jerantut dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara yang sama, kakitangan kontrak KEMAS adalah sama seperti imbuhan yang diterima oleh kakitangan tetap KEMAS. Ini termasuklah imbuhan tetap khidmat awam, elaun tetap perumahan, bantuan sara hidup mengikut gred, perjawatan dan tempat bertugas masing-masing. Untuk makluman Yang Berhormat Paya Besar, pihak pengurusan KEMAS sentiasa berusaha membantu para guru Tabika dan Taska KEMAS dalam meningkatkan profesionalisme dan peningkatan kerjaya.

Dalam hal ini pihak pengurusan KEMAS menghantar guru KEMAS yang tidak layak mendapat diploma bagi menghadiri kursus Sijil Perguruan di Kolej KOPEDA, Shah Alam, Selangor sejak tahun 2013. Selain itu, pihak pengurusan KEMAS menghantar guru KEMAS yang layak mengikuti program diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Institut Perguruan Malaysia dan Kolej Ketengah. Sehingga kini seramai...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Alexander Nanta Linggi: ...1,876 orang guru KEMAS...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Alexander Nanta Linggi: ...Telah memperolehi diploma manakala 1,510 orang lagi sedang mengikuti pengajian diploma di institusi-institusi tersebut. Pihak pengurusan KEMAS juga menyediakan kursus dalam perkhidmatan untuk dihadiri oleh guru KEMAS bagi meningkatkan keupayaan kerjaya mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tasek Gelugor bangun.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, ya, hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kursus-kursus yang telah diberikan kepada pemaju-pemaju masyarakat. Dulunya KKLW ataupun KEMAS pernah menawarkan kursus-kursus yang dibuat secara *joint venture* dengan beberapa universiti untuk guru-guru yang berkenaan mendapatkan kursus diploma dan mereka telah membuat pembayaran sendiri kepada semua kos kursus tersebut tapi saya hendak tahu sama ada guru-guru yang berkenaan telah pun diserapkan ke jawatan tetap dengan gred gaji diploma kerana mereka mengatakan dulu mereka tidak diterima masuk dalam skim yang berkenaan. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Untuk penjelasan lanjut kepada apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi, kita akan memberikan penjelasan secara bertulis tetapi ada juga

penjelasan di sini ya, saya belum habis tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Sepang, pihak pengurusan KEMAS sedang dalam proses memohon peningkatan gred kakitangan kontrak KEMAS melalui penyusunan semula, *restructure* struktur KEMAS. Permohonan ini telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Perkara ini sedang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan, ya.

■1250

Untuk makluman Yang Berhormat Sepang juga, pengambilan kakitangan KEMAS dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan peruntukan yang disediakan. Sehingga kini bilangan seramai 17,251 orang kakitangan kontrak KEMAS dan 884 orang kakitangan tetap sedang berkhidmat dengan KEMAS. KEMAS juga sedang melatih seramai 344 orang pemaju masyarakat tabika dan taska untuk menampung kekurangan guru Tabika dan Taska KEMAS. KEMAS juga sedang mengiklankan jawatan pemaju masyarakat pelbagai jurusan bagi menampung kekurangan kakitangan di kawasan Parlimen dan di kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Kota Samarahan membangkitkan mengenai Tabika KEMAS yang usang. Kelewatan pembinaan tabika KEMAS, Tenom dan pembinaan Pusat Latihan KEMAS, Kota Samarahan.

Untuk makluman Yang Berhormat Stampin, pihak KEMAS faham bahawa terdapat banyak tabika dan taska yang usang dan memerlukan penyelenggaraan dan serupa juga di hampir semua bangunan KEMAS yang memerlukan penyelenggaraan yang sama di seluruh negara. Namun penyelenggaraan tahunan dibuat berasaskan peruntukan yang diluluskan pada tahun semasa. Sebagai contoh, bagi tahun 2015, sebanyak RM2.5 juta sahaja disediakan untuk menyelenggarakan 60 buah tabika dan taska di bawah peruntukan pembangunan dan sebanyak RM5.5 juta bagi 187 projek penyelenggaraan tabika dan taska di bawah peruntukan mengurus.

Memandangkan kekurangan peruntukan ini, projek-projek yang diselenggara akan dipilih berdasarkan keperluan mendesak dan keutamaan. Permohonan dari Yang Berhormat Stampin, pihak KEMAS akan membuat semakan dan justifikasi untuk dipanjangkan bagi mendapat peruntukan dari agensi pusat sekiranya amat memerlukan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenom, pembinaan Tabika KEMAS Kampung Melalap, Tenom dilaksanakan oleh FELCRA. Proses perolehan bagi membina tabika Kampung Melalap, Tenom ini telah dijalankan sejak awal tahun ini. Namun, ia lewat dijalankan kerana kos pembinaan yang dicadangkan melebihi siling ataupun had siling iaitu sebanyak RM600,000.

Jadi had siling ialah sebanyak RM450,000. Kerja pembinaan Tabika KEMAS tersebut dijangka ditawarkan pada hujung bulan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Samarahan, bagi pembinaan Pusat Latihan KEMAS, Kota Samarahan pula, kerja-kerja tanah dan memagar kawasan telah dilaksanakan sejak awal tahun 2014 dan siap pada bulan Oktober 2014 dengan kos sebanyak RM2.3 juta. Ini untuk pengambilan tanahlah.

Pembinaan pusat latihan tersebut telah dimasukkan dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesebelas. Yang Berhormat Sepang juga telah membangkitkan mengenai isu kanak-

kanak Tabika KEMAS yang kurang menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak KEMAS telah melaksanakan Kokurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan.

Justeru itu, kokurikulum dan tabika KEMAS ialah mengikuti Dasar Pendidikan Negara dan KSPK. Konsep yang diterapkan ialah belajar melalui bermain. Kebanyakan kanak-kanak di tabika KEMAS adalah berumur lima tahun. Jadi - manakala kebanyakan kanak-kanak usia enam tahun memasuki prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

Berdasarkan kajian KEMAS pada tahun 2013, kanak-kanak yang telah belajar di Tabika KEMAS sehingga Oktober tahun 2013, didapati 63% telah dan boleh mengenal huruf, suku kata dan boleh membaca ayat-ayat mudah. Pihak KEMAS juga sedang berusaha meningkatkan pencapaian ini.

Selain itu, KEMAS merancang untuk menambah baik kokurikulum pengajian Agama Islam di kalangan kanak-kanak yang beragama Islam. Tuan Pengerusi, isu seterusnya adalah yang berkaitan salah satu agensi di bawah naungan kementerian iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Pasir Puteh juga Yang Berhormat Sepang telah membangkitkan isu penubuhan MRSM baru di kawasan masing-masing. Yang Berhormat Parit Sulong pula membangkitkan isu penubuhan MRSM berbayar.

Yang Berhormat Parit Sulong pula membangkitkan isu pembinaan premis perniagaan MARA di tanah kosong bersebelahan MRSM Batu Pahat. Yang Berhormat Gerik juga mencadangkan pembinaan premis perniagaan berhampiran MRSM Gerik dan Yang Berhormat Jerantut juga mencadangkan pembinaan premis perniagaan MARA di Jerantut untuk usahawan luar bandar. Cadangan pembinaan premis perniagaan MARA di Labuan juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Labuan.

Yang Berhormat Jerlun membangkitkan isu pelajar tajaan MARA di *Alliance University*, AUCMS manakala Yang Berhormat Kota Raja isu pelajar perubatan yang mengikuti program usaha sama dengan Universiti Sumatera Utara (USU) yang masih belum mendapat skor.

Cadangan program pembangunan usahawan belia yang dilaksanakan oleh MARA dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat Parit Sulong juga mencadangkan GIATMARA Batu Pahat dipindahkan ke lokasi baru yang lebih strategik manakala Yang Berhormat Sibuti mencadangkan supaya tambahan kursus baru dalam bidang pastri atau jahitan di GIATMARA Sibuti. Yang Berhormat Lenggong mencadangkan KKTM Lenggong dijadikan sebagai cawangan Universiti Kuala Lumpur (UNIKL). Bagi cadangan penubuhan MRSM baru yang dimohon oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu, MARA akan membuat kajian terperinci dan mempertimbangkan penubuhan MRSM baru di kawasan tersebut pada masa hadapan.

Bagi cadangan pelaksanaan MRSM berbayar, sememangnya dalam perancangan MARA untuk menubuhkan MRSM berbayar dengan menggunakan modul pembelajaran MRSM sedia ada. Walau bagaimanapun, MARA dalam tindakan mengemas kini modul-modul sedia ada dan

pada masa yang sama, MARA melalui subsidiarinya sedang membuat kajian lanjut berkenaan cadangan pelaksanaan MARA or Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) berbayar.

Yang Berhormat Kota Raja, bagi isu pelajar tajaan MARA di...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, banyak lagi Yang Berhormat? Boleh jawab bertulis, Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sepuluh minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh bertulislah Yang Berhormat, yang akhir.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Memang boleh bertulis sekiranya saya diarahkan oleh Tuan Pengerusi sebab kita hendak menjawab secara terperinci untuk memberi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *less the queuelah* Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, okey. Kalau begitu, saya mohon maaf kepada semua Ahli Yang Berhormat yang tidak sempat kementerian buat jawapan dan penjelasan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan. Yakinlah dengan kementerian, kami akan menghantar penjelasan dan jawapan secara bertulis kepada semua perkara yang belum dijawab dan juga yang telah diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk penjelasan yang lebih teliti semasa saya menjawab tadi.

Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan dengan itu sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,982,302,200 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM5,982,302,200 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,525,462,700 untuk Maksud P. 22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM4,525,462,700 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.23 [Jadual] -

Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan 2015] –

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Silam.

2.32 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu iaitu Maksud Perbekalan 23 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Butiran 16700. Tuan Pengerusi, projek tebatan banjir ataupun *master plan* tebatan banjir bagi bahagian Lahad Datu telah diluluskan pada tahun 2000 dan di dalam projek itu ada merangkumi tiga batang sungai iaitu Sungai Pancuran, Sungai Tebanak dan Sungai Sepat Gaya. Ketiga-tiga batang sungai ini mengalir keluar ke pekan Lahad Datu. Sebelum ini setiap kali hujan dua tiga jam, maka berlakulah banjir kilat di semua kawasan ini. Selepas dilaksanakan projek tebatan banjir yang bermula pada tahun 2004, maka selesailah projek Tebanak dan juga Sungai Pancuran dan selepas itu tidak lagi berlaku banjir di sepanjang Sungai Tebanak dan Sungai Pancuran ini.

Malangnya sehingga hari ini, projek tebatan banjir bagi Sungai Sepat Gaya belum lagi dilaksanakan. Projek ini Tuan Pengerusi bernilai RM220 juta dan dia mempunyai banyak pakej yang dilaksanakan dan seperti yang saya katakan pakej Sungai Tebanak dan pakej Sungai Pancuran telah selesai dan banjir kilat sudah tidak berlaku. Malangnya seperti yang saya katakan tadi Sungai Sepat Gaya sehingga hari ini belum lagi dilaksanakan, jadi setiap kali hujan, maka berlakulah banjir kilat dan masjid, rumah-rumah kampung, jalan raya semua tidak boleh digunakan sebab air naik.

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada kementerian berkenaan khasnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya projek ini dilaksanakan secepat mungkin sebab ia menimbulkan banyak masalah apabila hujan dan banjir kilat berlaku, maka penduduk kampung tidak boleh keluar ke bandar, tidak boleh bekerja. Yang kerja di pejabat-pejabat pun tidak boleh sebabnya jalan-jalan telah dibanjiri air sungai yang melimpah.

Saya melihat banjir ini berlaku sebab di hulu sungai banyak hutan rimba yang telah ditebang untuk ditanam dengan kelapa sawit. Jadi apabila itu berlaku, maka hakisan berlaku dan

hakisan ini masuk ke dalam sungai, maka sungainya sudah menjadi cetek. Saya boleh saksikan 10 - 20 tahun yang lalu sungai ini cukup dalam dan luas tetapi sudah mengecil dan sudah cetek airnya. Oleh sebab itu apabila banjir kilat, maka air akan naik melimpah keluar. Jadi saya merayu kepada kementerian ini supaya dipercepatkan projek ini dan Jabatan Perairan dan Saliran Sabah juga telah menulis kepada kementerian ini untuk meminta peruntukan supaya projek ini dapat dilaksanakan secepat mungkin

Sebatang sungai lagi iaitu Sungai Segama ini sebenarnya adalah kedua terpanjang di Sabah, sungai yang panjang sekali Kinabatangan selepas itu Sungai Segama dan sungai ini mengalir melintasi Daerah Lahad Datu. Maka apabila berlaku banjir, kawasan di utara Lahad Datu ini akan ditenggelami oleh air dan ini berlaku setiap tahun. Kadang-kadang berlaku dua kali setahun, kadang-kadang tiga kali setahun. Jadi saya minta kepada kementerian ini supaya membuat kajian macam mana boleh dikurangkan banjir ini kalau boleh dihapuskan. Jadi saya merayulah kepada kementerian ini untuk melaksanakan projek pakej ketiga iaitu Kampung Sepat Gaya di bawah Projek Tebatan Banjir Lahad Datu dan juga mengkaji macam mana boleh dibendung berlakunya banjir kilat di Sungai Segama. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

2.38 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Pengerusi Kepala B.23 dan P.23 Butiran 10300 - Pengurusan Alam Sekitar yang mempunyai objektif perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar, pengurusan sumber air dan saliran, perkongsian dan permulaan data *geospatial*.

Tuan Pengerusi, sejauh mana kementerian berperanan mengawal kawasan tadahan air supaya tidak diceroboh untuk pembangunan. Minta penjelasan siri kawasan tadahan air yang digariskan.

Kedua, saya mengharap sangat penjelasan mengenai dengan kegunaan dan manfaat data *geospatial* dan langkah-langkah pelaksanaannya.

Ketiga merujuk kepada Butiran 16700 kepala P.23 - Rancangan Tebatan Banjir. Saya ingin mendapat penjelasan rancangan tebatan banjir di Sungai Serai Hulu Langat yang mengambil masa yang agak lama. Apakah halangan-halangan dan bilakah akan disiapkan. Tidakkah kementerian bimbang kemungkinan boleh berlaku banjir dalam keadaan musim tengkujuh sekarang.

■1440

Yang keempat, Butiran 040000 – Mineral dan Geosains. Saya berminat untuk mendapatkan penjelasan adakah negara kita masih mempunyai banyak mineral-mineral setelah kita berjaya melombong bijih timah di Selangor dan Perak, bijih besi di Terengganu, emas di Pahang. Dalam kajian terbaru, apakah mineral-mineral yang dijumpai dengan memberi beberapa contoh lokasi yang berpotensi. Merujuk Butiran 060200 – Pendidikan dan Penilaian Alam Sekitar

dan Butiran 060300 – Pengawasan dan Penguatkuasaan. Apakah kaedah yang dilaksanakan oleh kementerian dalam memberi kesedaran yang berkesan kepada orang awam mengenai penjagaan alam sekitar. Minta penjelasan terperinci sistem aplikasi *Geographical Information System (GIS)* yang digunakan untuk pengurusan sekitaran.

Merujuk kepada penguatkuasaan, sejauh manakah kejayaan yang diperoleh dalam usaha mencegah pencerobohan hutan yang akhirnya mengubah ekosistem sebagaimana yang dialami di Cameron Highlands dan Lojing. Butiran 080000 – Pengairan dan Saliran. Kementerian membelanjakan wang yang besar untuk mencuci dan mendalamkan sungai. Berdasarkan pengamatan yang saya peroleh, punca sungai cetek dan berlaku mendap yang serius disebabkan oleh pembangunan yang berleluasa dan pemaju tidak mengikut peraturan yang ditetapkan iaitu tidak membina perangkap tanah atau *silt trap* yang berfungsi dan berlaku penebangan hutan yang berleluasa atau sekali gus tanpa mengambil kira pemuliharaan sekitaran dan memikirkan banjir kilat akan berlaku.

Oleh itu, bolehkah kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran memberi amaran ataupun menyaman dan menuntut ganti rugi daripada pemaju-pemaju yang terlibat bagi dana pembersihan dan pengorekan sungai di masa akan datang. Butiran 130000 – Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (FRIM). Sejauh mana sumbangan FRIM dalam meningkatkan pengurusan hutan di Malaysia memandangkan hutan memainkan peranan penting dalam menyerap CO₂ iaitu 638 metrik tan CO₂ *equivalent* per hektar dalam mengurangkan *carbon footprint* dalam negara ini dan juga dapat mengawal *climate change*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang.

2.42 ptg.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS Pelbagai Negeri. Saya ingin merujuk kepada perhatian kementerian mengenai sistem perparitan di sepanjang jalan Pekan Kapit sehingga ke Jalan Selirik yang sering mengalami banjir sekiranya ada hujan lebat. Jadi, ini terjadi kerana tiada sistem perparitan yang terurus kerana parit ini hanya parit yang dicangkul sejak lama dulu.

Saya mohon peruntukan RM6 juta ini dapat ditambah kerana keperluan untuk membina *monsoon drain* dengan izin, adalah penyelesaian muktamad kepada masalah banjir itu. Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Mohon diadakan saluran untuk luar bandar sekiranya peruntukan ini hanya diberikan kepada bandar sahaja. Jumlah yang cukup besar sebanyak RM659 juta ini saya rasa kalau diberikan sedikit kepada permasalahan di sepanjang Pekan Kapit hingga ke Jalan Selirik seperti mana yang saya nyatakan tadi, sekali gus dapat mengelakkan banjir melimpah. Mohon kementerian mempertimbangkan permintaan saya ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Serdang.

2.43 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas tentang Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya hendak rujuk kepada Butiran Penguatkuasaan dan juga di bawah Jabatan Alam Sekitar yang diberikan peruntukan sebanyak RM106 juta. Saya hendak bangkitkan beberapa isu yang saya harap kementerian boleh jelaskan. Pertama ialah tentang penswastaaan kontrak untuk menilai dan juga menguatkuasakan punca pencemaran udara yang diberikan kepada sebuah syarikat yang dipanggil AMDS.

Yang ini juga telah juga telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara di mana salah satu kritik yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah bahawa *third party* ini ataupun syarikat yang membuat penguatkuasaan ini ada hak untuk supaya tidak memaparkan ataupun memberikan butir-butiran tentang pencemaran udara yang diakibatkan oleh pihak-pihak tertentu.

Saya rasa Ketua Audit Negara telah membangkitkan satu isu di mana kontrak itu dikatakan tidak menyebelahi pihak kerajaan tetapi membantu syarikat yang diberi konsesi ini untuk menyembunyikan maklumat-maklumat yang penting. Jadi saya nak tanya kementerian kenapa walaupun Jabatan Alam Sekitar ini diberikan peruntukan yang banyak dan juga ada lebih daripada 1,000 penjawat awam yang bekerja di Jabatan Alam Sekitar, kontrak untuk menilai ataupun menguatkuasakan pencemaran udara ini diberikan kepada syarikat yang diswastakan. Satu lagi isu yang saya nak bangkitkan ialah tentang penguatkuasaan di dua tempat. Saya harap kementerian boleh menjelaskan.

Satu tempat ialah di *Waste Transfer Station* dengan izin, di Taman Beringin, Kepong di mana saya dengan penduduk telah pergi untuk membuat *measurement of the water sampling* di kawasan itu di luar *leachate treatment plant*, dengan izin dan kami telah menghantar keputusan dan juga *result water sampling* ini kepada Jabatan Alam Sekitar untuk mengambil tindakan kerana pencemaran di sana memang serius.

Akan tetapi buat masa sekarang walaupun Jabatan Alam Sekitar telah menghantar surat kepada saya untuk memberi kepastian bahawa tindakan akan diambil kepada Alam Flora dan juga pihak yang menguruskan *leachate treatment plant* ini. Pada 1 November, apabila penduduk di kawasan sana pergi menziarahi tempat itu, pencemaran yang sama masih lagi berada.

Isu yang ketiga yang saya nak penjelasan daripada kementerian ialah tentang data-data pencemaran ataupun *effluent* yang *discharge* oleh *factory-factory* di sekitar Semenanjung Malaysia di mana di kawasan saya di Balakong ada beberapa kali berlaku proses loji rawatan air terpaksa diberhentikan kerana pencemaran air. Saya dengan Kerajaan Negeri Selangor telah meminta Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor supaya memberikan data-data tentang pencemaran air oleh *factory-factory* di kawasan Sungai Langat supaya Majlis Perbandaran

Kajang boleh ambil tindakan yang sewajarnya. Akan tetapi, malangnya Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor kata bahawa data-data ini adalah OSA ataupun rahsia.

Saya rasa ini memang tidak boleh diterima kerana pencemaran ini menyebabkan beratus-ratus ribu orang tidak mendapat bekalan air di kawasan di Balakong dan juga di Hulu Langat dan kalau perkara macam ini terus berlaku, mungkin juga Putrajaya pun akan terjejas kerana mungkin selepas ini ada banyak lagi *factory* yang mengeluarkan *effluent* di Sungai Semenyih dan sebagainya yang menyebabkan pencemaran air di Loji Rawatan Semenyih yang membekalkan air kepada Bangi, Kajang dan juga Putrajaya.

Isu yang terakhir sekali yang saya nak bangkitkan ialah tentang *environmental impact assessment* untuk *forest city* dekat Gelang Patah di Johor di mana sebelum ini Timbalan Menteri telah kata bahawa DEIA tidak perlu untuk *land reclamation* dengan izin di tempat itu kerana *land reclamation* itu kurang daripada 50 hektar. Akan tetapi apabila rakan-rakan saya dari negeri Johor pergi melawat tempat ini, memang *land reclamation* adalah begitu besar dan mengikut pelan-pelan yang juga telah dipaparkan oleh *developer* ataupun pemaju iaitu Country Garden, memang ada banyak unit yang dijual di atas *reclaim land* ini saya pasti lebih daripada 50 ekar. Ada juga surat khabar *The Edge* yang melaporkan bahawa *land reclamation* ini akan menjejaskan kedudukan Port Tanjung Pelepas (PTP) yang mungkin akan menyebabkan kapal tak boleh masuk ke tempat itu.

Jadi saya rasa isu ini memang serius. Saya rasa kementerian perlu memberikan jawapan yang terperinci dan harap bahawa kementerian juga boleh mengaturkan lawatan rasmi bersama dengan Ahli Parlimen ataupun ADUN tempat-tempat yang telah saya sebutkan tadi supaya boleh menilai sama ada semua pencemaran air, udara dan juga *land reclamation* ini adalah mengikuti *guideline* ataupun syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian dan juga Jabatan Alam Sekitar. Itu sahaja, terima kasih.

■1450

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jelebu.

2.50 ptg.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara hendak dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di bawah tajuk B.23, Butiran 080000 - Pengairan dan Saliran. Pertama ialah isu tentang bidang kuasa undang-undang di bawah Jabatan Perparitan dan Saliran ini kerana ada satu kes di kawasan saya di Jelebu iaitu di Kampung Hosapa Titi di mana ada sebatang sungai yang merentasi sebidang tanah milik persendirian yang sungai itu sudah dialih ke aliran baru oleh tuan tanah yang berkenaan.

Jadi ini menyebabkan wujudnya *bottle-neck* yang menghasilkan banjir kilat di kawasan hulu sungai berkenaan. Jadi saya ingin penjelasan daripada kementerian, apakah kementerian atau Jabatan Perparitan dan Saliran ini mempunyai bidang kuasa untuk mengalihkan semula

sungai itu kepada sungai asal? Ini kerana tuan tanah berkenaan tidak mahu mengalihkannya ke sungai asal walaupun saya difahamkan bahawa jabatan mempunyai bidang kuasa untuk mendenda.

Bagi saya, mendenda itu tidak menyelesaikan masalah. Masalah kita ialah hendak meletakkan semula sungai itu yang lalu merentas tanah persendirian yang dialih oleh tuan tanah bagi menyelesaikan masalah aliran air yang tidak tersekat yang mana ini sudah dikenal pasti sebagai punca kepada berlakunya banjir kilat bagi kawasan Kampung Hosapa Titi ini. Jadi saya minta penjelasan jabatan, apakah ada bidang kuasa bagi mengalihkan semula sungai kepada kedudukan asal? Kalau ada, kenapa tidak digunakan ini untuk menyelesaikan kes ataupun isu berkaitan dengan banjir kilat di kawasan Kampung Hosapa Titi yang disebabkan oleh pengalihan sungai yang dibuat oleh tuan tanah yang berkenaan kerana mereka hendakkan tanah itu lebih cantik dan lebih sempurna? Itu yang pertama.

Kedua ialah soal banjir kilat juga di bawah tajuk dan butiran yang sama iaitu di satu kawasan Kampung Baru Ladang Jelebu, Taman Sri Kenaboi dan kawasan-kawasan persekitarannya di kawasan Parlimen Jelebu, di mana kawasan ini dikenal pasti sebagai tempat ataupun sering berlaku banjir kilat di musim-musim hujan khususnya di hujung tahun. Jadi saya minta jabatan membuat satu kajian yang khusus tentang punca dan sebab-sebab. Ini sudah dibangkitkan banyak kali supaya Jabatan Teknikal duduk dan membuat kajian kerana kawasan sekeliling sekarang ini sudah membangun. Sungai dan parit yang ada sudah tidak boleh lagi menampung kebanjiran air pada musim-musim hujan yang kuat ataupun di hujung-hujung tahun ini.

Jadi oleh sebab itu, saya mohon Jabatan Perparitan dan Saliran membuat kajian teknikal secara terperinci dan mencadangkan penyelesaiannya, *one for all*, dengan izin, Tuan Pengerusi, supaya penduduk di kawasan Kampung Baru Ladang Jelebu, Taman Sri Kenaboi, MRSM, Taman Chempedak dan sebagainya ini tidak lagi berada dalam keadaan yang membimbangkan setiap kali datangnya musim-musim tengkujuh ataupun di hujung tahun sedemikian. Jadi itu dua perkara sahaja yang saya minta penjelasan dan kerjasama serta perhatian daripada kementerian dan jabatan yang berkaitan secara khususnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

2.54 ptg.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sekadar ingin membawa perhatian kepada Butiran 16700 - Rancangan Tebatan Banjir yang pada asalnya projek ini akan bernilai RM4.6 bilion. Ini merupakan tajuk yang sentiasa dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Rantau Panjang yang kerap mengalami banjir. Oleh yang demikian, tahun depan projek sambungan ini akan dibayar dengan nilai RM893,232,400.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri supaya dapat memaklumkan kepada mesyuarat ini, apakah projek-projek yang akan dibayar dengan sejumlah sebanyak itu dan adakah projek yang selalu dibangkitkan oleh Yang

Berhormat Rantau Panjang termasuk dalam senarai projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2015? Sekian, terima kasih.

2.56 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga bersama-sama untuk membahaskan dalam Jawatankuasa, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam Kepala B.23, Butiran 02000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah yang diperuntukkan sebanyak RM201 juta. Cuma saya hendak bertanya kepada KPTD, berapakah jumlah hutan simpan di seluruh negara? Kemudian, berapakah hutan simpan yang telah dikeluarkan menjadi tanah kerajaan? Setakat ini minta pihak kementerian boleh menjelaskan perkara tersebut.

Dalam Butiran 030000 - Ukur dan Pemetaan, sama juga. Saya melihat apabila tanah-tanah dianugerahkan kepada rakyat di tiap-tiap kawasan, pihak jawatankuasa penduduk biasanya terpaksa mencari juruukur yang berbayar tetapi kita lihat peruntukan yang banyak disediakan di bawah Jabatan Ukur dan Pemetaan sebanyak RM274 juta. Apakah tidak ada juruukur yang datang daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan untuk membantu Pejabat-pejabat Tanah di peringkat negeri?

Saya juga ingin bercakap berkenaan dengan tajuk Kepala 040000 - Mineral dan Geosains. Satu yang saya lihat ialah perlombongan bijih timah yang dijalankan di Kelian Intan di mana pihak JMG telah diamanahkan untuk menjaga kawasan lombong. Persoalannya bila berlaku pengawalan akibat daripada perlombongan yang dikatakan mencemar sungai-sungai, bila diberi penjelasan oleh pihak JMG, dikatakan pegawai yang menjaga hanya dua orang untuk negeri Perak.

Saya berharap boleh dapat penjelasan daripada pihak kerajaan agar menambahkan lagi pegawai-pegawai di bawah GMG supaya pengawalan lombong bijih terutamanya yang beroperasi di Kelian Intan dapat ditambah kerana rakyat *complaint* banyak ikan mati dalam sungai bila dikatakan bahan kimia dialirkan ke dalam sungai. Akan tetapi sebenarnya bila saya melihat ke tempat tersebut, bukan soal bahan kimia, sebenarnya pengawalan sungai tidak diuruskan dengan baik kerana bila pihak pelombong bertanya, waktu bukan musim hujan, ikan-ikan tidak mati tetapi bila musim hujan, baru ikan mati.

Ia menggambarkan saluran tidak diurus dengan baik, bila hujan datang menyebabkan kelodak-kelodak, selut-selut dalam sungai tadi bertaburan menyebabkan ikan mungkin mati dan juga pening-pening lalat. Ini kerana kita tahu bahan kimia terhasil akibat pasir-pasir dan tanah telah pecah kena pada air dan mungkin pengawalan pihak lombong pada kolam-kolam yang sepatutnya ada, tiga kepada empat tingkat tidak diurus dengan baik. Mungkin kapur-kapur tidak ditaburkan pada air yang keluar dari lombong menyebabkan PHnya mungkin bawah daripada 3, yang terhasil ialah asid yang boleh menyebabkan ikan mati.

■1500

Saya juga hendak bercakap soal 050000 – Perhutanan yang diperuntukkan sebanyak RM33 juta. Di mana saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berapakah hutan simpan

dalam negeri Perak yang telah dikeluarkan jumlahnya yang sudah dikeluarkan daripada hutan simpan? Manakala pengurusan hutannya dibuat macam mana? Dimaklumkan ada tanam semula pokok-pokok hutan tetapi saya nampak seolah-olah - yalah kita tidak tahu sebabnya dalam hutan, kerana saya percaya dalam kawasan Parlimen Gerik antara hutan simpan yang terbesar dalam negeri Perak.

Kalaulah tidak diuruskan dengan baik kita bimbang masa hadapan di kawasan Hulu Perak akan kekurangan pokok-pokok kayu yang boleh memberi sumber hasil kepada negeri Perak. Dalam masa yang sama bagaimana pihak hutan mengawal dalam hutan bila mana kita tahu di beberapa kawasan hutan simpan di Royal Belum, di Temenggor yang mana kayu gaharunya dicuri oleh bukan setakat pencuri-pencuri profesional dalam negeri mungkin juga dari luar negara seperti Thailand, Vietnam dan pelbagai lagi. Oleh sebab itu minta pihak Perhutanan menjelaskan perkara tersebut.

Dalam masa yang sama saya hendak bercakap juga tajuk 060000 – Alam Sekitar yang diperuntukkan lebih daripada RM123 juta. Iaitu dari segi alam sekitar ialah bagaimana pihak alam sekitar membantu memantau pencemaran akibat pembangunan yang ada di seluruh negara. Apakah pencemaran tadi dikawal oleh pihak kerajaan melalui *report-report* semata? Adakah pihak alam sekitar sendiri melawat ke kilang-kilang, melawat ke tempat pembangunan, melawat tempat lombong-lombong atau melawat tempat mana-mana yang dikatakan tidak ada kawalan dari segi pencemaran yang menyebabkan rakyat terpaksa menghadapi masalah pencemaran yang berlaku. Jadi minta pihak kementerian boleh menjelaskan perkara tersebut.

Saya juga ingin bercakap soal tajuk 070000 – Perlindungan Alam Sekitar dan Taman Negara. Di kawasan Royal Belum kita tahu hutan yang tertua dalam dunia, saya ingin bertanya kepada pihak PERHILITAN pada pihak kerajaan. Sejauh mana pihak kerajaan memantau, membantu tentang pemburuan haram untuk membunuh gajah bagi mendapatkan gading. Begitu juga untuk pemburuan haram membunuh harimau-harimau yang ada di kawasan Royal Belum. Dalam masa yang sama saya berterima kasih kepada pihak kementerian kerana telah membuat jalan *flyover* dari Kelantan ke Gerik. Di mana disediakan satu jalan untuk binatang-binatang melintasi di kawasan Royal Belum terutama dikatakan untuk gajah-gajah melintasi di atas kereta laluan, di bawah gajah boleh laluan, sekarang dalam pembinaan.

Saya mengharapkan supaya projek tersebut yang dibuat oleh kementerian akan berjaya memastikan segala binatang yang berada di kawasan Royal Belum melalui lintasan yang tersebut. Mungkin dunia luar tidak tahu tetapi sekurang-kurangnya saya rasa kalau sudah berjaya esok kita boleh melihat secara mata kasar gajah-gajah boleh laluan, ikut laluan yang ada. Begitu juga harimau dan juga lain-lain binatang yang ada di kawasan Royal Belum.

Dalam masa yang sama saya amat berharap kerjasama di antara kerajaan negeri dan juga kementerian bagi memastikan *sanctuary* gajah boleh dibangunkan di kawasan Royal Belum, sebelah kawasan Royal Belum. Begitu juga taman negeri yang telah mengura-urakan untuk mengadakan *sanctuary* harimau dalam kawasan Royal Belum, kerana dalam dunia ini difahamkan hanya ada lima tempat untuk *sanctuary* harimau.

Salah satunya mungkin dibuat di Royal Belum dan saya amat mengharapkan supaya Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri bersama-sama dengan Taman Negeri di Royal Belum dapat menjayakan di kawasan Royal Belum tadi kawasan *sanctuary* harimau. Saya difahamkan harimau belang mempunyai lebih daripada 150 ekor tetapi yang saya amat bimbang ialah pemburuan haram dari luar negara kerana ada sekumpulan kita ini dia amat berminat makan sup harimau. Ini kerana katanya kalau makan sup harimau ini boleh menguatkan tenaga batin. Saya pun tidak tahulah perkara tersebut.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat boleh tambah sedikit tidak?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Boleh.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat dari Gerik. Saya memang setuju dengan apa yang dicadangkan dan ditanya oleh Yang Berhormat. Saya pun baru-baru ini tinggal di Royal Belum Resort dan saya rasa itu adalah satu *first class resort* dan patut dipromosikan dengan lebih supaya semua orang boleh tahu bukan sahaja di dalam negara tetapi di luar negara juga bahawa Royal Belum ini memang ada banyak *attraction* yang boleh dinikmati.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat setuju bahawa bukan sahaja pemburuan haram itu mesti dipantau baik-baik oleh kementerian, tetapi pada masa yang sama penyeludupan haram juga mesti dipantau dengan baik. Oleh kerana jikalau penyeludupan haram ini tidak dipantau dengan baik saya rasa ini memang orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini akan menggunakan Malaysia sebagai satu transit *point* untuk menangkap binatang seperti ini dan lepas itu eksport ataupun bunuh lepas itu eksport kepada negara-negara yang lain. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Saya amat sedar perkara tersebut kerana bila dibuat tangkapan tenggiling kadang-kadang sampai dua, tiga lori yang besar. Akan tetapi saya difahamkan tenggiling tadi mungkin datang dari Thailand. Cuma maksud Yang Berhormat Serdang tadi ialah di situ ialah pintu laluan penyeludupan yang besar. Begitu juga dengan kayu gaharu dan begitu juga dengan tenggiling, kera pun diseludup melalui di situ. Jadi kita berharap sangatlah supaya kerajaan beri perhatian dan saya tidak hendak supaya kawasan Royal Belum menjadi satu penyeludupan yang besar antara dua negara. Di mana inilah yang perlu kita beri perhatian. Terima kasih.

Kemudian saya hendak bercakap soal 080000 – Pengairan dan Saliran...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik. Masa sudah cukup.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Satu *point* lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ringkas.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Iaitu pengaliran dan saliran. Kita tahu dunia sekarang berubah dari segi cuaca dan juga air hujan cukup banyak, banjir kilat, banjir selut, banjir

biasa berlaku. Saya minta kementerian buat suatu perancangan mengkaji di seluruh negara. Supaya banjir-banjir yang ada ini kalau kita tidak buat satu kajian perancangan kemudian kita sediakan satu bajet tebatan banjir.

Saya percaya kawasan tanah tinggi, kawasan tanah rendah yang selama ini tidak ada banjir, tidak ada banjir kilat akan memberi belanja yang lebih besar pada masa hadapan. Apa salahnya kementerian mengkaji tempat-tempat yang tidak pernah banjir tadi buat satu pelan pembangunan untuk mengkaji bagaimana. Pendalaman sungai, pemberian lesen untuk pasir, bukan untuk keuntungan semata-mata tetapi yang penting ialah mendalamkan balik saluran-saluran yang ada.

Di mana kita tengok baru hari ini kita sedar waktu saya kecil-kecil dahulu saya rasa terkejut kenapa sepanjang muara sungai diberi lesen untuk keluar pasir, sekarang sudah tidak ada. Bila kita tengok banjir kilat yang ada pada hari ini baru kita nampak sebenarnya antara tujuan kita beri lesen pasir kepada pengusaha-pengusaha bertujuan ialah untuk mendalamkan sungai. Maka antara tempat yang menerima akibat yang teruk bila hujan ini ialah dalam Pekan Gerik yang selama ini jarang berlaku banjir kilat. Sebab walaupun banjir tadi sejam tetapi dia memberi kerosakan kemusnahan kepada rakyat, kepada orang ramai. Tidak kira bangunan di kampung, tidak kira bangunan rumah teres, rumah banglo.

Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya, saya mengharapkan kementerian buat satu kajian, fikirkan soal peruntukannya yang terbaik. Kalau saja-saja kita hendak buat kajian, memerlukan belanja yang tinggi.

■1510

Jadi dengan ini terima kasih, saya menyokong peruntukan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

3.10 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada empat poin. Satu ialah di bawah Butiran 010300.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya nampak Yang Berhormat Sungai Siput kata macam ini sahaja.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Akan tetapi tidak banyak tulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Butiran 010300 – Masalah Jerebu. Saya mahu tanya, berapakah peruntukan dalam Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menangani isu ini. Ini kerana saya tengok masalah yang penting, sebab yang penting ialah penurunan air tanah (*ground water*) di Kalimantan dan Sumatera oleh sebab Kerajaan Indonesia telah buat *irrigation canal* untuk memakai kawasan itu sebagai pertanian. Akan tetapi ia sudah keterlaluan dan paras air sudah turun ke bawah. Ini satu punca yang utama dan ini harus

dikendalikan. Akan tetapi kawasan yang terlibat adalah begitu luas. So mungkin kita kena bantu Indonesia dalam perkara ini.

So saya haraplah kerajaan kita simpan sikit duit dalam inilah. Ini kerana satu masalah yang besar, kita kena jerebu beberapa kali setahun dan ia bawa beberapa bahan kimia yang berbahaya kepada kita. *Particlenya* begitu kecil dan kita boleh nafas ke dalam paru-paru *and this affect our health*. So saya rasa rakyat Malaysia akan soal kerajaan kenapa kita pakai duit untuk perkara ini. Saya harap...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta penjelasan sikit.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Siput dan juga Menteri bahawa, pagi tadi Menteri telah menjawab, kata ada MoU untuk membina *dam-dam* yang kecil untuk *retain water level, water table* dekat kawasan-kawasan tanah gambut. Akan tetapi masalahnya adalah walaupun kita ada rancangan untuk bina dam-dam tersebut dengan Kerajaan Indonesia, akan tetapi kawasan yang terlibat itu terlampau besar. Bagaimana kerajaan boleh – saya minta Menteri kalau boleh terangkan bagaimana projek-projek tersebut boleh menyelesaikan masalah kebakaran tanah gambut itu. Oleh sebab kalau kita bina satu *dam* di satu kawasan, tempat lain terbakar pula. Jadi bagaimana dan berapa *dam* yang perlu kita bina? Terima kasih.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Saya rasa kita kena bina banyak *dam*. Satu sungai pun kita kena bina empangan ini tiap lima kilometer ataupun lebih kerap, tengok dengan dia punya *the gradient*. Akan tetapi ini *dam* pun boleh dibuat mini hidro projek yang boleh bawa kebaikan untuk rakyat dekat situ. So saya harap ini kita kena ambil serius, dan jika kita tidak kendalikan masalah yang punca itu, sebab yang punca itu tidak boleh kita selesaikan masalah jerebu.

Isu kedua saya hendak bawa ialah dengan Lynas. Saya mahu tanya berapakah sisa pepejal daripada Lynas itu yang telah dikeluarkan sampai sekarang? Ia dikumpul di mana? Apakah cadangan berkenaan dengan sisa pepejal radioaktif ini? Dulu kita dengar ada cadangan hendak hantar balik ke lombong dekat Australia. Adakah itu akan dibuat? Akan tetapi saya harap sangat-sangatlah jangan taburkan di semua tempat di Pahang, untuk pakai buat jalan rayakah, buat rumahkah, tolong jangan buat macam itu. Ini kerana tidak ada paras di bawah mana *radioactivity* tidak berbahaya. Ia berbahaya. Dengan paras rendah pun ia berbahaya. Jadikan *road* dengan mereka, saya ingat itu tidak baik untuk rakyat kitalah. So saya harap kita tidak buat macam itu.

Isu ketiga Butiran 080000 – Pengairan dan Saliran. Adakah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar buat kajian apakah impak skim *transfer* air mentah dari Sungai Pahang ke Selangor. / baca dalam *net* bahawa kadar ia dianggarlah sebesar 1.9 bilion liter sehari. Ini merupakan berapa persen daripada air dalam sungai Pahang. *These 1.9 billion liters per day*. Ini merupakan berapa persen pada musim, berapa persen pada musim kering dan jika *impact* ia

significant, adakah kemungkinan kita ada masalah *salination*, ertinya air laut masuk ke dalam hilir sungai Pahang. Apakah impaknya atas industri perikanan? Apakah impaknya atas tempat-tempat pembiakan ikan? Apakah impaknya atas bekalan air untuk pekan? So ini semua adakah ini dikaji? Ini kerana you keluarkan satu amaun yang begitu besar. So ini telah dikajikah tidak ataupun kita hendak buat selepas itu alamak, ada masalah *salination*.

Last sekali, di bawah Butiran 060300 – Pengawasan. Saya mahu tanya berapakah *carbon dioxide* yang dikeluarkan di Malaysia setahun. Apakah pengeluaran kita? Berapa *percent* dapat daripada penjanaan *electricity*? Jika kita banding batu arang dengan hidro karbon yang lain, berapakah tan *carbon dioxide* satu megawatt dikeluarkan melalui penjanaan yang pakai batu arang. Kita mahu tahu itu. Lagi satu berapa persen daripada kereta, lori dan kenderaan lain dan apakah *master plan* kerajaan kita untuk mengurangkan *carbon foot print* kita ini. Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jerantut. Sentuh Kuala Krau sikit Jerantut.

3.16 ptg

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan mengenai Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya hendak cakap soal Butiran B.23, tentang alam sekitar iaitu Butiran 060300 – Penguatkuasaan tentang Alam Sekitar. Kita baru-baru ini dikejutkan dengan berlakunya kejadian banjir lumpur di Cameron Highlands dan hari semalam juga berita menyatakan Bandar Kajang ditenggelami banjir. Kedua-dua faktor kejadian yang berlaku ini adalah berpunca daripada sikap manusia kerana kerakusan untuk mencari kekayaan masing-masing yang akhirnya bencana kita menimpa.

Saya ingin mengajak semua Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini memikirkan mengapakah perkara ini terjadi. Kemusnahan alam sekitar semakin banyak berlaku walaupun kadang-kadang di depan mata kita sendiri. Kita tidak hendak meletakkan kesalahan ini semata-mata kepada kementerian ini kerana mereka telah juga berusaha sedaya upaya untuk menjaga kepentingan khazanah alam kita. Akan tetapi melihat kepada perkembangan mutakhir yang berlaku pencemaran sungai semakin membawa parah pada hari ini. Kalau kita melihat di Pahang sendiri, khususnya dalam Parlimen Jerantut, Lipis, Kuala Krau hingga ke Temerloh, air sungai Pahang yang satu ketika dulu jernih hari ini telah bertukar menjadi macam warna teh tarik.

Datang ke Jerantut, Lipis dan Kuala Krau bawa gula sahaja kita boleh dapat teh tarik *free*. Apakah punca berlaku? Di mana kelemahan yang menyebabkan ini berlaku? Adakah kita tidak cukup pegawai-pegawai untuk memantau atau bertindak untuk mengatasi dan menyelamatkan alam sekitar kita. Atau adakah kita tidak cukup peralatan yang canggih untuk mengatasinya. Adakah pegawai-pegawai kita telah menurun sifat integriti mereka. Jadi saya cadangkan kepada kementerian ini agar kalau tidak cukup peruntukan mohon lagi, kita beli peralatan yang canggih supaya pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Jangan

ada alasan lagi, bila hendak pantau tidak boleh melihat kawasan hendak dipantau kerana kekurangan peralatan.

Kita sudah merdeka, sudah lama sudah, takkan kita tidak punya peruntukan untuk membolehkan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Elok penguat kuasa dibekalkan dengan motobot pantau melalui air.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ya, termasuk bot-bot laju, *jet ski* dan sebagainya khusus di sungai Pahang kerana baru-baru ini...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sekejap Yang Berhormat Bukit Katil ya. Ini kerana baru-baru ini kalau melihat di sungai Pahang ikhtiar untuk mendalamkan sungai, kerana sudah banyak sangat pasir termasuk dalam kawasan Tuan Pengerusi sendiri. Bila dikorek pasir ini, menyebabkan kekuatan tebing sungai menjadi semakin lemah. Ini juga merupakan masalah baru. Jadi kita buat kerja yang sama sepanjang tahun. Sila Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Jerantut bangkitkan tadi peringkat awal tentang isu yang melanda di Cameron Highlands.

■1520

Saya ingin tanya Yang Berhormat Jerantut bahawa susulan daripada peristiwa yang dahsyat ini, Menteri Besar Pahang telah pun membuat kenyataan baru-baru ini meminta supaya Suruhanjaya Pencegah Rasuah (SPRM) menyasiat amalan rasuah dan salah guna kuasa khususnya terhadap isu penerokaan tanah haram secara berleluasa. Paling mengejutkan ialah apabila Menteri Besar Pahang sendiri menyatakan bahawa antara perkara yang paling bermasalah ialah Pejabat Tanah dan Galian serta Jabatan Perhutanan tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi selain tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk menangani apa sahaja permasalahan berlaku di kawasan tanah tinggi ini. Setuju atau tidak Yang Berhormat Jerantut kalau kita cadang kepada kementerian agar mengambil serius perkara ini dan pastikan tidak berlaku lagi peristiwa-peristiwa yang dahsyat yang memalukan kita ini?

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Tambah sikit perkara yang sama. Tuan Pengerusi, saudara Yang Berhormat Jerantut...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerlun, belum dijemput lagi. Sila.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih. Kita melihat bahawa saban tahun, saban masa kejadian seumpama ini berlaku. Okeylah sekarang ini orang sedang bercakap begitu hebat tentang Cameron Highlands. Isunya ialah kita hairan ini siapa yang berkuasa. Kuasanya bermaksud sudah tentulah difahamkan hutan, sungai, air. Itu kuasa negeri. Akan tetapi bila kejadian seumpama yang berlaku di kejadian tanah runtuh, banjir lumpur dan sebagainya, orang *blame* Kerajaan Pusat.

Jadi di manakah peranan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar? Kalau pun sekali macam Yang Berhormat Bukit Katil katakan tadi, Menteri Besar Pahang minta SPRM siasat, siasat boleh dibuat. Isunya ialah *damage has been done*. Ini isu dia. Takkanlah kita lalu ke Cameron Highlands, kita lalu ke Lojing, kita nampak, terbungkai di depan itu memang kerja-kerja penerokaan haram sedang berlaku. Teres yang dibuat itu cantik-cantik.

Jadi kita hairan pihak mana ini yang patut tutup mata atau yang tutup mata, sengaja tutup mata sehinggalah sampai kejadian banjir lumpur, sampai orang mati dan sebagainya baru kita hendak bertindak. Kalau pun kita bertindak, kita dapatlah tangkap siapa-siapa yang terlibat, masalahnya hendak tanam balik sebatang pokok itu mengambil masa 50 tahun, 60 tahun hingga 100 tahun. Ini isu dia. Jadi, di manakah pandangan Yang Berhormat Jerantut titik antara kuasa ini, kuasa yang ada. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Oleh sebab itu saya katakan tadi masalah yang wujud ini kita tidak boleh hendak letakkan semata-mata kepada kerajaan ataupun Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sahaja. Semua lapisan masyarakat, orang persendirian, kerajaan negeri, Kerajaan Pusat, agensi-agensi kerajaan yang pelbagai yang terlibat sekali gus ini perlu mengambil tanggungjawab bersama.

Kita balik semula kepada integriti. Saya mempersoalkan tadi sama ada kita semua sekarang ini dari segi integritinya sudah semakin menurun kerana hambatan untuk mencari kekayaan masing-masing, kita lupa alam sekitar. Serupa juga dengan konsep di Cameron Highland. Satu ketika dulu, Cameron Highlands ini bukan pusat tanam sayur. Ia adalah pusat peranginan. Akan tetapi oleh kerana melihat kepada kekayaan yang lebih penting, maka mereka tukar secara tidak langsung.

Dari segi penguatkuasaan, kita tidak boleh juga salahkan kerajaan negeri semata-mata, mungkin ada kesalahan juga dari segi penguatkuasaan. Tidakkannya saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jerlun, sudah nampak semua bukit ditarah tetapi mengapa begitu lambat. Semua kita. Media pun patutnya bila nampak sikit sahaja terus perbesarkan isu ini supaya semua orang buka mata sebelum berlaku. Hari ini sudah berlaku, semua hendak ambil bahagian, kita buat iklan akan rempuh pendatang haram, buat tidak lagi, akhirnya pendatang haram sudah lari entah ke mana entah. Ini *style* kita. Lepas tiga bulan daripada ini, semua senyap sunyi. Tunggu kejadian baru balik, semua hendak kumpul balik semula.

Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak bawa kepada perkara yang kedua iaitu B.23 040000 – Mineral dan Geosains. Di bawah 040200, pencemaran sungai akibat sisa industri dan perlombongan. Ini sekali lagi. Kalau di Sungai Pahang sekarang ini saya katakan tadi air sudah

macam teh tarik, meningkatkan kos operasi pembersihan air. Saya difahamkan apabila saya melawat loji bekalan air di Jerantut, kalau dulu bacaannya dikata, bacaan dari segi kandungan kelodak yang ada di dalam sungai Pahang itu sekitar 400 ke bawah menyebabkan kos purata pembersihan air dalam RM30,000 sebulan. Hari ini kepekatannya telah pun meningkat 1,200 dan terbaru pada bacaan 3,000 lebih apabila akibat kesan daripada banjir daripada Cameron Highlands dan pelombong-pelombong mengambil kesempatan melepaskan kolam takungan mereka ke dalam Sungai Pahang. Akhirnya keseluruhan loji yang sekitar sungai Pahang daripada Lipis, Jerantut, Temerloh terpaksa ditutup. Akhirnya pengguna menerima kesan.

Jadi saya minta melalui bajet yang diberikan ini sekali lagi, kalau kita tidak ada peruntukan yang canggih, peralatan yang canggih, kita belikan. Kalau tidak cukup pegawai, kita tambah. Kalau pegawai kita kurang integriti, kita masuklah mana-mana pusat yang ada ini untuk menambahkan integriti mereka supaya malapetaka yang lebih hebat tidak melanda kita. Ini kerana kita yakin, kalau di negeri Pahang pencemarannya mungkin akibat daripada perlombongan dan pembalakan tetapi di tempat-tempat lain, di Kuala Lumpur misalnya mungkin sisa kilang yang mengakibatkan pencemaran ini. Jangan lagi selepas ini, kementerian. Kalau tidak cukup kuasa, minta kuasa supaya apa sahaja bentuk pencemaran ini dapat kita atasi.

Saya minta jugalah kepada Jabatan Mineral dan Geosains ini, apabila membuat pemantauan ataupun mengambil sampel untuk kualiti air, jangan mengambil berdasarkan waktu pejabat terutama kalau sungai Pahang, lepas hujan barulah dilepaskan sisa banjir, sisa kelodak itu. Akan tetapi kalau kita buat pada hari sudah biasa bukan waktu dia, tentulah *sampling* yang kita ambil itu tidak bertepatan. Mengenai perkara...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terakhirnya.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *Insya-Allah* yang terakhir Tuan Pengerusi. B.23, Butiran 08000 – Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar. Hari ini orang duduk di bandar, bila musim hujan rasa tidak selamat sudah di mana-mana. Di Kuala Lumpur, di Kajang, di Kuantan. Kami yang duduk di bandar kecil ini pula merasa selamat. Oleh kerana apa semua ini berlaku? Mungkin ini disebabkan satu kelemahan kita dari segi perancangan. Keduanya ialah kelemahan dari segi sikap kita sendiri yang tidak bertanggungjawab dan juga pemantauan daripada Jabatan Parit dan Saliran yang ada tidak memberikan penekanan yang sebenar ataupun kita tidak diberikan peruntukan yang mencukupi yang menyebabkan sungai-sungai kecil yang ada di bandar-bandar berlaku banjir apabila hujan yang lebat dalam tempoh yang lama.

Jadi ini juga tidak terkecuali di Bandar Jerantut Tuan Pengerusi, yang bakal diancam banjir sekiranya Sungai Betong yang ada sekarang ini tidak diberikan peruntukan tambahan untuk kerja-kerja membaik pulih sungai ini dan meluruskan aliran sungai. Jadi saya mohon Tuan Pengerusi, supaya sedikit peruntukan diberikan untuk menambah baik aliran Sungai Betong di Jerantut.

Paling akhir Tuan Pengerusi iaitu perlindungan hidupan liar...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia ada akhir, terakhir dan yang paling akhir.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Hendak merakamkan terima kasih kerana telah memberikan peruntukan untuk Jerantut bagi maksud menghindarkan gajah daripada memasuki kampung. Ini penting Tuan Pengerusi, kerana ia juga boleh masuk ke kawasan Kuala Krau dan Kuala Krau juga bakal diancam gajah kalau sekiranya tidak diberikan peruntukan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Juga tiada tambahan masa. Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

3.28 ptg.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap Yang Berhormat Parit Buntar, saya hendak kenal pasti berapa orang lagi yang hendak berucap. Tujuh belas orang. Saya cadang pukul 4.00 petang Yang Berhormat Menteri mula menjawab. Kalau boleh lima minit ya. Boleh ya lima minit?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: *Bismillah.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Insya-Allah.* Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin menyentuh 060300 di bawah tajuk Pengawasan dan Penguatkuasaan. Perkara yang sama juga iaitu telah diulang beberapa kali oleh rakan-rakan tentang peristiwa yang berlaku di Cameron Highlands. Peristiwa di Cameron Highlands itu mengajar kita sebagai Ahli Parlimen di sini membincangkan soal yang paling utama.

Memang kita bersetuju kita tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak, tetapi ada satu isu besar yang kita kena bincang di sini iaitu pertama terhadap tahap penguatkuasaan dan juga kepada apa yang dinamakan sebagai urus tadbir alam sekitar yang baik. Jadi saya rasa ini menimbulkan pelbagai persoalan. Contohnya, Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab untuk memastikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dikuatkuasakan. Begitu juga Jabatan Alam Sekitar memastikan panduan untuk apa yang dinamakan sebagai tanah tinggi. Macam mana hendak menguruskan tanah tinggi.

■1530

Begitu juga - Jabatan Alam Sekitar memainkan peranan memberi nasihat kepada Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah. Sebenarnya semua itu sudah ada ia punya *guideline*. Akan tetapi kenapa masih lagi berlaku kesan daripada ketidakberkesanan semua yang disebutkan tadi? Kenapa masih lagi berlaku? Saya melihat permasalahan ini banyak bergantung juga kepada bagaimana agensi-agensi lain seperti Jabatan Pertanian dan Industri Asas Tani?

Kita dapat tahu bahawa di Cameron Highlands itu apa yang dinamakan sebagai pertanian ekstrem sehingga langsung tidak ada belas kasihan kepada tanah. Bagaimanakah satu

jabatan yang besar itu tidak berurus ataupun tidak menyelaras dengan pihak Alam Sekitar sehingga menyebabkan pembukaan tanah-tanah haram ini dalam keadaan yang tidak dapat dikawal? Ia bukan hari ini Tuan Pengerusi, tetapi sudah di*highlight*kan perkara itu sejak tahun...

Seorang Ahli: Bertahun.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bertahun dari sejak tahun 1998, 1999, 2000 dan 2001. Akan tetapi kenapa perkara ini masih berlarutan? Begitu juga sama dengan kerajaan negeri. Walaupun kita tidak menyalahkan kerajaan negeri tetapi tanah itu ialah kerajaan negeri.

Bagaimanakah penguatkuasaan dari sudut tanah-tanah ini diteroka tanpa ada satu pengawalan, pengawasan, sedangkan semua syarat untuk membuka tanah pertanian itu telah digarispendukan. Bahkan satu kajian menunjukkan bahawa 80% yang mengusahakan pertanian haram di Cameron Highlands adalah melebihi had curam yang diizinkan iaitu 25% lebih. Macam mana ini boleh berlaku?

Selepas itu pula, kualiti air tercemar kerana mereka menggunakan najis-najis baja yang dibuang ke dalam sungai-sungai tersebut sehingga ada unsur atau elemen E.Coli, [*Disampuk*] yang boleh menyebabkan bahaya kepada manusia. Jadi saya hairan, kenapa tidak ada satu urus tadbir yang baik termasuklah pihak PDRM, pihak polis dan pihak imigresen? Dikatakan di sana ada 36,000 orang pekerja pendatang haram. Bagi saya...

Seorang Ahli: Ramai itu...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: 36,000 orang, bukan sedikit. Bagi saya, isunya kita tidak bolehlah hendak terlalu apologetik. Kita kata, kita bukanlah hendak salah *Federal*, kita bukan hendak salah negeri, ini tanggungjawab kita. Ya, betul ini tanggungjawab kita. Akan tetapi siapa yang menguatkuasakan? Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa ada penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar yang memainkan peranan ini? Macam mana kerjasama mereka dengan PDRM?

Saya difahamkan tahun 2007 hingga 2008 ada beberapa penangkapan dibuat, enam orang sahaja kena tahan kerana menceroboh tanah-tanah haram di bawah Jabatan Akta Perhutanan. Adakah enam orang dengan apa yang berlaku hari ini kita boleh bayangkan betapa lemahnya penguatkuasaan bagi pihak Jabatan Alam Sekitar? Tidak mungkinlah sampai berlaku banjir lumpur orang mati - enam orang sahaja kena tahan tahun 2007 dan 2008?

Saya hendak tahu berapa lagi yang kena tahan? Saya minta supaya mereka ini dibawa ke pengadilan. Kalau salah kena beritahu kepada orang. Inilah yang menyebabkan semua yang berlaku di Cameron Highlands. Ini bukan - ini *tips of the iceberg*, dengan izin. Terdapat banyak lagi masalah-masalah di tempat-tempat lain yang akan kita temui nanti apabila isunya di sini - bukan dasar tidak ada, isunya di sini ialah keberkesanan apa yang dinamakan urus tadbir alam sekitar.

Saya minta Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai orang yang tegas dalam isu ini, macam mana hendak menyelaraskan dengan kementerian-

kementerian yang lain? Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Asas Tani, kerajaan negeri, Jabatan Perhutanan dan Pejabat Daerah dan Tanah.

Jadi Saya minta sejauh manakah keberkesanan penguatkuasaan yang telah dibuat sehingga ke saat ini? Sedangkan saya kira kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memastikan projek di tempat cerun yang tinggi dan projek alam sekitar. Sudah berapa batang pokok yang ditanam untuk hendak cover balik pembalakan haram yang berlaku Yang Berhormat Menteri? Saya minta beri satu jawapan. Saya difahamkan tahun sudah Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli ada beri jawapan. Dia kata ada satu projek menanam semula pokok-pokok hendak cover balik pembalakan yang berlaku dan sebagai pertanian yang berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Peruntukan meluluskan tetapi saya hendak tahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya. Berapa batang pokok yang telah ditanam untuk mengembalikan keseimbangan alam sekitar? Akhirnya saya minta satu lagi dan ini berlaku di kawasan saya iaitu di bawah Butiran P.23, Butiran 08601 iaitu Penanaman Pokok Bakau dan Spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai. Saya ingin tahu hari ini pencerobohan terhadap kawasan pokok bakau ini atau hutan bakau ini berleluasa di mana di tempat saya sendiri, saya telah berjumpa dengan pihak Pejabat Daerah, bagaimana pengusaha-pengusaha udang mereka menggunakan tanah ini untuk dia buat dia punya kolam-kolam udang.

Ini telah menyebabkan satu pelanggaran ataupun pencerobohan terhadap hutan tembakau. Saya hendak minta macam mana pusat boleh menyelaraskan dengan kerajaan negeri tentang tanah ini supaya digazetkan tanah untuk Hutan Simpanan Bakau? Ini kerana di sepanjang pesisiran dari Tanjung Piandang, Kuala Kurau sampai naik ke Kuala Gula telah berlaku pencerobohan yang berleluasa oleh pengusaha-pengusaha kerana kepentingan ekonomi. Akan tetapi dia lupa bahawa itu akan menjejaskan Hutan Simpan Bakau. Saya minta dan mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terpendang saya Yang Berhormat Bintulu. Sila.

3.36 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lima minit sahaja.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...Terpendang untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kongkalikung tidak ada, ya?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang ada kongkalikung. Tuan Pengerusi, terima kasih beri peluang kepada saya berbahas dalam perbahasan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini. Kementerian ini saya tidak tahulah. Hari itu saya tanya tentang banjir. Sekarang saya mahu sentuh isu banjir dan lain-lain. Sekarang saya mahu sentuh Butiran 15200, Butiran 15300 dan Butiran 16700.

Butiran 15200 ini saya nampak kita ada - saya lihat kita ada peruntukan bersedia sebanyak RM110 juta untuk membaiki, mengindahkan, membersihkan dan merawat air sungai-sungai juga infrastruktur. Kita memang nampak peruntukan yang besar. Kawasan saya pun tahu kementerian tidak ada peruntukan. Rakyat dari kampung dan dari rumah panjang bertanya kepada saya, "*Kenapa sungai-sungai kita tidak ada peruntukan untuk membuat pembersihan? Dahulu ada, sekarang tiada?*"

Beri peluang kepada mereka gotong-royong tiap-tiap rumah panjang, berapa kita beri minta mereka bersihkan. Terutama sekali apa yang paling memeningkan, kalau kita pergi Bintulu, tengok sungai di sana, tong sampah begitu banyak. Saya pun tidak tahu bagaimana Jabatan Perparitan dan Saliran ataupun kita jaga sungai-sungai ini agar tidak nampak tong sampah di sekeliling? Kenapa tiada pembersihan? Kita nampak ada peruntukan tetapi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tong sampahkan atau sampah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tong sampahkanlah, semua sampah juga. Macam-macam ada di sungai itu. Inilah kongkalikung. Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila peruntukan ini bersedia untuk Bintulu? Barulah kita boleh membersihkan sungai itu. Bila kita boleh mula membersihkan sungai?

Saya mahu sentuh Butiran 15300. Tuan Pengerusi, jawapan ini saya dapat banyak kali. Kata mereka tidak mengorek ataupun tidak mendalamkan kuala-kuala sungai. Tadi saya hendak tanya kenapa kita ada peruntukan bersedia? Jawapan yang diberi kepada saya, "*Mereka punya kuala bukan kamu punya tanggungan. Itu Jabatan Laut Malaysia yang tanggung*". Saya banyak kali minta kuala sungai itu akan ke mana? Minta ia didalamkan. Sudah banyak kali tetapi nampaknya jabatan tidak berapa minat. Saya tidak tahu apa masalahnya. Sudah banyak kali saya sentuh.

■1540

Kalau ini sungai di kuala tidak mahu di dalamkan, itu bot-bot maritim pun tidak boleh keluar kalau air surut, pun nelayan pun tidak boleh keluar, masuk juga. Inilah rakyat marah. Saya tidak tahu pegawai dari Jabatan Perparitan atau kementerian ataupun EPU tidak boleh dengar suara di Dewan yang mulia ini. Saya tidak tahu kenapa kita tidak boleh ambil serius perkara ini? Saya sudah empat penggal dalam soal isu ini minta mendalamkan kuala. Banyak kali kita bersua tetapi saya nampak kementerian langsung tidak ambil serius perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya satu minit lagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Dan juga ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu minit lagi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana boleh, tidak sampai, belum lagi. Ini masalah rakyat mesti mahu sentuh, nanti serupa macam Kuala Krau juga, mesti mahu dalam juga, kalau tidak Tuan Pengerusi punya kawasan banjir juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, satu minit.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, ini saya mahu masuk bab banjir. Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dengar sebaik-baiknya. Hari Sabtu yang lepas, saya kena marah dengan wanita cukup-cukup. Pukul 8.00 lebih sekali dan pukul 1.30 pagi sekali. Banjir ini bukan banjir *act of God*, ini banjir *human created*. Saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri hari itu, peruntukan saya tidak dibahas. Satu negeri Sarawak baru RM20 juta pun tidak sampai. Ya, baru RM17 juta, RM20 juta tidak sampai. Apa masalah kementerian tidak ambil serius perkara ini? Saya tanya pegawai wanita yang duduk di sana, kalau kita punya rumah banjir macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Apa fasal ini Yang Berhormat Bintulu? Apa fasal tanya wanita, lelaki tidak tanya?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ha? Tadi sebab cuci, banyak wanita cuci. Ini lah mereka marah panas hati dengan saya. *[Disampuk]* Inilah saya kata ini perkara yang serius. Mendalamkan Sungai Sebiew kenapa begitu susah? Saya mencadangkan kalau macam hari ini hujan, kalau lagi satu jam mesti banjir lagi. Marilah pegawai bersama saya turun padang tengok macam mana rakyat maki dengan kita. Berapa kali saya sudah cakap, mintalah. Kalau tahun ini tidak dapat RM20 juta, berilah RM3 juta atau RM5 juta.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Bintulu, mencelah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bagi peluang dulu, jangan...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Mencelah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kamu tidak ada kena mengena dengan Bintulu la, jangan bising. *[Ketawa]* Kenapa tidak boleh bagi? Sudah berapa kali saya tanya ini barang? Itu hari kita sudah bagi RM500,000, tengok sudah korek. *[Disampuk]* Sudah korek sikit. Sudah kurang beberapa taman yang tidak kena banjir, lain-lain taman kena lagi. Oleh sebab itu kena dalam satu Sungai Sebiew. Saya sudah cakap, sudah *siltation*, mesti mendalamkan. Ini pegawai tidak fikir kah atau pun dia pergi sekolah, simpan otak dekat mana? Kalau kita bikin ban saja tidak guna kalau sungai itu tidak di dalam. Berapa kali sudah kita soal, rakyat marah dengan kita. Semasa hari mengundi, kita kata Barisan Nasional akan bantu tapi sudah dapat undi, sudah lupa dengan masalah rakyat. Inilah kita beri peluang kepada pembangkang. Faham kah tidak faham?

Saya mintalah EPU, pakailah otak sikit. Ini mustahak kalau kita, rakyat kena banjir, kita mahu bayar lagi pampasan, mahu bayar lagi sagu hati, rakyat tidak cakap terima kasih kepada kita. Rakyat lagi benci dengan kita. Kita bagi RM500 atau RM1,000, rakyat boleh beli apa? Beli seluar dalam atau beli sofa dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bintulu, cukuplah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang ini kongkalikung punya Tuan Pengerusi. Saya minta kementerian jawab apabila Bintulu, Sungai Sebieu boleh diselesai ini masalah? Kalau tiada jawab baik-baik, ini kali mesti saya perang punya. Sekian, Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu. *[Disampuk]* Jangan marah-marah, jangan marah-marah.

3.44 ptg.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ada isu penting Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada perhutanan Kepala P.23 di bawah Butiran 10804 - Projek *Heart of Borneo* (HOB) Negeri Sabah, yang akan diperuntukkan sebanyak RM1.8 juta pada tahun 2015. Tuan Pengerusi, Jabatan Perhutanan Sabah (JPS) baru merayakan ulang tahun ke-100 minggu ini dan Pengarahnya Datuk Sam Mannan pula meminta peruntukan dari Kerajaan Persekutuan melalui kementerian ini. Di katakan bahawa 860,000 hektar hutan simpan telah memperoleh Persijilan Pengurusan Perhutanan. Sasaran di masa depan ialah 1.1 juta hektar kesemuanya di Sabah di bawah *Projek Heart of Borneo*. Saya minta Yang Berhormat Menteri memandang serius beberapa isu yang melibatkan pengurusan perhutanan di bawah JPS.

Pada hari Ahad yang lalu, surat khabar dari Daily Express di Sabah mengeluarkan kenyataan bertajuk, "*Bekas pengurus fail saman terhadap Kumpulan Yayasan Sabah*". Seorang bekas pengurus alam sekitar, syarikat subsidiari Kumpulan Yayasan Sabah. Rakyat Berjaya Sdn. Bhd. (RBJ) telah failkan saman terhadap tiga kakitangan kanan Kumpulan Yayasan Sabah kerana memintanya ke bahagian lain berkaitan laporan terhadap kematian 14 ekor gajah Pygmy Borneo di Hutan Simpanan Gunung Rara tahun lepas.

Ini ialah kawalan yang serius, Ahli Parlimen Kalabakan pernah meminta siasatan dilakukan mengenai aktiviti pembalakan haram di Hutan Simpanan Gunung Rara dekat Tawau berikutan insiden kematian 14 ekor gajah di kawasan itu awal tahun dulu. Adakah cukup jelas bahawa habitat haiwan itu terjejas akibat pembalakan haram? Sekali gus menjadi punca kematian gajah tersebut.

Siasatan awal menunjukkan kesemua gajah berkenaan mati diracun, *poison*. Bukan susah untuk menyiasat di mana tapak gajah tersebut mati. Siapakah kontraktor dekat tapak itu? Apakah *inventor* ubat racun, kontraktor dan sebagainya. Kes kematian gajah Pygmy Borneo ini cukup menyedihkan dalam usaha memelihara alam sekitar dan kehidupan liar di Sabah. Bukan itu sahaja tetapi ia menimbulkan pelbagai persoalan dalam hati rakyat. Kenapakah tiada siasatan yang terperinci diadakan? Ini lebih-lebih lagi kenapa kegiatan pembalakan haram yang masih berlaku di Sabah tidak dapat dibendung dan ditangani sama sekali?

Tuan Pengerusi, saya menggesa, saya menyeru kepada kerajaan tetapi tidak ada tindakan langsung dari Jabatan Perhutanan Negeri Sabah yang sepatutnya berlaku sebagai penaung atau *guardian* semua hutan simpan di negeri ini. Pengarah JPS, Datuk Sam Mannan mendakwa bahawa kadar pembalakan haram berada pada paras terendah di sejarah. Macam

mana kita boleh percaya kenyataan beliau dengan perlakuan kes kematian gajah yang misteri. Sama pembalakan di tempat loji jana kuasa geoterma yang berleluasa.

Tuan Pengerusi, satu lagi isu yang serius. Mungkin inilah pertama kalinya di sejarah dunia bahawa ladang kelapa sawit bukan tanam di atas tanah peladang tapi di dalam hutan simpan, Tuan Pengerusi. Kenapa kelapa sawit boleh *declassified* sebagai hutan simpan? Adakah ini logik Tuan Pengerusi? Adakah terdapat perbezaan dalam garis panduan atau definisi hutan simpan kementerian antara Jabatan Perhutanan Sabah. Ini memang berlaku sekarang. Saya memberi contoh, Bina Wawasan Sdn. Bhd bahawa anak syarikat penuh oleh Innoprise Cooperation, di mana Datuk Sam juga merupakan salah seorang ahli lembaga. Mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Sabah untuk mengusahakan 82,000 hektar di kawasan konsesi Yayasan Sabah sejak tahun 2004. Kesemua 82,000 hektar tanah ini terletak dalam Hutan Simpanan Gunung Rara, Kalabakan *right in the Heart of Borneo*.

■1550

Mengikut hujah-hujah Jabatan Perhutanan – okey kasi *skip* sikit. Dengan pelaksanaan Roundtable Sustainable Palm Oil (RSPO), sesuatu piawaian antarabangsa untuk memastikan industri kelapa sawit diusahakan dengan cara lestari, saya kluatir minyak hasilan...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: ...Minyak hasilan daripada Bina Wawasan ini...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan masuk.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: Tidak dapat, tidak dapat, tidak ada masa, singkat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tiada masa.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]:Bina Wawasan ini tidak dapat disijilkan ...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Kota Kinabalu tentang perhutanan di Sabah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: ...Di bawah RSPO

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ingin saya perbetulkan...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: ...Disebabkan minyak kelapa sawit...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Boleh?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: Nanti, nanti...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya perbetulkan...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: *Hey-hey*, hai nanti, saya minta masa itu.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Sebab itu mengelirukan Dewan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mana ada mengelirukan Dewan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: Okey, okey, kasi satu *second* ha. *[Melihat jam dinding di dalam Dewan]* Tidak bolehlah, tidak boleh. *[Dewan riuh]* Dengan pelaksanaan itu Roundtable Sustainable Palm Oil (RSPO), sesuatu...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Putatan, duduklah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: ...Daripada Bina Wawasan ini tidak dapat disijilkan, *certified* di bawah RSPO disebabkan minyak kelapa sawit tersebut dihasilkan dari hutan simpanan. Ini akan membawa impak negatif kepada nama baik industri kelapa sawit Sabah di mana produk kelapa sawit kita mungkin akan diboikot...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa cukup.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: ...Atau Datuk Sam Mannan menang...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa cukup.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: ...Adakah Datuk Sam Mannan nak bertanggungjawab atas kerugian ini? Saya minta Datuk Sam Mannan supaya meletakkan jawatan disebabkan skandal-skandal ini. *[Dewan riuh]* Selain itu, saya juga diberitahu bahawa sedangkan kerajaan negeri mewartakan lebih banyak tanah perladangan menjadi hutan simpan di atas nama memelihara hutan.

Akan tetapi pada masa yang sama, terdapat banyak hutan simpanan telah dijadikan tanah perladangan kelapa sawit. Bukankah ini bertentangan dan menggunakan *dual* sistem. Saya percaya perhutanan begitu ialah menggunakan taktik yang begitu kotor ini untuk kayakan beberapa syarikat tertentu dengan digazet hutan simpanan kepada mereka. Manakala kerajaan menggunakan alasan memelihara hutan untuk merampas tanah petani yang miskin untuk menjadikannya sebagai hutan simpan Tuan Pengerusi. Ini adalah sangat serius...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu cukuplah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ini adalah sangat serius. Kerajaan mesti – memandangkan masalah ini sangat serius dan memberikan penjelasan. Tuan Pengerusi, ini serius, saya kasi satu *second*. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mana boleh *hey-hey* ke Speaker ini. Cukup, duduklah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sedikit lagi, satu minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukup.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Adalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, sila duduk. Saya menjemput Yang Berhormat Sik. Ya.

3.53 ptg

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Assalamualaikum, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus menyentuh Butiran 13900 dan juga Butiran 16700. Bagi kawasan Parlimen Sik, kejadian banjir sering berlaku melibatkan Sungai Ceper apabila hujan lebat berterusan di bahagian hulu sungai yang disebabkan oleh beberapa faktor seperti rejim sungai yang sempit dan cetek, rejim sungai yang berliku-liku, terdapat halangan di dalam sungai dan *back flow* dari Sungai Ceper bahagian hilir sungai.

Selain daripada itu, masalah runtuh tebing, limpahan air yang memasuki tanaman persendirian yang merosakkan struktur dan tanaman serta sisa kumbahan daripada perumahan penduduk kampung yang dialirkan terus ke dalam sungai juga menyumbang kepada masalah aliran sungai tersekat. Banjir ini juga memberi kesan kepada kawasan perumahan penduduk dan kawasan pertanian sawah padi sekitar Kampung Kemelong di Pekan Sik sehingga ke Kampung Tanjung Besar di Pekan Batu Lima dengan kerosakan terpaksa ditanggung setiap kali banjir berlaku. Setiap tahun banjir kilat ini berlaku dalam dua hingga tiga kali apabila hujan lebat berlaku. Kedudukan perumahan penduduk yang berada di seberang sungai menghadapi masalah terputus jalan perhubungan dari kawasan kampung ke jalan utama Sik, Gurun.

Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan ini, Parlimen saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri agar dapat meluluskan peruntukan di bawah Butiran 16700 berkenaan projek Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar bagi menjalankan kerja-kerja pelebaran, pedalaman dan meluruskan Sungai Ceper sepanjang 20 kilometer dan juga memperuntukkan di bawah Butiran 13900 – Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir bagi membolehkan agensi pelaksana di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memasang beberapa peralatan isyarat banjir yang boleh mengenal pasti di Sungai Ceper agar dapat membantu penduduk sekitar mengambil langkah-langkah keselamatan lebih awal. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini saya hendak bagi Yang Berhormat Pokok Sena kah atau Yang Berhormat Bukit Gantang?

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Bukit Gantang lah dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gantang? Sila Yang Berhormat Bukit Gantang.

3.55 ptg

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum* dan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hendak berbicara berkenaan dengan P.23, Butiran 15400 iaitu Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan ada di kawasan saya namanya anak sungai – ejaannya J-a-n-g-e-e [*Mengeja perkataan*] dekat Kampung Dew. Di situ terdapat sebuah kawasan habitat serangga kelip-kelip bersempadan dengan Parlimen Bagan Serai dan sekarang kita dapat lihat bagaimana – saya telah turun di situ, naik sampan untuk melihat bagaimana keadaan kelip-kelip yang telah pun terganggu kerana kawasan tersebut merupakan di antara kawasan kelip-kelip yang paling hebat selain daripada yang terdapat di Kuala Selangor.

Antaranya ialah kerana di situ terdapatnya kolam udang. Saya pun hairan macam mana kolam udang yang diberikan kepada sebuah koperasi yang dimiliki oleh di kalangan pimpinan UMNO di kawasan Bukit Gantang yang tidak jauh dari tempat kolam udang di mana apabila waktu malamnya ada lampu yang dipasang di situ. Kalau mengikutnya mengganggu terhadap kehidupan kelip-kelip dan kelip-kelip ini juga berbahaya terutamanya akan merosakkan daripada segi flora dan fauna di sana. Maka sebab itu, saya mengharapkan supaya pihak kementerian supaya dapat mengambil berat berkenaan dengan ini. Bagaimana satu siasatan mesti dibuat. Bagaimana kolam tersebut boleh beroperasi dekat dengan tempat kawasan kelip-kelip yang terdapat di Sungai Jangee ini tadi.

Keduanya ialah berkenaan dengan – merujuk B.23, Butiran 60000 iaitu kita minta supaya dijadikan NGO sebagai pelanggan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Pelik jugalah ya, sepatutnya kementerian ini menjadikan salah satu pelanggannya ialah NGO yang memperjuangkan soal sumber asli dan alam sekitar. Kalau tengok di sana kalau Kementerian Wanita pun ia ada di antaranya ialah pelanggannya ialah Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO). Tidak sepatutnya kementerian yang sepatutnya memberikan kerjasama yang baik dengan NGO alam sekitar seperti mana Sahabat Alam, Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Persatuan Pencinta Alam di sekitar Malaysia yang banyak memberikan sumbangan besar kepada menjaga alam sekitar ini. Tiba-tiba, apabila kita lihat daripada segi laporan bajet dan juga pelanggan yang ada kepada kementerian ini tidak ada iaitu berkenaan dengan tidak adanya NGO yang menjadi salah satu daripada pelanggan.

Ketiganya ialah semua yang perlu diambil perhatian iaitu bajet berkenaan dengan air, pengurusan – berkenaan dengan bajet yang berhubung kait dengan sumber asli alam sekitar P.23, Butiran 15000 iaitu sepatutnya memang peruntukan JPS ini kena diberikan banyak. Selalunya kami menghadapi banjir termasuklah juga di kawasan di Kuala Krau mungkin dan seluruh – bodek sikitlah, ada lebih sikitlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Nak masa tambahan...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Apa nama...

■1600

Ini kerana ini merupakan selalu kita pergi jumpa kepada JPS, antara jawapannya ialah bajet tidak mencukupi. Oleh sebab itu kita harapkan, ini tiba-tiba pula tahun ini dikurangkan, bukannya ditambah. Dahulunya kita lihat peruntukannya ialah sebanyak RM15 juta, tiba-tiba tahun ini pula dikurangkan sebanyak RM13.5 juta sahaja. Sepatutnya ditambah kerana manusia semakin ramai dan sungai pula semakin banyak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sudah janji tadi pukul 4.00 petang Yang Berhormat Menteri menjawab, jadi bolehlah mencelah.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Berilah peluang Tanah Merah *last*. Boleh Tanah Merah *last*?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, satu jam boleh Yang Berhormat Menteri untuk menjawab?

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Boleh, boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh ya. Sila, sila. Yang Berhormat Sibuti. Pukul 4.30 petang, Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.01 ptg.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membahaskan B.23, Butiran 15000, Butiran 15200 dan Butiran 15100 berkaitan membersihkan, mengindahkan sungai. Di kawasan saya Sibuti, kebanyakan sungai adalah di kelilingi ladang-ladang sawit. Jadi, pengaliran semua-semua sisa sawit daripada sisa-sisa baja dan apa juga akan mengalir ke dalam sungai. Jadi pembersihan sungai itu perlu, sebab kebanyakan hidupan air yang ada di dalam sungai itu seperti udang, ikan dan sebagainya yang diperoleh oleh nelayan darat seperti menjala dan mengail udang akan dimakan oleh keluarganya, yang mana anak-anak sekolah akan memakan apa yang sisa-sisa tadi dimakan oleh apa yang diperoleh oleh nelayan ini.

Apa yang kita takuti ialah kerana tidak dapat dibersihkan sungai itu, maka makanan menjadi toksik dalam badan anak-anak kita, jadi bermacam-macam penyakit menjadi mudarat kepada anak-anak kita di sekolah nanti. Oleh sebab itulah pembersihan sungai di kawasan saya seperti di Kampung Bekam, Kampung Bekenu, di kawasan sekitarnya perlu sangat dibuat oleh JPS supaya sungai-sungai itu sentiasa bersih. Kenapa peruntukan RM1 juta lebih ini dan juga peruntukan untuk membersihkan sungai di JPS, RM13 juta ini boleh disalurkan kepada jabatan-jabatan untuk membantu kita. Pernah dahulu diluluskan oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pembersihan sungai-sungai kita pada tahun 2012, tetapi belum ada lagi peruntukan itu dikeluarkan. Kita mengharapkan apa yang dijanji itu akan boleh dijalankan pada tahun 2015 akan datang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Hakisan tepi pantai. Sedikit sahaja lagi Tuan Pengerusi. Hakisan jalan pantai, pesisiran pantai dari Bekam sampai ke Tanjung Bunga sekarang perlu diberi batu besar dalam sangkar untuk mengelakkan hakisan-hakisan pantai yang cantik supaya ia tidak merosakkan jalan-jalan pesisiran pantai dari bandar Miri sampai ke Bekenu dan Niah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya kena semak dahulu siapa yang sudah berucap, belum berucap. Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

4.04 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ada panggil Yang Berhormat Raub tadi?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Belum lagi ya? Okey.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: B.23 - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Butiran 050000 – Perhutanan dan Butiran 060000 - Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebelum ini PAS yang berucap. Tidak apalah, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sudah panggil Tuan Pengerusi, tidak boleh tarik balik. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Tidak, sepatutnya Yang Berhormat beritahu, beri *info* kepada saya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya. Baik. Saya hendak bangkit berkaitan dengan insiden yang berlaku di Cameron Highlands baru-baru ini. Berdasarkan kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, yang mengatakan bahawa siasatan menyeluruh akan dijalankan jika terdapat sebarang elemen rasuah mengenai pembabitkan individu berkepentingan dalam penerokaan haram di kawasan peranginan berkenaan. *"Kita tidak bimbang"*, kata Timbalan Perdana Menteri, *"Jika mereka terbukti menjadi dalang dalam kes ini, kita kena ambil tindakan. Tidak kiralah dia dilindungi oleh orang politik, orang istana atau orang dari Singapura. Tiada maaf bagi mereka"*. Jadi, saya agak terkejut dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya kira bahawa kenyataan itu bukan bercakap atas andaian, sudah pasti ada *hints* maklumat yang disampaikan kepadanya, apatah lagi bila beliau menyebut tentang penglibatan orang Singapura, warga asing yang seperti memberikan perlindungan kepada pihak-pihak yang tertentu sehingga menyukarkan pihak berkuasa perhutanan dan juga pihak berkuasa negeri untuk mengambil tindakan-tindakan terhadap mereka.

Saya percaya bahawa sudah tentu kementerian khususnya, dalam bahagian perhutanan ini mempunyai maklumat-maklumat. Jadi sebab itu saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian, sejauh mana kenyataan Timbalan Perdana Menteri itu membuktikan bahawa inilah yang menjadi kesukaran kepada kementerian, kerajaan, Jabatan Perhutanan dalam hendak menguatkuasakan peraturan dan undang-undang untuk mengelak daripada berlakunya lagi penerokaan haram.

Bagi saya Tuan Pengerusi, sudah tentu kadang-kadang mereka membawa surat daripada pihak-pihak tertentu ataupun *calling*, panggilan telefon kepada bahagian penguat kuasa perhutanan yang menyebabkan mereka tidak boleh mengambil tindakan terhadap peneroka-peneroka haram ini. Jadi sebab itu saya minta, sebab kenyataan ini sangat serius kerana disebut oleh Timbalan Perdana Menteri iaitu, '*Perlindungan daripada orang politik, orang istana dan orang Singapura*'. Ini cukup kenyataan berat apabila tiga pihak iaitu orang politik, orang istana dan juga orang asing. Jadi, saya minta...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa dia bawa surat itu, tetapi surat itu bukan jaminan. [*Ketawa*] Bukan jaminan itu, surat itu hanya sokongan sahaja tetapi bukan jaminan. Macam Timbalan Menteri Kewangan kata.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Keluar Butiran Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Keluar Butiran.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak keluar.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang pencilahan itu keluar butiran.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. [*Ketawa*] Tidak apa. Jadi, sebab itu bagi saya bahawa penjelasan daripada pihak kerajaan perlu.

Kedua berkaitan dengan alam sekitar juga iaitu berkaitan dengan *report* Laporan Ketua Audit Negara iaitu tentang program penswastaaan pengawasan kualiti udara dan pengurusan data alam sekitar yang diberikan kepada syarikat usaha sama antara syarikat tempatan dengan syarikat dari Kanada yang dinamakan syarikat itu sebagai Syarikat Alam Sekitar (ASMA). Alam sekitar, akhirnya dapat asma. [*Ketawa*] Syarikat ini sendiri pun ada masalah.

Oleh sebab itu saya hendak mendapatkan penjelasan kerana daripada *report* audit ini dikatakan bahawa perakuan ulasan dari Pejabat Peguam Negara terdapat terma dalam perjanjian konsesi antara kerajaan dengan ASMA yang tidak memihak, menjaga kepentingan kerajaan yang melibatkan aspek seperti keselamatan data, subkontrak, integriti, ketelusan, perhubungan antara pihak serta penganan penalti sedangkan jumlah yang kerajaan telah bayar

kepada ASMA ini melalui perjanjian konsesi yang dibuat untuk tempoh 20 tahun ini, kita telah bayar RM329.10 juta.

Jadi saya hendak dapat kepastian, siapa yang menasihati kementerian dalam menyediakan terma perjanjian yang akhirnya dikatakan oleh Pejabat Peguam Negara tidak memihak kepada kerajaan. Ini kerana selalunya saya difahamkan tentu ada wakil dari Pejabat Peguam Negara, penasihat undang-undang di kementerian ataupun di jabatan dan sebagainya.

■1610

Jadi dalam penyediaan perjanjian ini sebab ini menunjukkan – satu lagi menunjukkan bahawa perjanjian-perjanjian yang sangat tidak memihak umpamanya perjanjian PLUS lebuhraya dan sebagainya yang cukup itu langsung tidak memihak kepada kerajaan dan juga tidak memihak kepada rakyat. Ini pun sama kerana kepentingan kerajaan adalah merupakan kepentingan rakyat. Jadi saya minta penjelasan daripada apa yang telah pun disebut di dalam Laporan Audit yang terkini yang telah pun dibentangkan kepada kita semua.

Akhir sekali, 080000...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat lima minit sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akhir sekali, 080000 – Pengairan dan Saliran. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya projek mendalamkan sungai. Khususnya sungai daripada Padang Terap sampai kawasan Pokok Sena turun sampai ke Alor Setar dan sebagainya. Setakat inilah sudah berapa kali projek program pendalaman sungai ini dan banjir berterusan sampai sekarang.

Saya cukup bimbang kalau hujan banjir di sebelah Padang Terap saya telefon rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau dia kata banjir saya pun tunggulah sebab air itu akan turun ke kawasan Pokok Sena. Jadi saya hendak minta khususnya baru-baru ini di kawasan yang kampung yang berada di tebing ataupun berdekatan dengan sungai sering kali mereka akan mengalami masalah bila musim hujan lebat banjir akan melanda kawasan mereka dan juga saya akhir ini, ini yang terakhir dalam bab ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ramai lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Iaitu sejauh mana kerajaan, kementerian bekerjasama ataupun menyelaras dengan pihak-pihak PBT khususnya sebab banjir sekarang ini bukan lagi di kampung tetapi dalam kawasan bandar, kawasan perumahan seolah-olah bagi saya *master plan* pengairan saliran ini dia sudah tidak boleh dipakai lagi. Kalau sebab projek pembangunan itu terlalu banyak kawasan perumahan yang didirikan yang menyebabkan air tidak boleh hendak keluar dan saya lihat bahawa banyak PBT-PBT, Timbalan Menteri PBT pun ada sini, banyak PBT-PBT yang langsung tidak mengambil kira persoalan-persoalan ini dalam meluluskan projek-projek perumahan umpamanya.

Saya sendiri mengalami kawasan perumahan tempat saya maknanya kita beli, mana kita baca pelan. Tidak ada siapa beli rumah pun baca pelan. Arkitek sendiri pun dia beli rumah, dia

tidak baca pelan. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun kalau beli rumah tidak baca pelan tetapi bila kita duduk tiba-tiba saliran air tidak boleh keluar. Jadi sejauh mana kementerian ini melihat dari sudut *master plan* yang saya, saya lihat *master plan* ini sudah tidak relevan, sudah terkeluar zaman dan perlu ada satu *master plan* yang baru untuk pastikan bersesuaian dengan projek perumahan yang begitu pesat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanah Merah.

4.13 ptg.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Akhirnya terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini saya juga hendak mengambil kesempatan daripada peluang lima minit *insya-Allah* kalau ada waktu kecederaan untuk menyentuh butiran 060000 – Alam Sekitar berkaitan butiran 060300 – Pengawasan dan Penguatkuasaan.

Saya tahu ramai sudah bangkitkan ini tetapi saya juga ingin menyentuh juga. Saya tahu baru-baru ini kita dikejutkan buat kali kedua berturut-turut dalam tempoh dua tahun apabila berlakunya tragedi tanah runtuh dan banjir lumpur di Cameron Highlands. Saya akan sentuh dalam *angle* yang lain. Mahu tidak mahu kita harus mengakui segala-galanya berlaku kerana kerakusan manusia sendiri merosakkan alam sekitar sesuka hati.

Sebelum saya hendak mengulas lanjut mengenai tragedi seperti di Jerantut dan yang lain-lain, ingin saya ingatkan kepada kita semua berhubung firman Allah SWT dalam Surah Al-Anbiya, Ayat 31 yang bermaksud, *“Kami telah menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya bumi itu tidak menggegarkan mereka dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu-lalang supaya mereka dapat sampai kepada mencapai keperluan rohani dan jasmani”*. Allah SWT juga berfirman dalam surah An-Naba', Ayat 67 yang bermaksud, *“Mengapa kamu ragu-ragukan kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang telah mati? Bukankah Kami telah menjadikan bumi terbentang luas sebagai hamparan? Dan gunung-ganang sebagai pancang pasaknya”*.

Fakta yang terkandung dalam ayat-ayat ini ternyata bertepatan dengan ilmu geologi moden yang mengakui kepentingan bukit-bukau serta gunung-ganang sebagai faktor pasak atau penstabil bumi daripada sebarang gegaran tanah runtuh dan gempa bumi. Selain itu, penumpuan baru para saintis di bidang geologi dan kaji bumi juga mendapati bahawa bukit-bukau dan gunung-ganang sememangnya mempunyai akar yang jauh lebih dalam ke dasar bumi berbanding dengan puncaknya. Ini dijelaskan oleh Raymond Siever seorang tokoh kaji bumi yang tersohor di dunia.

Bumi yang luas terbentang mempunyai berbagai-bagai komponen utama yang tambah menyempurnakan susun atur alam ini. Di antara komponen yang penting kepada kewujudan alam ini ialah bentuk muka bumi yang berbukit-bakau dan bergunung-ganang. Tidak dapat dinafikan kewujudan bukit-bakau dan gunung-ganang di serata dunia mempunyai fungsinya yang

tertentu kepada kestabilan alam. Di antara fungsi segala bukit-bakau dan gunung-ganang ialah sebagai penstabil bumi daripada sebarang gegaran.

Sebenarnya bukan sahaja di Cameron Highlands, di Kelantan di kawasan Lojing di Gua Musang juga habis bukit ditarah. Oleh sebab itulah para ahli kaji bumi dan ahli geologi menyarankan agar bukit-bukau serta gunung-ganang tidak diusik demi untuk menjaga kestabilan ekosistem alam. Kejadian yang berlaku di Cameron Highlands dan beberapa kawasan seumpama sebelum ini adalah bukti kedahagaan manusia kepada fungsi bukit-bukau serta gunung-ganang. Keghairahan kita mengejar kemajuan serta membuat pembangunan tanpa mengira susun atur ekosistem alam telah mengundang pelbagai bencana alam.

Saya akui pihak kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan telah menetapkan garis panduan khusus yang mesti dipatuhi tentang projek pembangunan di kawasan tanah tinggi yang berisiko. Langkah ini bertujuan untuk menjamin kesejahteraan alam kesinambungan manusia. Akan tetapi malangnya kita kerap alpa sehingga akhirnya mengundang bencana. Begitu juga apa yang berlaku di Cameron Highlands baru-baru ini.

Kegelojohan dan kealpaan kita untuk memastikan alam sekitar tidak dimusnahkan sewenang-wenangnya untuk tujuan komersial diabaikan. Bayanglah kita didedahkan dengan fakta bagaimana berlaku penerokaan tanah secara haram yang amat serius di tanah tinggi itu sehingga menyebabkan alam sekitar terjejas teruk seperti juga berlaku di lojing di Gua Musang Kelantan.

Oleh itu saya ingin menggesa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk kali ini benar-benar memandang serius apa yang berlaku di Cameron Highlands dan juga tanah-tanah tinggi di tempat yang lain. Sekarang bukanlah masa untuk mengamalkan sikap sudah terantuk, baru nak tengadah kerana apa yang dialami Cameron Highlands meletakkan penduduknya dalam bahaya.

Justeru itu penguat kuasa yang terlebih tegas perlu dilakukan untuk memastikan mereka yang melakukan penerokaan tanah secara haram dikenakan hukuman seberat-beratnya. Kita perlu memandang serius perbuatan penerokaan seumpama itu kerana mereka inilah makhluk perosak yang akan memusnahkan alam sekitar. Hukuman sebat, saya ulang, hukuman sebat seperti mana yang dicadangkan oleh banyak pihak termasuk Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) harus dipertimbangkan dengan serius. Saya menggesa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan membawa pindaan sedia ada kepada Jabatan Peguam Negara untuk dikaji.

Tuan Pengerusi hendak sebat mana-mana Ahli Parlimen yang tidak ikut peraturan pun saya sokong. *[Ketawa]* Kita tidak boleh membiarkan penerokaan tanah secara haram di mana-mana juga yang dimulakan dengan Yang Berhormat Shah Alam, maaf. Atas sebab itulah juga operasi bersepadu bagi membanteras perbuatan ini harus diadakan dari semasa ke semasa. Saya yakin jika pemeriksaan dan penguatkuasaan dilakukan secara teliti sepanjang masa, saya yakin banyak lagi penerokaan tanah secara haram dapat dikesan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh butiran 050300 – Pembangunan Hutan. Saya ingin menggesa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya memastikan Jabatan Hutan di seluruh negara lebih efisien dan proaktif dalam melakukan penguatkuasaan bagi memastikan penebangan hutan tidak berlaku secara berleluasa.

Kita kerap kali didedahkan bagaimana mereka yang mendapat permit untuk menebang pokok dan permit balak sering sahaja melanggar permit yang diberikan dengan melakukan penebangan melebihi kawasan yang dibenarkan. Contohnya di Kelantan, saya mengharapkan kerajaan negeri wakil saya, Pasir Putih tolonglah beri kerajaan negeri janganlah beri permit pembalakan secara sesuka hati tanpa kawalan. Ada syarikat yang dapat sepuluh hektar tetapi tebang 20 hektar.

Kasihlah banyak di kawasan-kawasan dari Gua Musang, Kuala Krai termasuklah Tanah Merah seperti DUN Gua Ipoh kawasan saya, hampir 2,000 penduduk masih lagi minum air sungai air mengalir seperti Yang Berhormat Jerantut kata tadi air sudah jadi keladak, sudah jadi teh tarik ia tidak lagi sesuai. Kalau di kawasan tempat lain mungkin ada air rawatan tetapi penduduk kampung masih minum air dari sungai. Jadi saya haraplah penguatkuasaan dapat diambil.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, saya pendekkan. Saya tidak berniat membuat tuduhan ataupun tohmahan tetapi ia sering dikaitkan dengan sikap tidak berintegriti segelintir pegawai dan kakitangan Jabatan Hutan bersekongkol dengan pihak yang melanggar undang-undang itu. Oleh itu bukanlah satu tindakan keterlaluan kalau siasatan juga dijalankan bagi memastikan tiada mana-mana pegawai atau kakitangan Jabatan Hutan bersedia berbuat demikian.

■1620

Jika ada ambillah tindakan segera sebelum terlewat. Tuan Pengerusi, saya ingin menggulung perbincangan ini dengan mengingatkan bahawa isu alam sekitar bukanlah isu remeh-temeh. Penerokaan tanah bukanlah isu kecil dan penebangan pokok tanpa kebenaran bukanlah perkara terpencil. Dengan kuasa yang dimiliki dan melalui peruntukan undang-undang maka gunakanlah ia sebaik-baik. Oleh itu, ingatlah apabila bukit-bukau serta gunung-ganang semakin banyak digondol serta ditarah untuk tujuan pembangunan dan komersial maka kestabilan tanah akan terancam dan semakin banyak bencana alam seperti gempa bumi, gegaran dan tanah runtuh akan berlaku.

Akhirnya ini bertepatan dengan amarah Allah dalam firmanNya dalam surah Al-Rum ayat 41 yang bermaksud, *“Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia kerana Allah merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat”*. Sekian, terima kasih Tanah Merah menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Raub.

4.21 ptg.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Perkara B.23 tajuk 050000 / 050200 – Operasi Hutan. Tahun ini 2014 sekali lagi Cameron Highlands masuk dalam berita dan publisiti dengan izin *for the wrong reason*. Tahun 2013 empangan pecah mengakibatkan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Tahun ini juga banjir lumpur dan banjir air yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa. Jadi saya tengok di bawah kepala operasi hutan ini Bajet 2014 ialah RM12.2 juta. Kali ini turun. Jadi saya hendak tahu kita baca keseriusan kementerian untuk memantau supaya memastikan sumber hutan di Semenanjung Malaysia diurus, dipelihara dan dibangunkan supaya pengeluaran kayu-kayan dan perkhidmatan secara berterusan dan kestabilan.

Jadi mengikut kajian daripada ahli botani satu batang pokok yang matang boleh menyerap dan menampung 40 gelen air. Bayangkan berapa ribu batang pokok telah digondol di kawasan Cameron Highlands yang menyebabkan air pergi menerpa dan meluru ke kawasan tanah rendah untuk memusnahkan harta benda dan meragut nyawa-nyawa orang di situ. Jadi saya mohon kementerian mengambil perhatian yang lebih serius untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri memantau penebangan haram yang dilakukan secara berleluasa.

Kita dengar tadi Yang Berhormat Pokok Sena menceritakan bagaimana amaran dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya juga mendapat pesanan SMS dari orang yang mengaku di Menteri Besar Pahang yang mengatakan bahawa dalam soal penebangan hutan ini tangan dia terikat. Dia tidak boleh buat apa-apa.

Jadi seolah-olah saya membacanya ada kuasa yang lebih besar yang menyekat Menteri Besar daripada menjalankan dasar untuk menjaga hutan kita. Jadi kita mesti tolong Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam keseriusannya untuk menjaga khazanah negara yakni yang *particular*, dengan izin menjaga hutan kita.

Tahun 2004 semasa saya berada dalam Dewan Undangan Negeri Pahang semasa sebelah sana saya ada mencadangkan kepada kerajaan negeri kita mengharamkan penebangan, pengumpulan dan pengeluaran pokok hutan oleh sektor swasta kecuali penebangan dan pengumpulan kayu-kayan, kayu balak dilakukan oleh kontraktor-kontraktor yang ditauliahkan oleh kerajaan negeri. Dengan itu kita bawa segala hasil hutan ke kawasan *bounded area*, kita letak kayu di sana semua orang yang berada dalam industri pembalakan boleh beli kayu di sana kita membantu kerajaan negeri supaya tidak hilang.

Tadi kita dengar beri kawasan 10 hektar dia tebang 1,000 hektar. Jadi kalau sektor swasta ditegah dan di haram untuk membalak kita boleh mengurangkan aktiviti pencurian dan pembalakan haram serta apabila semua industri yang terlibat dalam industri pembalakan dan perkayuan membeli kayu balak daripada *bounded area* dia bayar cukai ketika itu dan kerajaan boleh memaksimumkan kutipan cukai.

Jadi sekali lagi saya menyeru kepada pihak kementerian untuk pandang serius rintihan daripada orang yang mengaku dia Menteri Besar dan dibaca bersekali dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita bantu kerajaan negeri saya iaitu Pahang untuk memelihara khazanah hutan negara. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit.

4.25 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada pengaliran dan saliran kepala 14800/14900. Saya hendak maklumkan bahawa saya ada lebih kurang 3,000 ekar tanah bendang, ada lima rancangan pengairan Bota Kiri, Kampung Aji, Bota Lambur, Parit Senin, Lambur Kiri. Masalahnya ialah air tidak dapat disalurkan ke bendang-bendang. Sejak kebelakangan ini masalah penurunan paras air Sungai Perak di bawah paras minimum operasi pam telah mengakibatkan jadual tanaman terjejas dan terpaksa ditangguhkan disebabkan pam-pam yang ada tidak dapat beroperasi seperti biasa kerana berada di bawah paras minimum operasi pam yang sepatutnya.

Pihak JPS terpaksa membekalkan pam-pam bergerak bagi memastikan bekalan air kepada petani dan jabatan terpaksa menanggung kos tambahan bagi tujuan operasi dan penyelenggaraan pam-pam tersebut. Punca-punca atau masalah yang sering dihadapi ialah:

- (i) sistem pam sedia ada dibina sebelum empangan hidroelektrik di Hulu Perak dibina dan apabila siap paras minimum operasi pam telah berubah;
- (ii) bekalan air tidak dapat dibekalkan kepada petani mengikut jadual yang sepatutnya disebabkan pam-pam yang ada tidak dapat beroperasi disebabkan berada di bawah paras minimum operasi pam;
- (iii) pihak JPS terpaksa menanggung kos tambahan bagi operasi dan penyelenggaraan pam-pam bergerak yang dipasang bagi memastikan bekalan air sampai kepada petani; dan
- (iv) petani terpaksa menanggung kerugian disebabkan jadual tambahan pili terpaksa ditangguhkan.

Bagi maksud itu saya mencadangkan seperti berikut:

- (i) menaikkan taraf pam-pam sedia ada seperti yang saya sebutkan tadi iaitu menurunkan saliran masuk rumah pam sedia ada serta mengganti sistem pam sedia ada; dan
- (ii) membina empang jajar atau *inflatable rubber dam* di hilir *intake* yang terakhir iaitu di Teluk Seno bagi menaikkan paras air di Sungai Perak.

Tuan Pengerusi, masalah ini sebenarnya sering berlaku terutamanya tahun 2014 ini dan rakyat ataupun petani selalu menimbulkan perkara ini. Jadi saya berharap dengan adanya penggantian dan penambahbaikan kepada sistem pam yang sedia ada *insya-Allah* usaha

kerajaan bagi menambahkan hasil petani kepada sekurang-kurangnya tujuh tan seekar akan dapat dilaksanakan.

Jadi Tuan Pengerusi saya minta JPS atau kementerian dapat memberikan perhatian kepada sungutan dan rayuan orang Parit yang selama ini menanggung kesan yang besar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani, lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. *Less than five minutes* Yang Berhormat.

4.29 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak bangkitkan dua perkara sahaja. Yang pertama sekali tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Kalau kita tengok tentang banjir kilat sekarang ini bukan sahaja banjir kilat di kawasan-kawasan luar dari kawasan pekan tetapi banyak juga banjir kilat yang berlaku dalam kawasan pekan. Jadi persoalannya sekarang ini sejauh manakah kementerian bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk bincang bagaimana boleh digubal satu peraturan kepada semua PBT agar mana-mana pembangunan yang baru mestilah mengikut kaedah dan juga peraturan-peraturan baru.

■1630

Kalau kita tengok di negara-negara maju sebelum kawasan-kawasan bandar dibenarkan untuk dibangunkan mereka ada sama ada longkang besar ataupun ada tempat perairan yang besar. Jadi semua air-air yang keluar daripada kawasan-kawasan perumahan ini akan disalurkan kepada longkang-longkang besar ini. Tengoklah di Los Angeles tadi, Dubai kah, di Hamburg kah, semua ada tapi negeri kita tidak. Apabila dimasukkan *development order*, diluluskan *development order* oleh PBT, maka dia cuma *take care* kawasan yang amat minima untuk *discharge* air dia. Akhirnya tiap-tiap kawasan-kawasan perumahan ini *discharge* air ke satu tempat di mana sebenarnya, atas jalanlah. Cerita dia atas jalan lah *last* sekali. Atas jalan inilah jadi longkang.

Seperti lah di Sungai Petani ada satu tempat Tuan Pengerusi, nama dia Taman Keranji. Sebelah Taman Keranji ini Taman Keladi. Taman Keladi ini buat, JPS buat *pond* besar. *Pond* ini tujuannya untuk *egress* semua air-air di sekelilingnya tetapi bila tidak ada *connection* longkang-longkang untuk bawa masuk ke dalam *pond* ini, akhirnya jalan raya balik, jalan raya jadi sungai. Jadi akhirnya bila hujan bukan saja banjir tetapi juga jalan juga akan rosak.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya dalam masa seminit ini bagaimana kita tengok alam sekitar juga. Kita hendak tanya kementerian adakah jerebu sekarang ini jerebu yang *locally manufactured* ataupun kita import. Sebab saya tengok sekarang ini pembakaran terbuka memang menjadi-jadi.

Baru-baru ini kita tengok di kawasan KLIA dan KLIA 2, secara terbuka walaupun ada pihak-pihak mengatakan bahawa mereka sedang usaha tetapi pernah juga masa mantan

Perdana Menteri dulu menghantar *team* bomba kita ini *pi* tolong Indonesia *nun* berhari-hari. *Pi* tolong dia orang tapi bila kita terbakar, tidak akan bomba tidak boleh buat apa. Jadi Tuan Pengerusi membiarkan satu, itu satu contoh yang dan saya hendak tahu juga berapa banyak lagi PBT yang masih lagi membuat, menyelesaikan masalah sampah dengan pembakaran terbuka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri bolehlah uruskan jawapan sehingga 5.30 petang Yang Berhormat.

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan kita yang menyentuh banyak isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jika saya di sebelah sana, saya akan sentuh lebih banyak lagi... [*Dewan Riu*] ...Perkara-perkara dan isu-isu yang seharusnya ditangani oleh kerajaan. Memang betul Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya Yang Berhormat Silam, yang menyebut rancangan tebatan banjir di kawasan beliau, mana yang sudah boleh dibuat, mana yang belum dibuat. Kalau kita tengok peruntukan untuk rancangan tebatan banjir di Sabah RM 20 juta untuk tahun 2015. Bayangkan RM 20 juta untuk apa, cukup kah tidak cukup? Oleh itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar sememangnya menyampaikan senarai projek-projek ke EPU untuk kelulusan.

Jadi yang diberi kepada kita macam inilah. Sama ada ianya mencukupi atau tidak mencukupi itu memang susah sangat sebab kita perlu menggunakan peruntukan yang sedia ada. Oleh itu Yang Berhormat Silam saya amat prihatinlah kepada Yang Berhormat Silam yang menyentuh rancangan tebatan banjir di kawasannya.

Yang Berhormat Hulu Langat menyentuh mengawal tadahan air. Sememangnya kawasan tadahan air amat penting kepada kita. Kalau kita yang pertamanya tidakewartakan kawasan tadahan air di satu lembangan sungai, maka sungai itu kita boleh *guarantee* ya ia akan tercemar. Oleh ituewartakan ini amat lah penting supaya pembangunan tidak dibuat di kawasan tadahan air. Maka yang beliau sebut tentang maklumat *geo special* ataupun *geospatial data* ini adalah penting untuk kita.

Geospatial ini kementerian mendapatkannya sama ada daripada Jabatan Remote Sensing ataupun kita memperolehnya dengan membeli daripada luar negara yang data *geospatial* ini ataupun maklumat *geospatial*. Ini adalah satu perkara yang saya ingin memaklumkan amat penting untuk pembangunan negara dan untuk pelbagai aktiviti-aktiviti yang tidak diluluskan oleh kerajaan kerana ini kita nampak gambar dari atas seperti *Geographical Information System* (GIS) ataupun gambaran *remote sensing* dan sebagainya.

Yang Berhormat Hulu Langat juga...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri bangun Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bakri tanya satu soalan berkenaan tebatan air.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Nanti-nanti saya belum sampai di situ Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Bakri tidak sempat tanya soalan, berucap. Hendak tanya satu soalan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Hendak tanya satu soalan, apa itu?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri tanya satu soalan. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, merujuk kepada apakah yang dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 21 Oktober 2014 dalam Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara Ke-9 bahawa RM 9.3 bilion diperlukan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di 102 bandar dan pekan di seluruh negara. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan berapakah peruntukan yang sudah digunakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang itu macam berbahas Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tidak, saya tanya soalan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Untuk tujuan pelan pencegahan banjir yang diperlukan itu.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ramai tadi rakan-rakan kita yang menyentuh tentang perkara ini. Apabila saya sampai nanti, saya akan sebutkannya berapa peruntukan yang diperlukan dan kajian penyelidikan yang telah pun dibuat oleh JPS.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Penjelasan sedikit ini. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Mana?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Yang Berhormat Hulu Langat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Hulu Langat. Ini belum lagi Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tidak, maksud *geospatial* tadi kenapa kita kena *depend* dengan negara luar? Kita tidak ada kemudahan sendiri? Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat, sebab *geospatial* ini, *geospatial information and geospatial technology*. Satelit kita di atas itu tidak ada dan tidak cekap untuk mengambil gambar menggunakan *hyper spectral camera*. Sebab apa yang kita perlukan sekarang adalah dalam bentuk 3D juga, *3 Dimension*, gambar-gambar ataupun *images 3*

Dimension. Oleh itu, kita perlu juga beli daripada luar negara seperti dari SPOT. Sekarang SPOT kepunyaan France. Dia punya resolusi 1.5 meter sekarang.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *[Bangun]*

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Jadi inilah yang memberi imej yang paling *detail* lagi dalam perkara ini.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, minta tanya satelit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Siapa itu?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Stampin.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tadi Yang Berhormat Menteri cakap kita perlukan satelit *special* satelit, kenapa kita punya Razak Satelit 2 dan nombor 1 itu yang satelit yang dihantar itu kamera biasa. Kan lebih baik kalau kita hantar satelit yang mempunyai sensor yang boleh *detect* apa yang perlu Yang Berhormat Menteri gunakan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Itu kita punya satelit RazakSAT boleh juga ambil gambar di kawasan yang...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Sudah gagal.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Yang besar. Resolusi tidak begitu *detail*. Yang kita mahu untuk perancangan sekarang ialah resolusi yang *detail*. Kalau ia boleh mengambil imej dari atas, 1.5 meter persegi itu, kita punya tandas rumah pun kita boleh nampak.

■1640

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya setuju, jadi kita *cancel* sahaja RazakSAT *program*.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Lebih baik guna *Google Earth* la Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Jangan nak suruh cakap *cancel*. Itu yang dapat membantu kita, kalau duit kerajaan sudah banyak, lebih dari itu pun kita buat, kerana kita ikut pembangunan dan *progress* apa yang dilakukan oleh dunia, kita ikut. Akan tetapi ini ialah peruntukan, kalau duit kita ada, kita buat, semuanya kita buat.

Seterusnya Yang Berhormat Hulu Langat juga menyentuh tentang mineral dan geo sains.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, tadi Menteri ada menyebut soal kawasan tadahan air, betapa ia penting dan perlu diwartakan dan sebagainya.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Mengapa tadi masa saya sebut, tak bangun?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya nak masuk, tapi yang lain dah bangun. Saya bangun tadi tapi tak sempat. Kita tidak tahu ada *time limit*. Ada *time limit* ye?

Dato' Dr. James Dawos Mamit : Tanya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya cuma ingin tahu, sejauh mana pemetaan, pewartaan kawasan-kawasan tadahan air ini telah dan sedang dilakukan?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ini memang dilakukan oleh negeri-negeri sebab ini ialah tanggungjawab negeri. Setiap negeri mempunyai majlis sumber air mereka sendiri. Jadi ini ialah tanggungjawab mereka sendiri. Tetapi ada juga negeri yang tidak buat. Jadi kalau tidak buat, mengikut perundangan. Kalau ada perundangan yang perlu kitaewartakan, jadi kita wartakan lah kawasan tadahan air.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maknanya pemantauan secara keseluruhan bukan dilakukan oleh Kerajaan Pusat. Kalau ada negeri yang buat, Alhamdulillah. Maka Pusat nampak dan Pusat kira kata, baguslah negeri buat. So, setakat ini di seluruh negara kita, mengikut pemantauan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat, sejauh mana kawasan-kawasan tadahan air ini telah pun dikenal pasti dan telah pun digazet ataupun telah diwartakan, dan dilindungi daripada projek-projek pembangunan. *Is it ongoing process* ataupun ia telah pun dikenal pasti dan semua data-data itu telah pun lengkap? Status ia sekarang ni?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat, ada yang sudah pun dikenal pasti dan ada yang sudah diwartakan. Akan tetapi, proses ini adalah *ongoing*. Yang penting ia *ongoing* supaya pembangunan yang berleluasa tidak berlaku dan tidak *dicontrol* di mana-mana pun. Jadi inilah yang mengaitkan dengan pembangunan tanah dan sebagainya. Okey Yang Berhormat?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *How many percent would you say, currently?* Sekarang ini? Berapa peratus yang telah selesai? Berapa peratus lagi yang perlu? Negeri-negeri mana yang dah buat? Negeri-negeri mana yang belum? Boleh tuan Menteri berikan dalam bentuk tulisan? Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, kalau Yang Berhormat hendak dalam bentuk tulisan, sebab ini statistik, *specific figures*, saya akan beri dalam bentuk tulisan. Ingat ini ya, Yang Berhormat?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. *I don't expect you to answer* sekarang, fasal benda ini memang *figure, figure*. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya la, sebut *figure* sekarang, mana saya boleh ingat *figures* yang banyak. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya, Yang Berhormat Hulu Langat yang menyentuh tentang mineral baru. Mineral baru yang sebenarnya, mineral metalik yang sudah dikenal pasti di negara kita memang 22 kesemuanya *metallic mineral*. Yang bukan *metallic mineral* ada 21 yang sudah dikenal pasti. Nak dikatakan sama ada yang baru atau pun tidak, kita tidak ada yang baru. Cuma yang 22 *metallic mineral* dan 21 *non-metallic mineral* itu yang sudah dikenal pasti. Akan tetapi industri perlombongan untuk *metallic mineral* bergantung kepada jumlah mineral di sesuatu kawasan. *Whether it is economic feasible, or not?* So, begitulah ia. Yang juga penyelidikan alam sekitar yang disentuh oleh...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat bangun.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tambah sikit, Yang Berhormat Menteri. Adakah benar saya difahamkan emas dan uranium boleh didapati di Kelantan. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Emas dan uranium. Emas memang ada di Kelantan. Tapi belum dilombong lagi sebab *reserve* dia kecil. Jadi *economic feasibility*, mungkin kurang. Akan tetapi, uranium belum dipastikan lagi. Uranium belum dipastikan lagi sebab uranium ini dalam bentuk kecil-kecilan *traces* memang ada di *retailing tin mines* dulu. Ini *monazite*. Ini memang *traces* sahaja. Jadi itu hanya *traces* sahaja yang tidak merbahaya dan tidak perlu diguna pakai, terlalu kecil jumlahnya.

Penyelidikan alam sekitar. Ini kaedah untuk penjagaan alam sekitar. Penyelidikan alam sekitar memang diteruskan dan dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar. Yang penting ialah alam sekitar kita semakin berubah. Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Oleh itu penyelidikan ini amatlah perlu. Kita ingin tahu dan apakah impak yang pembangunan itu dilakukan di sesuatu kawasan. Sebagai contoh, tengoklah Kuala Lumpur, di manakah kualiti alam sekitar itu terletak? Sama ada ia tinggi atau rendah? Oleh itu, jika pembangunan terlalu pesat, maka kualiti alam sekitar kita daripada segi kualiti udara, memang menurun.

Di waktu panas, kalau kita berjalan di jalan raya, di mana-mana pun disebabkan kenderaan terlalu banyak, kita kena sesak nafas. Walaupun jantung kita sihat, sebagainya kita tidak ada sakit jantung, tetapi sesak nafas. Ini disebabkan ozon. Ini yang membuatkan kita sesak nafas. Ozon ini ialah juga yang membuat pencemaran udara yang teruk.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, Yang Berhormat Putatan, silakan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soal perubahan cuaca, pemanasan global. Yang disentuh Yang Berhormat ini soal keadaan di bandar, pengeluaran karbon dioksida daripada industri-industri kilang dan daripada kenderaan-kenderaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, belum sampai ke isu itu Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] : Ini sampailah ini. Penyelidikan soal iklim. Jadi, apa kepada penyemakan atau penyelidikan terhadap *choral bleaching* di Malaysia ini? Pulau Batam dan sebagainya? Dan perubahan cuaca yang mengakibatkan air laut naik dan banyak tumbuhan kita di pantai-pantai kita sudah pun rosak. Jadi apa usaha kerajaan untuk menanam kembali pokok-pokok yang sepatutnya menjaga persisiran pantai kita.

Jadi ini kalau kita melihat di kawasan saya, Tuan Pengerusi, banyak sudah tanah-tanah di persisiran laut itu rosak kerana pukulan ombak dan sebagainya. Sejauh mana *progress* kerajaan dalam butiran Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ada kaitan dengan Yang Berhormat Putatan. Penyelidikan, Yang Berhormat Menteri. Boleh?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ini penyelidikan alam sekitar.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Alam sekitar. Penyelidikan. Ada kaitan dengan Yang Berhormat Putatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bagi Yang Berhormat?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Boleh kan? Sekejap, 30 saat sahaja. Boleh? Cakap ya...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: 15 saat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Okey, boleh..... Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1650

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Saya tengok jam ini dari sekarang, 15 saat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ya, sekarang. *[Ketawa]* Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Merujuk kepada kertas penyelidikan dan kajian-kajian daripada pakar-pakar saintis antarabangsa, hendak minta pandangan, fenomena global ini sudah sampai ke tahap di mana ia tidak dapat dielakkan. Jadi, jika suatu tindakan drastik tidak dilaksanakan oleh kementerian, kejadian banjir sudah pasti akan kian tahun kian teruk. Ini jelas apa yang berlaku di Kuantan, Johor dan Yang Berhormat, kawasan kita Kuching. Semakin teruk seperti di kawasan Batu Kawah, Tabuan Desa, Tabuan Jaya dan Stakan dan banyak lagi. Jadi, dalam suatu maklum balas daripada Yang Berhormat bahawa kejadian *flood mitigation*, dengan izin, hanya akan siap pada tahun 2017. Ini terlalu lama. Pada masa itu mungkin Bintulu pun sudah tenggelam.

Sebagai penyelesaian sementara waktu, saya cadangkan bekerjasama dengan Majlis Perbandaran, kalau boleh mendesak mereka untuk mendalamkan serta naik taraf saluran di mana di kawasan- ada yang di kawasan kita saluran selama 20 tahun tidak pernah dijaga. Jadi, minta pandangan Yang Berhormat Menteri, apa pandangan Yang Berhormat Menteri terhadap kajian *global warming* yang sudah sampai tahap di mana tidak boleh dielakkan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih kepada kedua-dua rakan ini, Yang Berhormat Putatan dengan Yang Berhormat Stampin. *Global warming climate change* memang *cannot be reversed anymore*, dengan izin. Walaupun kita tak buat apa-apa, kita balik kepada *stone age*, tak guna kereta, tak terbang hutan dan sebagainya. Ia tidak boleh *reverse* lagi. Dia akan terus naik dan *peak* sebagai plato dan 200 tahun baru dia boleh menurun, *climate change* dengan *global warming* ini.

Jadi oleh itu, apa yang perlu kita lakukan di negara kita ialah proses adaptasi dan mitigasi. Oleh sebab ia bukan dilakukan oleh negara kita sahaja. Negara kita hanya menghasilkan 0.6% gas rumah hijau ataupun *green house gases*. Akan tetapi negara China menghasilkan 28% dan Amerika Syarikat 15.5% setiap tahun ini. Jadi, inilah yang berlaku. Bukannya negara kita yang buat. Oleh sebab udara tidak memerlukan pasport. Ia merentasi sempadan. Pergi ke mana-mana. Jadi, inilah penyebab dia, sebab kalau *global warming* berlaku sekarang, pada tahun 2050 bayangkan.

Pakar-pakar telah pun *estimate* bahawa paras air laut akan meningkat tidak kurang daripada 50 sentimeter. Akan tetapi ia akan lebihlah, tidak kurang daripada 50 sentimeter. Pada tahun 2050, disebabkan kadar suhu meningkat di *temperate countries* dengan 5.6 darjah Celsius. Bayangkan kalau musim *winter*, apabila suhu 0 tetapi dengan 5.6 darjah Celsius, suhunya akan meningkat ke situlah, 5.6 darjah Celsius.

Jadi, semakin panas. Apabilanya panas, bayangkan dekat *North Pole*, ais itu semuanya akan menjadi cecair. Itu yang membuat paras air laut meningkat. Jadi, ini memang betul. Kawasan pesisiran pantai Yang Berhormat Putatan, akan tenggelam. Banyak kawasan akan tenggelam pada tahun 2050. Sekarang pun ada kepulauan telah pun menghilangkan 10% tanah mereka kepada peningkatan air laut.

Jadi, apa yang kita buat juga dengan rancangan tebatan banjir, itu hanya sementara. Akan tetapi dalam tahun 2050, dalam *21st century*, kalau lebih banyak lagi hujan, air laut sudah pun meningkat. Cukupkah itu RTB yang kita telah buat itu? Jadi, ini semuanya untuk sementara sahaja. Oleh sebab selagi negara-negara maju tidak mengurangkan penghasilan gas rumah hijau ke udara, beginilah keadaan dunia termasuk negara kita Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Seterusnya, Yang Berhormat Batu kenapa tadi tidak bercakap, sekarang nak bangun?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini hanya hendak respons...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kuala Nerus ya, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hendak tanya...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Batu, soalnya?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Soalnya ialah kalau dengar dari Yang Berhormat Menteri, seolah-olahnya segala usaha ini sia-sia sahaja. Akan tetapi padahal kita sebahagian daripada panel untuk mengawal *global climate change*. Kalau kerajaan ambil sikap ini tidak ada akan berubah apa-apa. *Then*, apa gunanya kita masih berusaha? Lagipun kalau Yang Berhormat Menteri sebut tentang ini hanya kerana *green gas* yang telah dikeluarkan oleh negara maju. Tidak semestinya kerana negara-negara Asia juga bertanggungjawab sebahagian besar daripada yang telah menyumbang *climate change* ini. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Itulah sebabnya setiap tahun, dunia berkumpul semua untuk berbincang di dalam *Conference of Parties* untuk *climate change*. Tahun ini, ia akan diadakan di Peru pada bulan Disember. Selama ini, kita berdasarkan kepada Kyoto Protokol. Akan tetapi Kyoto Protokol sudah tamat pada tahun 2012 kerana negara-negara maju di dalam Annexe 1 tidak mahu menerima Kyoto Protokol. Jadi, kita hilanglah itu. Jadi, macam mana lagi mahu diteruskan?

Satu lagi cadangan oleh negara Perancis, ini protokol yang lain. Menggabungkan negara yang membangun seperti kita dengan negara maju. Akan tetapi saya belum nampak lagi draf ini. Saya pun tak boleh komen. Walaupun demikian langkah adaptasi dan mitigasi seterusnya di negara kita, kita terus lakukan. Mengurangkan penghasilan gas-gas rumah hijau atau pun *green house gases*.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Nerus bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Isu hakisan pantai Yang Berhormat Menteri, Kuala Nerus.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Depan, depan Yang Berhormat. *Right in front of you.*

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu hakisan pantai tadi, di tempat saya di Tok Jembal. Saya sudah sebut-sebut dalam perbahasan sebelum ini, Yang Berhormat Menteri menjawab agak ringkas isu itu. Apa yang timbul ialah hakisan pantai yang berlaku di Tok Jembal kerana pemanjangan tanah kerana pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Isu sudah lama berlangsung dan kesan akhir sekali yang disebut baru-baru ini ialah satu alat milik Universiti Malaysia Terengganu di sebelah Pantai Tok Jembal tadi, rosak dan runtuh disebabkan hakisan pantai.

Isu yang timbul ialah yang dibuat oleh kerajaan setakat ini menggunakan tambakan batu yang kesannya ialah memberi hakisan kepada yang di hadapan dia, kawasan seterusnya. Ia tak menyelesaikan masalah. Isu ini berlanjutan untuk tempoh yang sangat panjang walaupun kerajaan sudah mulakan tambakan tahun 2011 kepada tahun 2014, masalah belum selesai lagi.

Jadi, saya hendak tahu apa benda penyelesaian yang paling baik untuk kerajaan dalam isu ini? Saya pernah cadangkan sebelum ini untuk menggunakan konsep tambakan tanah atau pasir dari laut yang diguna pakai di Corrinna sebagai contoh, yang hanya memerlukan masa lima bulan sahaja untuk menyelesaikan masalah. Akan tetapi kita sudah hampir lima tahun berlangsung di Pantai Tok Jembal. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat kerana menimbulkan isu itu. Kita manusia hanya memikirkan pembangunan-pembangunan untuk diri kita sendiri. Akan tetapi masalahnya ialah satu pembangunan di sini akan memberi impak yang negatif di kawasan yang lain. Hakisan pantai, kita buat *drawing*, kita buat *retaining wall* dan sebagainya.

■1700

Kita hanya memindahkan masalah ke kawasan yang lain sebab *literal wave* ataupun ombak *direction* dia, hala tuju dia, ini akan tukar apabila kita buat sesuatu yang fizikal macam itu Yang Berhormat. Ini saya telah melihat, meneliti dan mengkaji.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab itu isu yang kita cadangkan ialah tidak menggunakan batu, menggunakan pasir yang disedut untuk memanjangkan lagi pantai seperti yang dibuat di Australia sebagai contoh. Itu cadangan yang lama. Bukan saya bagi cadangan ini, cadangan ini dibuat oleh pakar-pakar di Universiti Malaysia Terengganu sendiri yang buat kajian di bidang ini.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ini pun Yang Berhormat, macam mana pun yang kita menembok, kita hanya memindahkan masalah di tempat yang lain juga. Akan tetapi kita buat juga sama ada menggunakan pasir ataupun tanah. Boleh diguna pakai. Yang saya katakan tadi untuk sementara. Masalah yang besar lagi nanti akan berlaku disebabkan *climate change* ini. Itu permasalahan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa ia penelitian yang panjang sebab kalau menggunakan pasir sebagai tambakan - memanjangkan pantai, membesarkan pantai, ini tidak akan berlaku hakisan di tempat yang lain. Ia akan menyelamatkan tempat lain, ini kajian dibuat. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri merujuk kepada kesan yang akan timbul kerana menggunakan tambakan batu. Yang saya cadangkan ialah menggunakan tambakan pasir, membesarkan pantai sehingga pantai dapat digunakan sebagai tempat peranginan yang baru. Itu cadangan yang dibuat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya tahu itu. Ada di kawasan lain, di Rio lebih besar lagi tambakan pasir. Kenapa hakisan berlaku? Di Rio. Pantai Copacabana. Jadi janganlah kita mengharapnya ianya tidak berlaku, ia akan terus berlaku. Seperti mana yang saya katakan tadi kemungkinan 10 tahun 20 tahun dan sebagainya di mana anak cucu kita. Oleh itu *sustainable development* pembangunan lestari amatlah penting yang kita terus menjaga. Ini yang kita buat, memang kita buat. Apa yang kita lakukan adalah sementara untuk generasi kita sekarang. Akan tetapi generasi yang akan datang, saya pun kasihanlah dengan mereka. Jadi ini ialah satu permasalahan Yang Berhormat. Akan tetapi terima kasih kerana menimbulkan isu itu, saya tahu.

Seterusnya ini masih di Hulu Langat. Ini menyentuh tentang Forest Research Institute Malaysia (FRIM). Apakah sumbangan FRIM di dalam pembangunan hutan dan pengurusan hutan? Sebenarnya sistem pengurusan hutan sekarang adalah hasil penyelidikan daripada FRIM sudah lama dahulu. Walaupun ia begitu, kena ada satu organisasi antarabangsa International

Tropical Timber Organization. Ini pun membuat sistem yang berlainan kerana pertukaran terus berlaku. Jadi negara kita mengguna pakai apa yang telah dikaji selidik oleh FRIM dan juga dibuat oleh International Tropical Timber Organization (ITTO) agar pengurusan hutan di negara kita akan terus mampan ataupun lestari.

Yang Berhormat Hulu Rajang menyentuh tentang sistem perparitan di Kapit. Sistem perparitan ialah tanggungjawab Majlis Perbandaran Kapit Yang Berhormat. Akan tetapi Majlis Perbandaran Kapit perlu juga berhubung dengan kementerian kami supaya kita boleh membantu dalam bentuk nasihat ataupun bentuk projek fizikal jika peruntukan sedia ada Yang Berhormat.

Seterusnya dari Yang Berhormat Serdang yang menyentuh tentang penguatkuasaan kerana punca pencemaran ini. Penguatkuasaan sememangnya dibuat kalau pencemaran di sungai dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar. Akan tetapi walaupun demikian, saya selalu berbincang dengan Jabatan Alam Sekitar mereka mengatakan kakitangan belum mencukupi lagi. Jadi mereka punya penguatkuasaan di mana-mana pun hanya waktu siang. Akan tetapi waktu malam, seperti rakan-rakan yang telah sebut siapa yang membuang bahan-bahan tercemar ke dalam sungai? Jadi ini memerlukan kakitangan yang lebih banyak lagi.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan macam itu Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Serdang. Saya yang tanya soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yalah.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Okey, Tuan Pengerusi. Tadi saya ada tanya beberapa soalan spesifik tentang penguatkuasaan tentang Taman Beringin *Leacheat Treatment Plant*, saya juga sudah dapat balasan daripada Jabatan Alam Sekitar. Tetapi apabila saya hantar orang ke sana, memang tidak ada apa-apa tindakan yang dilakukan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri jawapan yang spesifik, bukan jawapan yang umum, terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat sebut penguatkuasaan alam sekitar tadi. Ini yang sentuh. Kalau Yang Berhormat sebut Taman Beringin...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ya, ya ada. Saya ada bagi *example* yang spesifik Taman Beringin dan juga Forest City di Johor dekat Gelang Patah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: *You cannot demand answer like that* Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, Taman Beringin tetapi saya ikut *listing* Yang Berhormat. Yang Berhormat sebut juga tentang pencemaran udara. Diberikan kepada syarikat swasta untuk menentukan sama ada ianya tercemar ataupun tidak. Ini syarikat ASMA. Jadi syarikat inilah yang membuat dan mengukur pencemaran udara di negara kita dan maklumat yang diperolehi disalurkan kepada Jabatan Alam Sekitar supaya semasa jerebu maklumat ini

boleh dapat diperoleh oleh sesiapaupun yang ingin tahu dengan menelefon Jabatan Alam Sekitar. Selain daripada itu, Jabatan Alam Sekitar juga mengeluarkan maklumat ini di dalam surat-surat akhbar waktu jerebu. Seterusnya...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tambah ini daripada Laporan Ketua Audit Negara bukan saya yang cakap. Di mana ini perjanjian dalam ASMA dan kerajaan. Di mana Laporan Ketua Audit berkata artikel 13.21 mengehendaki ASMA dan kerajaan merahsiakan butiran perjanjian data rekod dan laporan yang dijanakan daripada pengetahuan pihak luar.

Artikel ini lebih menguntungkan ASMA kerana terdapat implikasi unsur perlindungan kepada ASMA daripada diteliti oleh pihak ketiga daripada aspek prosedur, mekanisme penggunaan, aplikasi, data, kos, harga serta kecekapan. Jadi apa yang Timbalan Menteri kata itu tidak benar kerana ASMA boleh kata, "Okey, ini adalah sesuatu yang dirahsiakan dan tidak boleh diberikan kepada orang umum." Saya rasa itu ialah kenyataan yang mengelirukan Dewan ini. terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat saya mengatakan tadi maklumat itu dihantar di Jabatan Alam Sekitar dan selepas itu Jabatan Alam Sekitar sesiapa yang meminta maklumat seperti kualiti udara, Jabatan Alam Sekitarlah yang beri. Ini kerana ASMA ialah kontraktor kepada Jabatan Alam Sekitar. Sudah 15 tahun, tahun hadapan kontrak itu akan tamat pada bulan Mei tahun hadapan.

■1710

Jadi bukannya mengelirukan, ASMA tidak boleh beri tetapi Jabatan Alam Sekitar boleh beri maklumat tentang kualiti udara ini kepada umum.

Seterusnya pusat *waste transfer* juga Yang Berhormat Serdang sebut tadi bahawa kualiti air di situ sememangnya tercemar. Ini bermakna *Leachate Treatment Plant* itu tidak cekap. Kemungkinan tidak sesuai kalau air yang dikeluarkan ke dalam apa itu, tasik atau sungai itu Yang Berhormat?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Sungai.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sungai. Kalau ia dikeluarkan di sungai, *Leachate Treatment Plant* itu memang belum cekap lagi untuk merawat air kumbahan daripada sisa-sisa buangan itu, sisa-sisa pepejal. Apa yang perlu adalah ia lebih cekap. Saya telah *design* untuk Kuching, Kuching Waste Management Park plan, ia kurang daripada VOD, kurang daripada 20, maknanya itu standard A. Oleh itu yang penting adalah reka bentuk *Leachate Treatment Plant*, macam mana ia perlu dibuat. Dengan itu, saya juga akan berbincang dengan Jabatan Alam Sekitar untuk meneliti pencemaran di *waste transfer station* itu Yang Berhormat. Selain daripada itu ...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Menteri, satu cadangan. Saya harap Yang Berhormat boleh berbincang dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga *local government* supaya boleh menambah baik *Leachate Treatment Plant* di Taman Beringin kerana ini adalah di bawah JPSPM. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Itu senang sahaja, saya boleh berbincang dengan mereka. Bahkan Ketua Pengarah Jabatan Sisa Pepejal dulu, dia selalu berbincang dengan saya macam mana untuk reka bentuk dan sebagainya. Okey Yang Berhormat, saya akan bincang dengan mereka.

Yang Berhormat juga sentuh tentang EIA untuk *land reconnection*, ini di Johor. Saya jawab dulu bahawa kalau kurang daripada 50 hektar, EIA tidak diperlukan di bawah Perintah EIA ataupun EIA Order. Akan tetapi Ketua Pengarah ada kuasa untuk projek proponent membuat EIA. Oleh itu, projek itu sudah pun dihentikan dan EIA telah pun dibuat. Akan tetapi apabila EIA telah pun dibuat, ini DEIA, *detail EIA*, *panel accesses* EIA mengatakan data ataupun maklumat yang diperoleh daripada lapangan belum mencukupi lagi. Oleh itu, mereka diberi, konsultan EIA diberi satu bulan lagi untuk memperoleh data-data yang penting bagi melengkapkan laporan EIA ini. Ini sedang dibuat sekarang Yang Berhormat sebab Ketua Pengarah JAS ada kuasa, Jabatan Alam Sekitar ada kuasa untuk mengarahkan EIA seterusnya dibuat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Menteri tetapi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat, saya kata EIA sudah pun dibuat. Sekarang projek itu sudah pun dihentikan dulu sebelum EIA siap.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Saya kena tegur Yang Berhormat Serdang kerana Yang Berhormat mencelah tidak ikut peraturan. Tidak apalah Yang Berhormat, bangun dulu kemudian saya akan tanya kepada Menteri untuk bagi jalan atau tidak.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Okey, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau kita buat begitu, kita berjalan lancar dan tidak melanggar peraturan.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Satu minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, maknanya bagi jalanlah itu kalau diam.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya sudah pun jawab sikit ini...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Bukan, saya hendak membuat sedikit penjelasan kerana apa yang saya diberitahu ialah pemaju sekarang sedang *reclaim land* di kawasan itu, sementara DEIA itu belum diluluskan lagi. Jadi, adakah kementerian akan membuat apa-apa tindakan termasuk mendakwa pemaju ini di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana *land reclamation* ini sedang dijalankan. Itu sahaja, penjelasan Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Aktiviti-aktiviti itu sudah pun diberhentikan Yang Berhormat. Petang ini tadi pukul 2.30 petang, ada mesyuarat yang berkaitan dengan ini, khas

untuk ini. Jadi, arahan untuk memberhentikan aktiviti-aktiviti pembangunan di situ Yang Berhormat.

Yang Berhormat Jelevu menyentuh tentang bidang kuasa JAS untuk pelbagai sungai, untuk pelbagai pemuliharaan sungai termasuk sungai di Sungai Hosapa, betulkah sebutan itu? Betul ya. Sungai Hosapa, disebabkan orang kepunyaan tanah itu telah pun mengalihkan aliran sungai melalui tanah dia. JPS tidak ada kuasa dari segi perundangan tetapi kerajaan negeri ada kuasa, kerajaan negeri ada kuasa untuk perkara seperti ini, memindahkan atau mengalihkan sungai. Jadi kalau JPS memberi nasihat kepada kerajaan negeri, mana-mana jabatan ataupun PBT, maka seharusnya PBT mengambil tindakan tentang itu. Ini kerana perkara seperti ini kadang-kadang orang punya tanah yang mengalihkan aliran sungai boleh menyebabkan *bottleneck* dan seterusnya menyebabkan banjir kalau hujan lebat. Jadi, ini memang satu perkara yang tidak baik. Jadi, kita tidak mahu banjir kilat berlaku seperti yang berlaku di Kampung Paya Baru, Ladang, Jelevu.

Seterusnya juga banjir kilat yang perlu kajian teknikal. Ini sudah dibuat Yang Berhormat. Banjir kilat seperti Yang Berhormat Bakri tadi, saya masih ingat tadi yang memerlukan RM3 bilion. Tidak Yang Berhormat, *estimate* kita RM9 bilion, *estimate* JPS. Jadi inilah yang diperlukan, macam banjir kilat di Kajang semalam.

Jadi di Kajang, siapa di Kajang mungkin akan senang hati sebab banjir kilat di Kajang akan diberi peruntukan untuk buat apa yang diperlukan agar banjir kilat tidak berlaku lagi. Jadi inilah yang penting. Di seluruh negara, RM9 bilion yang diperlukan. Akan tetapi, berapa lamakah kita akan buat supaya banjir kilat tidak berlaku lagi. Oleh itu, JPS akan bekerjasama dengan PBT dan kerajaan-kerajaan negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat Lumut sebut RTB ini yang lebih daripada RM800 juta. Jadi projeknya memang untuk rancangan tebatan banjir ataupun *flood mitigation* sama ada di dalam rancangan *flood mitigation* ini, rancangan tebatan banjir sama ada diperlukan pembinaan ban di tebing sungai ataupun perlukan membina *channel* ataupun saluran yang lain.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Itu memang diperlukan, ada tempat yang diperlukan. Sebagai contoh di Rantau Panjang, cuma peruntukan belum mencukupi untuk buat itu. Ini kerana Sungai Golok itu kalau musim hujan lebat, pengaliran air daripada hulu ialah 500 'cubic' melalui satu *channel* sahaja.

■1720

Oleh itu kalau kita membahagikan 500 'cubic' itu yang menggunakan saluran yang lain, maka mungkin banjir tidak terus berlaku, tidak ada limpahan di tebing sungai. Ketiga, kolam takungan. Kolam takungan perlu dibuat supaya air hujan ataupun air banjir bertakung di kolam takungan dan di situ kita meletakkan pam, rumah pam dengan pam di situ. Jika air mencapai satu paras, maka pam yang pertama di bawah itu akan beroperasi. Ini automatik beroperasi dan

pamkan air keluar hingga ke pam kedua dan pam ketiga. Jadi, inilah *three methodology* untuk menangani banjir.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Menteri, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, silakan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Thank you so much.* Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya tentang status terkini dan keberkesanan rancangan tebatan banjir di Kerian, Perak. Ini kerana dua minggu lepas ada banjir dan banjir kerap berlaku sekarang. Banjir tidaklah berlaku seperti di hujung tahun 1990-an yang mana banjir besar, beribu-ribu orang terpaksa dipindahkan tetapi banjir tetap berlaku. Dalam lawatan saya baru-baru ini saya lihat *flood gatenya* tidak berfungsi sangat dan melihat ada kawasan-kawasan yang terdapat mendapan di tebatan banjir. Jadi, ini persoalannya saya hendak tanya, bagaimana statusnya sekarang? Janjinya siap sepenuhnya tahun 2015, adakah ini akan berlaku dan apakah tindakan kerajaan? Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat. Ini rancangan tebatan banjir di Sungai Kerian akan diteruskan pada tahun 2015. Ada di dalam senarai projek tahun 2015. Jadi, diharapkan ianya boleh siap tahun 2015lah supaya banjir tidak berlaku di situ lagi. Walaupun ianya berlaku sebab sudah ada rancangan tebatan banjir ataupun struktur tebatan banjir, maka ianya tidak melimpah ke kawasan. Seterusnya, Yang Berhormat Gerik.

Yang Berhormat Gerik menyentuh tentang hutan simpan kekal di Malaysia, hutan simpan kekal yang sudah pun dikeluarkan. Ini mewartakan hutan simpan kekal ialah tanggungjawab kerajaan negeri dan mengeluarkan hutan simpan dari kawasan yang telah diwartakan juga tanggungjawab kerajaan negeri. Jadi, Jabatan Perhutanan Pusat ataupun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia membantu dalam segi nasihat sama ada perlu dikeluarkan ataupun tidak perlu dikeluarkan.

Setakat ini, kurang lebih lima juta hektar hutan simpan kekal di Semenanjung Malaysia. Selain daripada itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga ada satu projek yang dinamakan Forest Spine. Ini kita memang sentiasa berbincang dengan kerajaan negeri untuk mengekalkan hutan di dalam negara kita dengan mewujudkan Forest Spine. Iaitu hutan-hutan di satu negeri, hutan-hutan di negeri yang lain, kita tengok sama ada ianya dalam satu sambungan *or not*, sama ada boleh bersambung. Semuanya itu untuk pemuliharaan, Yang Berhormat.

Seterusnya, Yang Berhormat Gerik juga sentuh tentang ukur dan pemetaan. Ukur dan pemetaan supaya membantu negerilah. Memang Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) membantu negeri dalam pelbagai nasihat dan selain daripada itu, buat kerja pengukuran juga jika dipinta ataupun dipohon oleh kerajaan negeri.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan bangun, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soal yang disentuh oleh Yang Berhormat itu memang dari dahulu pun ada peruntukan yang spesifik untuk kerajaan negeri untuk mengukur tanah. Ini di bawah Butiran KADASTER. Butiran Yang Berhormat sentuh tadi itu, saya tunggu ini P.02804 – eKADASTER, Yang Berhormat sentuh tadi itu. Masalah dia Tuan Pengerusi, kita telah pun memohon Jabatan Ukur dan Pemetaan Kota Kinabalu, juga Jabatan Ukur dan Pemetaan Sarawak telah memohon peruntukan pada setiap tahun yang disalurkan kepada kerajaan negeri untuk menyukat atau mengukur tanah-tanah yang sudah lulus, yang membantu kerajaan negeri untuk mengukur tanah-tanah persendirian. Terutama sekali tanah-tanah di kampung di Beluran, mungkin di Keningau pun ada juga, di Suk, di Pensiangan, tanah-tanah yang belum diukur.

Akan tetapi peruntukan yang dibagi itu tidak mencukupi. Bolehkah Yang Berhormat, kalau boleh, ini satu isu yang selalunya timbul di *Facebook*, di warta-warta tempatan, soal tanah-tanah *native* yang dicerobohi oleh pemohon-pemohon luar dari kawasan itu, termasuk kawasan Telupid dan di Beluran ini. Adakah Yang Berhormat menyedari masalah penduduk-penduduk luar bandar, terutama sekali yang sudah menduduki tanah-tanah itu, tiba-tiba dimiliki oleh orang luar. Jadi, bolehkah Yang Berhormat melihat sedikit perkara ini supaya membantu, supaya penyukatan-penyukatan tanah ini dapat dilaksanakan dengan secepat yang mungkin. Boleh Yang Berhormat?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Kita akan bantu kerajaan negeri dalam perkara ini. Itulah sebabnya kita mewujudkan eKADASTER supaya kita ada rekod dan ada maklumat, data-data yang terpenting dan yang mana perlu diselesaikan, kita akan menyelesaikan dengan secepat mungkin melalui eKADASTER.

Seterusnya, Yang Berhormat Gerik juga menyentuh tentang perlombongan bijih timah. Di mana hanya dua orang pegawai untuk penguatkuasaan di Perak. Ini saya akan berbincang dengan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) untuk meneliti perkara ini sama ada dua pegawai untuk penguatkuasaan mencukupi ataupun tidak. Ini sebab perlombongan bijih timah di mana-mana pun seharusnya dipantau dan juga dijaga dengan sebaik-baiknya. Supaya aktiviti-aktiviti yang tidak betul itu janganlah dibuat oleh pelombong-pelombong.

Perlombongan bijih timah di Kelian Intan yang menyebabkan pencemaran sungai berlaku. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Ini kerana musim hujan, apa yang tersimpan di atas tanah itu di tapak perlombongan, ianya akan mengalir ke dalam sungai. Jadi, bahan-bahan kimia yang diguna pakai untuk perlombongan ini akan mengalir ke dalam sungai, maka pencemaran sungai sememangnya berlakulah. Oleh itu, seharusnya jika kawasan perlombongan ini ada EIA yang telah dibuat dahulu, sememangnya langkah mitigasi seharusnya ada. Kalau tidak ada EIA dibuat, tidak ada langkah mitigasi. Oleh itu, perlu *enforcement* dan pemantauan di dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh habis dalam masa 10 minit Yang Berhormat? Ataupun Yang Berhormat hendak jawab secara bertulis?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Bagi yang lain, saya akan menjawab secara bertulis, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Pengerusi, minta laluan Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Laluan lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, yang lain boleh jawab secara bertulis, Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jawapan bertulis? Jawapan bertulis, Yang Berhormat Kapar, boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Boleh jawab secara bertulis, Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, boleh?

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Boleh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya *just*- boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis sudah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jawapan bertulis?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bagi yang lain, sudah jawab secara bertulis Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sudah pukul 5.30 petang. Okey, yang lain saya belum jawab, jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ini sampai Yang Berhormat Gerik sahaja yang saya boleh jawab. Jawapan bertulis nanti termasuk senarai projek-projek di kawasan Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Menteri, boleh kasi satu minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,101,875,500 untuk Maksud B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,101,875,500 untuk Maksud B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,584,203,700 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,584,203,700 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Isnin 17 November 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang]